

"BETA amatlah berharap terutama kepada para belia agar sentiasa menginsafi serta menghindarkan diri daripada dihindangi oleh pengaruh-pengaruh negatif yang boleh menjerumuskan mereka kepada perbuatan mengganggu gugat keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati selama ini." - Titah Sempena Tahun Baru Masihi 2003.

قليتا بروني Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DAN juga mereka yang diredai Allah itu ialah yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu." - Surah Al-Furqan ayat 67.

TAHUN 51 BILANGAN 31

RABU 2 OGOS 2006/1427 رابو 8 رجب

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

دولة كباوه دولي توان فاتيك Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Belia dieksploitasi lariskan produk hiburan

BERAKAS, Selasa, 1 Ogos. - Para pemimpin belia di negara ini diingatkan supaya berhati-hati dengan pihak-pihak tertentu yang sentiasa mengeksploitasi belia-belia terutama para remaja kita bagi kepentingan mereka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah ada terdapatnya belia-belia yang digunakan untuk melarikan dan 'costume' yang tidak serasi dengan adat resam bangsa.

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

Mengapakah para belia ini menjadi sasarannya? Ini, menurut baginda kerana sifat-sifat belia yang memang menarik, di samping juga faktor kejiwaan di mana mereka mudah terpengaruh kepada perkara-perkara hangat dan baru.

"Kesempatan inilah yang sering diambil oleh pihak-pihak yang berkaitan itu tanpa mepedulikan sama ada baik ataupun buruk," titah baginda ketika berkenan melancarkan Sambutan Hari Belia Kebang-

saan 2006 hari ini, yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Baginda seterusnya menegaskan eksploitasi terhadap kelemahan-kelemahan belia seumpama ini wajarlah jangan dibiarkan, tetapi perlu diambil perhatian serius serta ditangani oleh kita semua khasnya para pemimpin belia sendiri.

☞ Lihat muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Dr. Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pelopor Majlis Belia Brunei yang sebelumnya dikenali dengan nama Majlis Pemuda dan Pemuda Brunei (MPPB) yang ditubuhkan pada tahun 1956.

Tonjolkan imej dan sikap calak Brunei

BERAKAS, Selasa, 1 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, sebagai peneraju masa depan, golongan belia kita tidak boleh menampakkan sikap serta imej yang tidak serasi dengan 'calak bangsa'.

Hidup dikandung adat, titah baginda, juga merupakan budaya yang berharga

di mana dalam 'Orang Brunei' masih palikat dengan nilai-nilai berawar galat, menghormati orang tua, lutan dan tidak camah mata.

"Nilai-nilai inilah yang membawa kita bangun dan disegani," titah baginda di Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2006 yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Baginda seterusnya

bertitah, belia kita juga perlu memiliki prestasi di pelbagai bidang, seperti pendidikan dan kemahiran-kemahiran yang mana ia boleh dicapai melalui saluran-saluran biasa serta latihan-latihan khusus.

Menyedari hakikat itu, Kerajaan Kebawah Duli

Oleh
Bolhassan Haji Abu Bakar

bolhassan.bakar@information.gov.bn

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menyediakan institusi-institusi pendidikan bagi memperolehi pelbagai ilmu dan juga kemahiran-kemahiran.

Dengan kemudahan-ke-

mudahan yang disediakan itu, titah baginda telah membuka pintu untuk Negara Brunei Darussalam mencapai kecemerlangan bagi jangka waktu yang tidak terhad.

Dalam titah selanjutnya, baginda menegaskan, bahawa kaum belia merupakan aset berharga dalam konteks pembangunan bangsa dan penyumbang yang aktif khususnya di bidang-bidang kesukarelawan.

"Beta amatlah menghar-

gai penglibatan mereka di bidang ini, kerana ia mencerminkan kejujuran serta semangat sedia berkurban," tegas baginda.

Tanpa semangat itu, titah baginda seterusnya, semua aktiviti sukarela itu mustahil untuk dijemakan.

Baginda yakin semangat kesukarelawan bagi seorang warga bangsa adalah menjadi penentu kepada tinggi rendahnya kemajuan yang dicapai.

INGIN mendapatkan maklumat terkini mengenai Berita dan Kalendar Acara Sempena Sambutan Hari Keputeraan sila layari : www.royalbirthday.info

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Nilai semula, 'Review' pelaksanaan E-Kerajaan

- Muka 10

Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur

- Muka 15, 16, 17, 18 dan 19

Seruan Suci :

Berbelanja secara sederhana, amalkan jimat cermat

- Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

'PUSAT Pembangunan Belia di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditubuhkan pada tahun 1996 antara lain bertujuan melatih belia-belia yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 2 atau 3 'O' level dan paling rendah setakat pandai 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Setakat ini pusat itu telah melatih belia-belia dalam pelbagai kemahiran seperti masak-memasak, membuat kuih-muih, menjahit, dandan rambut dan solekan serta komputer dan pengendalian pejabat. Kemahiran yang diperolehi dari pusat tersebut membolehkan belia-belia berperan dalam menyumbang khusus bagi pembangunan dan perkembangan ekonomi negara. Setakat ini ramai para pelatih yang telah berjaya menyahut pelbagai cabaran dengan membuka perniagaan dan mengisi pelbagai jawatan.' - Sumber dari Kertas Kerja Seminar Mendukung Kedaulatan Raja sempena Majlis Ilmu oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



2 OGOS 2006 BERSAMAAN 1427 رجب 8

JANGAN MUDAH DIEKSPLORITASI PIHAK TERTENTU

DALAM era global dan dunia tanpa sempadan, belia-belia kita kini terdedah dengan pelbagai pengaruh yang datang dari pelbagai penjuru. Pengaruh yang amat kita takuti ialah mereka mudah dieksplorasi oleh pihak-pihak tertentu untuk pelbagai kepentingan. Mereka juga mudah mengikut dan meniru-niru gelagat dan cita rasa orang lain yang tidak secocok dengan nilai bangsa sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.

Ini diakui sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Pertama yang diadakan malam semalam. Baginda antara lain menekankan 'Golongan belia terutama belia remaja adalah sentiasa terdedah kepada eksploitasi pihak-pihak tertentu untuk kepentingan mereka'.

Kekhuatiran yang diungkapkan oleh baginda itu, menuntut semua pihak untuk lebih peka dan memberikan perhatian yang serius serta ditangani oleh kita semua. Sebagai aset negara dan permata yang berharga, kita tidak rela belia kita mudah terpengaruh dan mudah dipengaruhi. Kerana kita sedar, golongan ini mudah terpengaruh kepada perkara-perkara yang baru dan hangat. Mereka mudah rapuh dan cepat menerima sebarang pembaharuan tanpa mengira kesan sampingan.

Sebagai misal ada belia-belia yang digunakan untuk melarikan pelbagai produk hiburan dan kostum. Walhal perbuatan itu tidak serasi dengan adat resam dan kehidupan orang-orang Brunei. Perkara ini perlu kita tangani bersama jangan sampai impaknya akan memudaratkan bangsa kita sendiri, sekali gus mencemarkan imej negara.

Dalam konteks ini, elok kita renung titah baginda selanjutnya, "Beta memahami produk-produk dalam bentuk hiburan dan kostum itu impaknya kepada belia adalah dianggap minimal, dengan alasan, sifatnya bermusim dan tidak kekal, tetapi pada beta, kita jangan sekali-kali lupa bahawa apa yang disemai itulah pula yang akan kita tuai."

Bagi meredakan kehangatan jiwa mereka yang selalu berubah-ubah dan mahukan perubahan dalam kehidupan mereka, adalah sudah kena pada tempatnya program-program menyuntik kesedaran berbangsa dan bernegara perlulah diperhebatkan dan diperbanyakkan. Program-program yang menjurus kepada semangat patriotik perlu kita semai dan ungkayahkan. Jangan biarkan jiwa mereka kosong dan mudah dipengaruhi. Kerana jika kita lambat bertindak, orang lain akan mengambil kesempatan daripada kelalaian itu, sehingga menjadi isu sosial yang kronik.

Walau bagaimanapun, untuk merealisasikan bukanlah menjadi tanggungjawab 100 peratus kerajaan dalam memeduli semua hal ehwal belia, tetapi mustahak juga dipikul oleh semua pihak untuk merencanakan apa jua yang baik dan berfaedah untuk belia.

Apa pun pengaruh dan rintangan mendatang, para belia kita hendaklah tetap taat kepada Allah, setia kepada raja dan cinta kepada negara seperti apa yang termaktub dalam Ikrar Belia itu sendiri. Dengan berpegang teguh kepada ketiga-tiga elemen itu pastinya belia kita tetap berjaya dalam mengharungi apa jua bentuk kemajuan dan pembangunan. Inilah sebenarnya impian kita untuk melahirkan belia yang cemerlang.

Negara terus memerlukan para belia yang produktif, responsif, inovatif, kreatif dan mempunyai serba-serbi kemahiran dalam membangunkan bangsa dan negara. Dengan pelancaran Hari Belia Kebangsaan, semua warga belia kita akan terus bekerja keras dalam membela nasib bangsa. Sebagai peneraju masa depan, golongan belia kita tidak boleh menampakkan sikap serta imej yang tidak serasi dengan 'calak bangsa'.

Kita juga sepatutnya menyanjung tinggi pengorbanan belia yang kini dianggarkan berjumlah 162,600 yang berumur dari 15 hingga 40 tahun iaitu 79,700 lelaki atau 22.8 peratus dan 82,900 (23.8 peratus) terdiri dari perempuan. Ternyata, nisbah belia merupakan separuh daripada 'jalama' negara ini. Ini bermakna, peranan mereka cukup besar dalam mencorakkan landskap pembangunan dan kemajuan negara.

Setelah hampir 47 tahun sejak 1959 pergerakan belia diwujudkan, para belia negara telah berjaya menahan dan memikul tanggungjawab dalam mencemerlangkan dan membawa negara kita ke mercu kejayaan seperti yang kita nikmati sekarang. Sumbangan mereka terhadap 'nation building' bukan sahaja menggalakkan tetapi secara langsung mencemerlangkan dan menaikkan imej negara di pelusuk dunia. Begitulah, rempah-ratus sumbangan para belia yang tidak dapat dihitungkan dengan jari.

HASRAT NEGARA



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Majlis Pembukaan Rasmi Forum Antarabangsa Mengenai Bantuan Bencana di Rizqun International Hotel The Mall, Gadong pada 10 Julai 2006.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

IZINKAN saya mulakan dengan mengucapkan selamat datang kepada tetamu-tetamu kehormat dari seluruh rantau dan pelusuknya.

Saya berharap para tetamu sekalian akan sentiasa berbahagia di sepanjang berada di Negara Brunei.

Di sepanjang peredaran abad ini, kita telah menjadi saksi kepada kemusnahan daripada perbuatan manusia dan juga kekuasaan alam.

Kita telah melihat yang kejadian malapetaka sedemikian yang tidak mengenal sebarang sempadan dan apabila ianya berlaku tidak kira sama ada, negara maju atau sedang maju, kedua-duanya telah bergelut untuk menangani kemusnahan dan kesan pemulihan kemusnahan.

Bersandarkan kepada keadaan tersebut maka Forum Antarabangsa Mengenai Bantuan Bencana telah diadakan untuk menggalakan para profesional dan perintis dalam bidang-bidang khusus dari seluruh dunia.

Bersama kita pada hari ini adalah perwakilan-perwakilan penting daripada banyak agensi-agensi utama antarabangsa mengenai pengurusan bencana.

Saya juga berpuas hati dengan penglibatan bermakna daripada agensi-agensi tempatan kita.

Forum Antarabangsa ini mencerminkan kesungguhan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi proaktif terhadap persekitaran menghadapi bencana dan bantuan bencana di peringkat domestik dan antarabangsa.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan kepada Universiti Brunei Darussalam khususnya Institut

Perubahan yang mengungayahkan dan menganjurkan forum berprestij ini.

Globalisasi telah membuat manusia lebih sedar dan prihatin terhadap kejadian yang berlaku di negara-negara lain.

Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi sekarang telah membawa secara 'real time' gambaran-gambaran kemusnahan dan emosi mangsa-mangsa ke ruang-ruang tamu dan skrin komputer kita.

Kesedaran kita terhadap bencana-bencana turut dipertingkatkan oleh kesan-kesan global kemusnahan dan kehancuran yang dibuatnya.

Yang menghairankan, peningkatan tahap sosio-ekonomi dan perkembangan teknologi telah juga menyumbang kepada peningkatan kesan bencana-bencana.

Sebagai contoh, kemajuan dalam kejuruteraan dan teknologi membawa keburukan serta kebaikan, di mana bangunan-bangunan tunggal sekarang boleh menampung sebuah masyarakatnya yang tersendiri tetapi dalam masa yang sama boleh juga menanggung kesan kemusnahan akibat dari bencana apabila ianya tidak direka untuk menampung kekuatan bencana alam.

Semakin penduduk bertambah, terutamanya di kawasan bandar dan yang berdekatan bandar, lebih banyak orang akan terkena bencana daripada sebelumnya.

Pencemaran industri di peringkat tinggi akan membawa kepada faktor alam sekitar seperti kenaikan suhu dunia secara menyeluruh, yang mana menyebabkan perubahan cuaca yang memainkan peranan utama dalam perubahan deras corak cuaca dan membawa kepada banjir, kenaikan paras laut serta kemusnahan teruk kepada masyarakat yang tinggal di kawasan berdekatan laut.

STRATEGI TINDAK BALAS BENCANA PENTING DISELARASKAN

tinggal di kawasan berdekatan laut.

Pemusnahan hutan dan pembalakan yang tidak terkawal telah menghilangkan pendinding semula jadi kepada tanah susur dan mengakibatkan banjir, tanah runtuh yang dahsyat dan lebih-lebih lagi kehilangan nyawa dan harta benda.

Kita juga sekarang berhadapan dengan ancaman lebih besar daripada penyakit-penyakit seperti Selesema Burung dan SARS yang semakin cepat meningkat dari menjadi epidemik kebangsaan kepada pandemik global.

Ancaman ini turut diburukkan lagi dengan sistem pengangkutan global yang lebih baik di mana peningkatan pergerakan manusia-juga membantu mempercepatkan penyebaran penyakit-penyakit berjangkit di antara pelbagai rantau benua.

Mujurnya, sungguhpun kesan kemusnahan sekarang menjadi lebih global, demikianlah juga dengan tindak balas mengenainya.

Kita sekarang melihat kedua-dua agensi kerajaan dan bukan kerajaan telah dapat bergerak untuk menyediakan sokongan sejangkat dalam bentuk pasukan bantuan bencana, kewangan, peralatan dan bekalan-bekalan lain.

Sokongan pada peringkat ini adalah bukti jelas mengenai tindak balas-tindak balas sejangkat terhadap bencana-bencana yang meliputi Tsunami Asia kepada gempa bumi di Pakistan dan juga kesan Ribu Taufan Katrina.

Dalam hubungan ini, Negara Brunei Darussalam sungguh menyedari tentang pentingnya bagi penyaluran strategi tindak balas bencana yang cukup teratur di kedua-dua peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Di peringkat kebangsaan, Negara Brunei Darussalam telah mengeluarkan Perintah Pengurusan Bencana 2006, yang membolehkan kerajaan menubuhkan Majlis Bencana Kebangsaan dan seterusnya Pusat Bencana Kebangsaan.

Majlis ini akan ditugaskan bagi penyediaan rangka kerja strategik yang komprehensif untuk pengurusan bencana bagi Negara Brunei Darussalam.

Semua agensi kerajaan dan perkhidmatan bantuan yang berkenaan akan diseru untuk memainkan peranan masing-masing dalam tindak balas yang selaras terhadap bencana-bencana dan pengurusan bencana dan usaha-usaha pemulihan yang menyusul.

Dari segi penyediaan bantuan serantau dan antarabangsa kepada mereka

yang terbahit oleh bencana di seluruh dunia, Negara Brunei Darussalam mempunyai dua peringkat pengurusan bantuan bencana iaitu di peringkat kerajaan dan bukan kerajaan.

Di peringkat kerajaan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelum ini telah menghantar beberapa misi bantuan kemanusiaan kepada kawasan-kawasan serantau yang dilanda bencana.

Semasa usaha-usaha pemulihan semula Tsunami di Aceh, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menghantar kontinjen yang terdiri dari kakitangan perubatan, kakitangan bantuan operasi dan beberapa orang awam untuk membantu dalam usaha-usaha pemulihan semula.

Tenaga kerja ini juga turut didukung oleh pesawat helikopter Blackhawk dan pesawat ringan udara.

Operasi yang sama juga telah dilakukan semasa kejadian gempa bumi yang telah banyak memusnahkan Yogyakarta.

Penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam operasi-operasi sedemikian telah menjadi satu pengalaman yang berharga dan membolehkan kita untuk memperluaskan lagi keupayaan-keupayaan kita dalam memberikan tindak balas dan mengurus bantuan kemanusiaan serta kerja bantuan.

Di peringkat domestik, kerajaan telah mengarahkan agensi-agensi domestik yang khusus dan menyediakan infrastruktur untuk menampung kebajikan mangsa-mangsa bencana setempat bagi memastikan agar mereka menerima bekalan makanan, perlindungan sementara, pakaian dan bantuan kewangan yang mencukupi.

Di peringkat bukan kerajaan, rakyat Negara Brunei Darussalam bersatu untuk mengutip derma dan juga secara sukarela membantu dalam usaha-usaha bantuan dan pemulihan.

Yang menjadi perhatian adalah usaha-usaha oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah bermurah hati memberikan bantuan terhadap aktiviti-aktiviti bantuan bencana di pelbagai negara.

Visi Yayasan tersebut termasuklah penglibatan yang lebih aktif dalam kerja bantuan bencana di masa akan datang di dalam dan di luar Negara Brunei Darussalam.

Di peringkat serantau, Negara Brunei Darussalam telah bergiat aktif di dalam ASEAN dalam Jawatankuasa Mengenai Pengurusan Bencana dan Program Serantau Mengenai Pengurusan Bencana.

Dalam bulan Julai 2005, ASEAN telah meluluskan Perjanjian Mengenai Pengurusan Bencana alam akan tetapi kunci utamanya ialah kesediaan.

Bencana tidak dapat dijangkakan tentang lokasi dan masa. Dengan kemajuan meteorologi dan geologi, kita mungkin dapat sedikit amaran awal tentang kedatangan bencana alam akan tetapi kunci utamanya ialah kesediaan.

Untuk bersedia dalam persiapan memerlukan kerjasama, koordinasi dan pelan kontingensi dari pelbagai agensi.

Sama pentingnya ialah kesediaan tenaga manusia dan sumber bahan yang tertentu yang diperlukan untuk mengurus keadaan sedemikian.

Demi untuk memahami dan mengenali tenaga manusia dan sumber bahan yang diperlukan, kajian penilaian risiko secara terperinci dan realistik adalah diperlukan.

Dalam hubungan ini, Universiti Brunei Darussalam sebagai institusi pendidikan tertinggi kebangsaan yang utama seharusnya menimbangkan bagi penubuhan program jangka pendek khusus untuk memberikan latihan kepada pekerja-pekerja bencana.

Kursus-kursus ini boleh merangkumi penilaian risiko, kesediaan terhadap bencana, bantuan bencana dan pemulihan pasca bencana.

Universiti ini juga boleh memasukkan ke dalam program tambahan kurikulum siswazah mengenai elemen asas tindak balas bencana di peringkat masyarakat.

Tambahan lagi, peranan utama yang dimainkan oleh Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Bersenjata, Polis, pihak-pihak berkuasa perubatan dan Bandaran juga mesti menjadi sebahagian utama bagi mana-mana usaha-usaha pembinaan keupayaan.

Saya percaya bahawa kita di Negara Brunei Darussalam masih perlu banyak mempelajari daripada pelbagai pengalaman yang ada di forum ini.

Dengan itu, saya berharap forum ini akan berjaya dalam perbincangan-perbincangannya dan seterusnya berjaya dalam menjadikan rantau dan dunia ini tempat yang lebih selamat.

Dengan mendahulukan kalimah, Bismillahir Rahmanir Rahim, saya sukacita merasmikan pembukaan Forum Antarabangsa Pertama Brunei Mengenai Bantuan Bencana 2006.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ANALISIS

Raja Berdaulat, Negara Berkat, Rakyat Selamat

Oleh: Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

MAJLIS Ilmu tahun 2006 sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 membawa tema besar 'Raja Berdaulat, Negara Berkat, Rakyat Selamat' yang mempunyai pengertian yang sangat luas.

Tema tersebut merangkumi tiga unsur yang saling berkait rapat di antara satu dengan yang lain. Kedaulatan raja yang didalamnya merangkumi ciri-ciri hak, kepimpinan, ihsan dan keadilan itu tentunya membawa berkat kepada negara dan rakyat yang bernaung di bawahnya. Ini bermakna kedaulatan raja itu adalah juga kedaulatan bangsa dan negara.

Dalam konteks sistem kerajaan kita di negara ini, tiga elemen itulah yang mewarnai ciri-ciri kehidupan berbangsa dan bernegara. Ketiga-tiga unsur ini saling mendukung antara satu sama lain.

Perkara ini antara lain turut disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan merasmikan Majlis Ilmu 2006 yang antara lain menyebut:

"... Dalam makna kedaulatan raja adalah juga kedaulatan bangsa dan ne-

gara. Ia merupakan lambang kewujudan bangsa dan negara itu sendiri.

"... Inilah dia kedaulatan, suatu nilai luhur bagi raja dan negara. Ketiga-tiga elemen ini dapatlah diumpamakan sebagai 'satu tubuh' yang tidak boleh ada berpisah-pisah walau satu pun anggota yang cacat, ibarat maksud hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, jika satu anggota sakit, seluruh tubuh akan turut mengalaminya."

RAJA

Dalam ajaran Islam, terdapat ayat-ayat Al-Qur'an, hadis, riwayat dan kitab-kitab yang menyebut mengenai raja dan pemerintah antaranya:

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Al-Qur'an ayat 59 dalam Surah An-Nisaa' yang tafsirnya:

"Ta'atlah kamu akan Allah, dan ta'atlah kamu akan Rasulullah, dan ta'atlah kamu akan Ulu'l-Amri (pemerintah daripada kamu) apabila mereka menyuruh kamu dengan membuat perkara taat kepada Allah dan Rasul-Nya."

Sementara itu Al-Imam Ibnu Hajar dalam Kitabnya, Attuhfah berkata, "Melantik raja adalah Fardhu Kifayah seperti melantik Kadi."

Al-Sharbini Al-Khatib dalam kitabnya Al-Mughni dan Shekul-Islam Al-Ansari dalam kitabnya, Asnal-

Matalib pula berkata, "Kerana mestilah bagi umat Islam mempunyai seorang Imam (raja) yang menjalankan sikap mengemangnya."

* Kerja-kerja agama

* Menguatkan ajaran-ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

* Membela orang-orang yang kena zalim daripada penzalim.

* Menyempurnakan segala hak dan meletakkan hak-hak itu pada tempatnya."

Dalam Tafsir Al-Manar juga dinyatakan bahawa ketua-ketua itu (Ulu'l-Amri) ialah Sultan-sultan, Pemerintah-pemerintah, cerdik-pandai, ketua-ketua angkatan bersenjata dan semua pemimpin-pemimpin dan pengatur-pengatur iaitu mereka yang menjadi tempat orang ramai merujuk kehendak-kehendak dan kepentingan-kepentingan umum, maka jika mereka itu telah bersetuju di atas sesuatu perkara atau membuat sesuatu hukuman, pengikut-pengikut mereka hendaklah mentaatinya dan memberikan taat setia dengan empat syarat yang berikut:

* Ketua-ketua itu terdiri dari orang Islam.

* Ketua-ketua itu tidak menyalahi perintah Allah dan perintah Rasulullah.

* Ketua-ketua itu hendaklah membuat keputusan mereka menurut kehendak fikiran mereka sendiri dengan tidak dipaksa atau dipengaruhi.

* Keputusan mereka itu

mengenai dengan kepentingan umum yang mereka mempunyai bidang kuasa ke atasnya dan boleh menentukan sikap mengemangnya.

BERDAULAT

Berdaulat dalam Kamus Dewan bererti Bertuah, Berbahagia; Mempunyai kuasa (yang tertinggi); Merdeka dan berkuasa atau berhak sepenuhnya di atas urusan atau pemerintahan sendiri; Mempunyai kedudukan yang tinggi dan berkuasa; Berwibawa.

Maka dengan kedaulatan yang ada itulah raja (pemerintah) melaksanakan urusan pemerintahan dan pentadbiran negara. Dengan hak dan kuasa itulah juga raja melantik para menteri dan pegawai-pegawai kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar dan projek-projek kerajaan.

Sebagai umat Islam kita berpegang kepada 'sesuatu kebaikan yang dilakukan akan dibalas dengan kebaikan' oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Insya Allah pemerintah yang beriman, baik, amanah dan adil pasti akan sentiasa mendapat petunjuk dan bantuan Allah.

Dalam hal ini Imam Abu Daud meriwayatkan sebuah hadis daripada Sayidatuna Aisah, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Jika Allah menghendaki kebaikan terhadap seorang raja (pemerintah) maka di-berinya bagi raja itu menteri yang jujur, jika raja lupa,

menterinya mengingatkan, dan jika raja itu ingat, menterinya membantunya. Dan jika Allah menghendaki selain dari itu, maka Allah memberi padanya menteri yang tidak jujur, jika raja lupa, menterinya tidak mengingatkannya dan jika raja itu ingat, menterinya tidak membantunya."

Maka dalam hal ini jika pemerintah digandungi oleh para menteri dan pegawai-pegawai kerajaan yang jujur dan amanah serta sentiasa membantu maka negara akan menjadi aman, makmur, maju dan membangun.

Sebaliknya jika pemerintah digandungi oleh para menteri dan pegawai-pegawai kerajaan yang tidak amanah atau tidak mempunyai komitmen terhadap kerajaan, maka kemakmuran dan kesejahteraan negara akan terjejas dan pembangunan tidak akan dapat dicapai dengan jayanya. Bermakna kedaulatan pemerintah itu sangat dipengaruhi oleh faktor-faktor di atas.

RAKYAT

Rakyat begitu berperanan dalam menentukan kestabilan dan kemajuan negara. Kesetiaan dan komitmen rakyat kepada pemerintah dan kerajaan begitu penting. Tanpanya sesebuah negara tidak akan makmur dan membangun.

Menyentuh mengenai kesetiaan dan ketaatan ini, daripada Abdullah (bin Omar) Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang

maksudnya:

"Dengar dan taat (kepada ketua) adalah menjadi kewajiban ke atas orang Islam (dalam apa jua perkara pun) sama ada ia suka dan ia tiada suka selagi ia tidak diperintahkan untuk membuat maksiat, maka jika ia diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat maka tiada dengar dan tiada taat."

Dalam hal taat kepada ketua ini, ia tidak bermaksud menentang jalan bagi pengikut-pengikut itu memberikan pandangan dan pendapat secara jujur dan ikhlas secara berhemah semata-mata untuk kebaikan bersama.

Dalam zaman moden ini banyak saluran (yang sah) boleh digunakan untuk menyampaikan pandangan dan pendapat positif. Pelbagai forum atau 'platform' disediakan melalui pelbagai institusi, majlis dan jawatankuasa baik di peringkat tinggi mahupun di peringkat akar umbi.

MUFAKAT

Untuk menjaga kedaulatan bersama itu maka 'muafakat' pasti akan membawa berkat. Dalam hal ini ada baiknya kita petik beberapa hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sesiapa yang hendak melakukan sesuatu urusan umat Islam hendaklah melakukan syura, nescaya Allah akan memberikan taufik bagi memperelokkan urusan mereka." (Riwayat Al-Tabarani).

"Hendaklah kamu meminta pandangan (bersyura) dari cerdik pandai nescaya akan mendapat petunjuk dan jangan kamu mengingkarnya, nescaya kamu menyesal." (Riwayat Al-Khatib).

"Orang yang diminta nasihatnya (yang diajak bersyura) adalah orang yang dipercayai dan jika ia memberi nasihat beriklanah nasihat yang ia sendiri ingin melaksanakannya untuk dirinya." (Riwayat Al-Tabarani).

Nasihat-menasihati itu memang dituntut dalam ajaran Islam. Ini sesuai dengan satu lagi hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Agama itu adalah nasihat."

Sebelum mengakhiri tulisan ini ada baiknya kita renungkan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidil Adha 10 Zulhijah 1425 bersamaan 20 Januari 2005 untuk manfaat bersama:

"Semua pihak perlu terbuka untuk kebaikan. Nasihat-nasihat yang baik janganlah sewenang-wenangnya ditolak. Lebih-lebih lagi jika nasihat-nasihat itu datangnya daripada sumber rasmi, seperti ucapan-ucapan para pemimpin, khutbah-khutbah ataupun ia dalam bentuk tulisan dan seumpamanya."

Akhirnya: Kedaulatan perlu dipertahankan.

Kebawah DYMM menjulang tinggi kegiatan keilmuan

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

BERAKAS, Khamis, 20 Julai. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengembarakan keprihatinan baginda yang menjulang tinggi terhadap kegiatan keilmuan yang berkebakiran sebagai pendorong semangat dan teladan kepada rakyat dan penduduk di negara ini untuk mengikutinya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Eusoff Agaki bin Haji Ismail menyebarkan perkara tersebut pada Perasmian Majlis Ilmu Sempena Perayaan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Beliau berkata, Majlis Ilmu kali ini yang bertepatan dengan 'Raja Berdaulat,



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Eusoff Agaki bin Haji Ismail. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

Negara Berkat, Rakyat Selamat' bertujuan untuk meneruskan mercu tanda keilmuan perayaan sam-



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menyertai Seminar Majlis Ilmu 2006. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

butan Hari Keputeraan baginda, selain sebagai kesinambungan wadah mendukung kepimpinan baginda yang berazam membangun bangsa dengan ilmu di bawah keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ia juga bertujuan untuk merealisasikan dan meningkatkan penghayatan rakyat tentang kedaulatan raja, di samping menjana fikiran (daya fikir) dan mengatur strategi pembentukan generasi yang memelihara kedaulatan raja dan negara berasaskan kesedaran melalui ilmu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menambah, Majlis Ilmu kali ini mengandungi Seminar Mendukung Kedaulatan Raja, Pameran Majlis Ilmu 2006 dan Forum Majlis Ilmu yang memperkatakan isu berkisar mengenai kedaulatan raja.

Sebanyak empat kertas kerja tempatan dan dua kertas kerja luar negeri akan dibentangkan di semimar tersebut.

Majlis Ilmu pada tahun ini akan dilancarkan dengan mengadakan Forum Majlis Ilmu ke daerah-daerah.

Kepimpinan strategik menjana mutu kerja yang tinggi

Oleh: Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

RIMBA, Isnin 26 Jun. - Kepimpinan strategik diperlukan dalam sesebuah organisasi untuk memimpin dan membimbing pekerja serta mengemblem sumbangan mereka bagi menjana mutu kerja yang tinggi.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman berkata demikian di Majlis Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-jabatan di bawahnya, berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Dato Paduka menambah, kebolehan menyelesaikan masalah unit atau bahagian dalam organisasi dan semangat bekerja secara kumpulan adalah aspek-aspek yang perlu ada dalam KKC.

Beliau berpendapat ciri dan nilai murni seharusnya dijadikan contoh dan ikutan semua warga KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sementara itu, pihak pengurusan jabatan di bawah KHEDN kata beliau, perlu memainkan peranan positif dalam mengukuhkan hubungan muhibah dengan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

pekerja dan menaruh kepercayaan serta memberi dorongan terhadap kebolehan pekerja dalam menyelesaikan masalah yang ada.

Beliau menambah, peranan positif itu boleh mendorong pekerja untuk lebih gigih dan sentiasa berusaha memperbaiki dan meningkatkan mutu kerja masing-masing.

"Saya menaruh keyakinan dalam kita menghadapi cabaran pada masa mendatang kita sangat memerlukan sumbangan semua warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya," kata beliau.

Beliau juga ingin melitihati inisiatif usaha yang

dibuat terus dijadikan amalan dan budaya kerja cemerlang pada masa-masa akan datang bagi menggalakkan kelahiran lebih banyak lagi KKC di kalangan warga KHEDN, dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Beliau percaya kaki-tangan kementerian itu mampu menggilap potensi, semangat juang dan mewujudkan keyakinan diri yang tinggi di kalangan warga kerja jika budaya kerja KKC disebarluaskan ke semua peringkat.

Tempat pertama dimenangi oleh Kumpulan Salimbada dari Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dengan tajuk projek, 'Mempercepatkan Proses Pengeluaran Lesen Perniagaan Baru di Bangunan Swasta.'

Sementara tempat kedua dimenangi oleh Kumpulan Bersatu Padu juga dari Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dengan tajuk projek, 'Kekeraan Pengambilan Mata Pisau Mesin Rumpuk Sikut Tanaka Sum 328'.

Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria daripada Kumpulan Perancah dengan tajuk projek 'Mengatasi Masalah Papan Tanda Yang Tidak Selaras Dengan Garis Pandu' meraih tempat ketiga.

Lebih 300 dikurniakan Bintang Kebesaran NBD

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada lebih 300 orang penerima sempena Hari Keputeraan baginda ke-60 yang berlangsung di Singgahsana Indera Kencana, Istana Nurul Iman disini.

Berangkat sama di majlis pengurniaan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis pengurniaan didahului dengan pengurniaan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga (S.L.J) kepada John Brian Wilkinson.

Majlis disusuli kemudiannya dengan pengurniaan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B) kepada 58 penerima yang didahului oleh Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Abd. Haris bin Pengiran Haji Sahbudin dan diikuti oleh para penerima dari beberapa buah kementerian.

Manakala Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Keempat (S.U.B) dikurniakan kepada lapan orang penerima. Ianya didahului oleh Pengiran Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan dari Jabatan Perdana Menteri dan tujuh orang penerima yang lainnya dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dalam pada itu seramai 267 orang pula dikurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B) yang terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan dari pelbagai kementerian, di samping dari pihak swasta.

Sementara seramai 12 orang telah dikurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kelima (P.U.B) kepada seorang pegawai Jabatan Perdana Menteri dan selebihnya dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Juga hadir di majlis itu ialah Pengiran-pengiran Peranakan, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli Majlis Mesyuarat Negara serta pegawai-pegawai ka-

kerajaan. Bagi memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Liputan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Masri Osman, Haji Sharin Haji Asmat



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda ke-60 tahun yang berlangsung di Singgahsana Indera Kencana, Istana Nurul Iman.



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B) kepada seorang penerima pasukan beruniform.



DARJAH Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga (S.L.J) ... Baginda ketika berkenan mengalungkan bintang kebesaran yang dikurniakan kepada John Brian Wilkinson.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berangkat di Majlis Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (atas).

HADIR sama di Majlis Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman ialah Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan pembesar-pembesar negara (kiri).



BINTANG KEBESARAN ... Salah seorang anggota Pasukan Polis Diraja Brunei ketika dikurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B) (atas).

SATU PENGHORMATAN ... Seorang pegawai wanita dalam Perkhidmatan Awam menerima Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam iaitu sebagai satu penghormatan kepada dirinya di atas khidmat yang dicurahkan kepada negara (kanan).

DI ANTARA para pegawai yang menerima bintang kebesaran di majlis tersebut (bawah kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan bintang kebesaran kepada beberapa orang penerima yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan awam.



BAGINDA berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada seorang pegawai wanita Perkhidmatan Awam dan dua orang anggota Kompeni Askar Wanita.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berangkat sama di majlis pengurniaan tersebut (atas).

MEMBERKATI MAJLIS ... Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (kiri).

Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-60

Kepimpinan Kebawah DYMM membawa banyak kemajuan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Julai.- Kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membawa negara ini ke mercu kejayaan.

Kewibawaan baginda juga menjadi lambang kemegahan bagi rakyat dan penduduk di negara ini khususnya dalam memimpin negara dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera dengan bersempadan ajaran agama Islam.

Sokongan rakyat dan penduduk negara ini jelas menggambarkan hubungan yang baik lagi mesra antara pemimpin dengan yang dipimpin dengan mengutamakan kebajikan.

Hal seumpama ini digambarkan oleh beberapa tokoh masyarakat dalam tema bual semasa Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat Daerah

Brunei dan Muara berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di sini.

Penghulu Mukim Lumapas, Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor menyatakan bahawa seluruh rakyat di negara ini amat memahami dan mengagumi kebijaksanaan dan ketokohan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang pemimpin.

Sebagaimana yang telah kita lihat, katanya, baginda sentiasa prihatin terhadap keistimewaan, kemudahan dan kesejahteraan rakyat di seluruh pelusuk negara ini, di samping merupakan seorang raja dan pemimpin yang tidak ada tolok bandingnya di rantau ini kerana baginda sendiri mempunyai kebolehan yang unik dan luar biasa terutama sekali jika kita melihat secara kasar baginda boleh memandu pesawat kapal terbang dan juga helikopter.

Liputan: Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Foto: Abdullah Haji Awang Damit

Selain itu jelasnya, baginda sendiri turun padang sama-sama berganding bahu bersama rakyat untuk melihat kesusahan dan kesenangan penduduk di negara ini, di samping memimpin sendiri rakyat dan penduduk untuk mengamalkan cara hidup sihat melalui penjagaan kesihatan dengan memberi contoh yang baik kepada seluruh rakyat.

Baginda juga merupakan seorang pemimpin agama yang agung di negara ini, sebagai contoh yang nyata dan tidak dapat dilupakan apabila baginda pernah membacakan khutbah Sembahyang Fardu Jumaat tidak lama selepas baginda menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci Mekah.

"Inilah suatu keunikan raja kita yang tidak ada bandingnya di rantau ini dan sesungguhnya rakyatnya memang mengagumi dan

sangat-sangat menjunjung kasih di atas keprihatinan baginda itu," jelasnya.

Manakala Ketua Kampong Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba Kawasan 4, Awang Haji Asli bin Haji Abd. Latif menjelaskan, kepimpinan dan kewibawaan baginda memerintah negara ini amat menonjol sekali khususnya dalam era pemodenan dalam erti kata lain negara ini dikenali oleh masyarakat dunia.

Dengan kebijaksanaan kepimpinan baginda itu juga kita telah dapat membangun negara ke mercu kejayaan seperti dibidang kesukanan, pendidikan, perekonomian, sosiopolitik dan sebagainya, jelasnya.

"Seperti sedia maklum satu dekad yang lalu iaitu 10 tahun



YANG Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor, Penghulu Mukim Lumapas.



AWANG Haji Asli bin Haji Abd. Latif, Ketua Kampong RPN kampong Rimba, Kawasan A. Lumapas.



AWANG Haji Sani bin Akim, Ketua Kampong Putat.

yang berlalu dari 1996 hingga sekarang 2006, kepimpinan baginda itu sangat mencabar dan baginda telah menunjukkan kewibawaan dalam memimpin negara dan nyata sambutan rakyat dan penduduk dalam majlis bersama rakyat sangat menggalakkan dan meriah dari setahun ke setahun," jelas Awang Haji Asli.

Tambahnya, seperti yang kita sedia maklum hubungan rakyat dan penduduk di negara ini dengan baginda jelas menggambarkan kemersaan yang dapat disaksikan setiap kali sesi keberangkatan baginda di setiap majlis

atau atur cara.

Sementara itu menurut Ketua Kampong Putat, Awang Haji Sani bin Akim, sejak pemerintahan baginda keadaan negara ini bertambah baik di mana segalanya memuassakan hati semua lapisan rakyat dan penduduk dengan pelbagai kemudahan serta keperluan asas yang disediakan.

Katanya, sejak pemerintahan baginda itu, dengan pelbagai kemajuan dan kemudahan yang telah dicapai ini kini kampungnya mudah dihubungi dan didatangi.

"Jauh perbezaan, dulu pen-

duk hanya memakai perahu kalau hendak ke bandar dan sekarang ini kereta sudah dapat ditaruh di bawah rumah," jelas Awang Haji Sani.

Jelasnya lagi, kemudahan yang diperolehi oleh penduduk kampungnya semuanya sama dengan apa yang diperolehi mereka yang tinggal di kawasan bandar seperti kemudahan masjid, sekolah, bekalan elektrik, air dan telefon.

Malah pada pendapat beliau negara ini aman, makmur dengan pembangunan pesat dari setahun ke setahun.

Baginda prihatin, berjiwa rakyat

Oleh: Taty Rohaini Awang Maidin dan Maslina Kurus

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Julai. - Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat Penduduk Daerah Brunei Dan Muara yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin mendapat sambutan yang sangat meriah dari pelbagai lapisan masyarakat.

Wakil PELITA BRUNEI sempat membuat pendakatan bersama beberapa remaja dan beliau yang menyertai majlis tersebut.

Menurut salah seorang belia graduan lepasan Institut Teknologi Brunei, Dayang Massharyanti binti Haji Hussin beliau merasa bangga mempunyai pemimpin yang berjiwa rakyat dan mengambil berat akan keadaan rakyatnya.

Tambahnya, majlis ramah mesra ini dapat memberi peluang kepada rakyat untuk melihat baginda secara lebih dekat serta menunjukkan kasih sayang kepada baginda kerana sepanjang pemerintahan baginda telah banyak memberikan kemajuan dari segi ekonomi dan juga pendidikan.

Katanya, pendidikan dan biasiswa kerajaan juga diberikan percuma kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi.

Sementara itu, salah seorang lagi mahasiswa Universiti Brunei Darussalam, Dayang Zamilah binti Zamzam menyatakan bahawa baginda adalah seorang pemimpin yang sanggup 'turun padang' untuk beramah mesra dengan rakyat sebagai tanda menghargai usaha dan sokongan rakyat kepada kerajaan baginda.

Dayang Julia binti Berawoh, 13 tahun, penuntut dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) meluahkan perasaan gembira kerana dapat meramai-ramai dan memeriahkan majlis ramah mesra bersama raja yang dikasihi.

Menurutnya, baginda adalah seorang raja yang prihatin dan pemedulian akan kesejahteraan rakyatnya tambahan lagi kerajaan baginda telah memberikan pelbagai kemudahan yang selesa.

Dayang Nurul Hafizah binti Haji Mohammad, 14 tahun, juga menuntut di STPRI pula menyatakan bahawa ini adalah kali pertama beliau ikut serta dalam acara mengibarkan bendera dan berasa bertuah dapat bersua muka dengan baginda.

Awang Firdaus bin Haji Zainal, 13 tahun, wakil Pasukan Pengakap menyatakan, sungguhpun dalam cuaca panas tetapi merasa gembira dan berbangga dapat menyertai perbarisan pengakap dan berpendapat sambutan orang ramai lebih meriah dari setahun ke setahun.

Dayang Julia binti Berawoh, 13 tahun, penuntut STPRI Gembira mengambil bahagian mengibarkan bendera.



DAYANG Julia binti Berawoh, 13 tahun, penuntut STPRI Gembira mengambil bahagian mengibarkan bendera.



DAYANG Rosni binti Ahmad dan Dayang Hajah Saadiah binti Haji Abu Bakar, kedua-duanya Ahli Jawatankuasa Junjung Ziarah menyifatkan, majlis ramah mesra tahun ini sangat meriah berbanding dengan tahun-tahun lepas.



DAYANG Rohayati binti Haji Abdul Kadir ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.



DAYANG Ani Safwanah binti Bakar, menyatakan perasaan gembiranya kerana dapat menyumbangkan tenaga untuk bersama-sama memeriahkan lagi majlis tersebut.



AMPUAN Roslilawati (kanan) dari persatuan wanita yang mengikuti acara tarian kebudayaan turut melahirkan rasa gembiranya kerana diberi peluang untuk melibatkan diri dalam acara padang.



DAYANG Nuruljannah Rahimahullah Himran dari Sekolah Menengah Sultan Hassan.



DAYANG Hajah Noraini binti Abdullah berasal dari Kampong Puni menyatakan, peluang keemasan ini tidak beliau lepaskan.

Rakyat Daerah Temburong lahirkan kegembiraan

Oleh: Hariyani Haji Ali

TEMBURONG, Rabu, 19 Julai.- Penduduk dari pelbagai peringkat dan lapisan kaum membanjiri padang Kompleks Dewan Masyarakat Pekan Bangar bagi sama-sama memeriahkan Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat bagi daerah ini sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60.

Dengan raut wajah yang penuh ceria, sejak awal-awal lagi mereka datang beramai-ramai menantikan kedatangan baginda untuk menjunjung ziarah dan beramah mesra bersama mereka kerana peluang sedemikian hanya datang sekali sahaja dalam

setahun dan sententunya merupakan kenangan indah bagi rakyat di daerah Temburong.

Pada majlis tersebut, wakil PELITA BRUNEI berpeluang menemu bual beberapa penduduk yang hadir termasuk para peserta yang terlibat dalam persembahan padang yang masing-masing melahirkan perasaan gembiranya pada hari itu.

Dayang Hajah Noraini binti Abdullah berasal dari Kampong Puni menyatakan, peluang keemasan ini tidak beliau lepaskan kerana berpendapat kehadiran penduduk dan rakyat hari itu melambangkan komitmen terhadap raja yang dikasihi dan menunjukkan kepimpinan baginda yang bijaksana dalam memeduli hal ehwal

kebijaksanaan, kemajuan dan pembangunan rakyat di daerah itu.

Beliau juga menyatakan, pelbagai bangsa dapat merasakan perubahan dan peningkatan dari segi ekonomi, pembangunan dan sebagainya yang dilaksanakan di daerah itu.

Sementara itu Dayang Rohayati binti Haji Abdul Kadir yang juga salah seorang ahli jawatankuasa persembahan padang menyatakan, sepanjang baginda memerintah negara ini banyak kemudahan yang diberikan kepada penduduk di daerah ini antaranya banyak sekolah didirikan, menyediakan skim perumahan, memberikan peluang-peluang pekerjaan dan sebagainya yang bertujuan untuk meningkatkan lagi taraf kehidupan penduduk di daerah ini.

Dayang Rosni binti Ahmad dan Dayang Hajah Saadiah binti Haji Abu Bakar, kedua-duanya ahli jawatankuasa junjung ziarah, menyifatkan majlis ramah mesra tahun ini sangat meriah berbanding dengan tahun-tahun lepas memandangkan kunjungan orang ramai semakin meningkat dari pelbagai peringkat umur.

Sementara itu Dayang Ani Safwanah binti Bakar, peserta persembahan padang dari Sekolah Menengah Sultan Hassan menyatakan perasaan gembiranya kerana dapat menyumbangkan tenaga untuk bersama-sama memeriahkan lagi majlis tersebut.

Begitu juga, Dayang Nuruljannah Rahimahullah Himran dari sekolah yang

sama juga tidak melepaskan peluang keemasan ini untuk turut serta menyumbangkan tenaga kerana beliau berpendapat adanya penglibatan dalam majlis seperti ini adalah salah satu cara untuk melahirkan rasa cinta, kasih sayang dan berterima kasih terhadap baginda yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan hal ehwal kebajikan masyarakat di daerah ini.

Seorang lagi peserta, AMPUAN Roslilawati dari persatuan wanita yang mengikuti acara tarian kebudayaan turut melahirkan rasa gembiranya kerana diberi peluang untuk melibatkan diri dalam acara padang dan dapat bersua muka lebih dekat lagi dengan pemimpin yang dikasihi dan disanjung tinggi oleh rakyat jelata.



NURUL Hafizah binti Haji Mohammad, 14 tahun, penuntut STPRI.



FIRDAS bin Haji Zainal, 13 tahun, pertama kali mengenali pakaian seragam Pengakap Udara, turut merasa berbangga dengan penyertaannya.



DAYANG Zamilah binti Zamzam, mahasiswa UBD.



DAYANG Massharyanti binti Hj Hussin, graduan lepasan ITB.

Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-60

Tahap kehidupan rakyat terus meningkat

Oleh: Haji Timbang Bakar timbang.bakar@information.gov.bn
Foto: Ampuan Mahmood Ampuan Haji Tengah

BELAIT, Sabtu, 22 Julai. - Tahap kehidupan rakyat dan penduduk di Daerah Belait terus meningkat dari setahun ke setahun dengan menikmati pelbagai pembangunan, kemajuan dan kemudahan dari semua aspek kehidupan.

Pembangunan dan kemudahan-kemudahan sosial seperti ekonomi, agama, kesihatan, perhubungan, pendidikan dan semuanya bukan hanya tertumpu di kawasan-kawasan bandar dan persekitarannya tetapi melangkaui jauh sehingga keluar bandar dan kawasan-kawasan pedalaman.

"Ini telah memberikan impak yang signifikan kepada peningkatan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat dan penduduk di negara yang dicintai ini."

Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji

Mohammad bin Haji Abdul Rahman menjelaskan perkara ini dalam sembah ucapan kesyukuran dan taat setia ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena keberangkatan baginda bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di Daerah Belait.

Pemangku Pegawai Daerah Belait juga menyemahkan semua peringkat pegawai dan kakitangan kerajaan di daerah tersebut sangat-sangat bersyukur dan menjunjung kasih di atas pengurniaan kenaikan mata gaji khas sebagaimana yang baginda titahkan pada 15 Julai lepas.

"Abis hamba Kebawah

Duli Tuan Patik sangatlah bersyukur yang tidak terhingga di atas kurnia itu dan seterusnya bertekad untuk mempertingkatkan lagi azam, kesungguhan dan komitmen di dalam memberikan sumbangan dan khidmat selaku warga Perkhidmatan Awam demi mencapai kecemerlangan dan kegemilangan Negara Brunei Darussalam di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik."

Beliau juga menyemahkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda dan akan terus-menerus berdiri teguh dengan erat lagi padu menjunjung kepimpinan baginda untuk menerajui kerajaan dan pemerintahan Negara Brunei Darussalam yang adil, bijaksana, dinamik dan progresif.



AWANG Jaidi bin Yaakob, Pegawai di Jabatan Bandaran Kuala Belait.



AWANG Haji Zamri bin Haji Tuah, Pegawai di Jabatan Pertanian.



AWANG Mawardi bin Haji Mohd. Tahir seorang ahli Bomba dan Penyelamat Brunei Shell bersama dengan isteri beliau ketika ditemu bual.

Kenaikan gaji sangat dialu-alukan

Oleh: Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman Foto: Ampuan Mahmood Ampuan Haji Tengah

BELAIT, Sabtu, 22 Julai. - Kurnia kenaikan gaji yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini sangat dialu-alukan oleh rakyat dan penduduk negara ini kerana ia sudah lama dinantikan dan sesuatu yang sangat diharapkan.

Menurut Awang Jaidi bin Yaakob, pegawai di Ja-

batan Bandaran Kuala Belait pengurniaan kenaikan gaji tersebut sangat besar ertinya yang ditunggu-tunggunya sejak 20 tahun lalu. Dengan adanya kenaikan gaji itu katanya boleh mengatasi masalah perbelanjaan harian yang semakin meningkat dewasa ini.

Beliau sangat-sangat menjunjung kasih di atas kemurahan hati baginda itu kerana beliau juga memahami bahawa negara pada masa ini turut menghadapi kesan daripada pergolakan dan pelbagai cabaran global.

Mengenai sambutan untuk memperingati ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, beliau berkata sambutan terus meriah dan acara-acara persembahan juga lebih menarik dari tahun ke tahun di mana penyertaan rakyat dan penduduk daerah ini juga sentiasa meningkat.

Awang Jaidi melahirkan pendapat ini semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI di Majlis Keberangkatan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Daerah Belait di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan penduduk di sini.

Selain itu beliau juga gembira melihat pembaharuan pembinaan pentas diraja di Padang Bandaran Kuala Belait yang pembinaannya bertepatan dengan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-60.

Awang Haji Zamri bin Haji Tuah, pegawai di Jabatan Pertanian pula semasa ditemu bual di waktu yang sama berkata persembahan-persembahan sambutan tahun ini lebih meriah daripada tahun-tahun lepas. Di waktu malam bandar Kuala Belait dan Seria terang-benderang dengan adanya pertambahan lampu-lampu cucul, bukan sahaja di bangunan-bangunan kerajaan dan kedai-kedai malah juga rumah-rumah penduduk sekitar-nya.

Suasana ini tambah menyemarakkan lagi kegembiraan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda pada tahun ini.

Mengenai pengurniaan kenaikan gaji pegawai dan kakitangan kerajaan, menurut beliau ianya menggambarkan betapa baginda itu seorang pemimpin yang benar-benar prihatin terhadap masalah rakyat baginda.

"Saya sangat-sangat gembira dengan kenaikan gaji yang baru ini kerana akan dapat memberikan peluang kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang tangga gajinya sudah mati pada tahap EB Khas masih dapat menikmati kenaikan gaji," komen Awang Mohd. Kipli bin Haji Mohd. Yasin, Pegawai Pelajaran di Kementerian Pendidikan.

Dengan kenaikan gaji itu juga katanya, akan dapat menampung masalah perbelanjaan keluarga berikutan kenaikan harga barang-barang keperluan harian di negara ini.

Awang Mohd. Kipli juga sangat menyanjung tinggi kepimpinan baginda yang sangat mengambil perhatian berat terhadap



AWANG Mohd. Kipli bin Haji Mohd. Yasin, Pegawai Pelajaran di Kementerian Pendidikan.

kepentingan rakyat terutamanya dalam menyediakan kemudahan perumahan. Pembinaan Rancangan Perumahan Negara di Lumut merupakan salah satu projek besar yang boleh menampung lebih ramai lagi pemohon perumahan negara.

Katanya, "Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pemurah dan pemendulian sebab itu baginda sering mengadakan lawatan mengejut kerana baginda ingin melihat bukan 'di dalam pagar' sahaja bahkan juga 'di luar pagar' untuk melihat apa jua masalah yang dihadapi oleh rakyat baginda kerana baginda pernah bertitah apa-apa masalah bolehlah disuarakan sama ada secara terus terang ataupun surat."

Sebab itu, katanya lagi, sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda setiap tahun ke daerah ini sangat dinantikan oleh rakyat dan penduduk daerah ini kerana ia merupakan satu rahmat kepada mereka.

Sementara itu Awang Mawardi bin Haji Mohd. Tahir, seorang ahli Bomba dan Penyelamat, Brunei Shell juga memberitahu, pembangunan dan kemajuan Daerah Belait semakin bertambah pesat dengan pertambahan bangunan-bangunan komersil, pejabat-pejabat kerajaan dan projek-projek kemajuan sama ada yang diungkuhkan oleh pihak kerajaan atau sektor swasta.

Prasarana di Daerah Belait semakin pesat membangun

Oleh: Zakiah Abdullah Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah



PEMBANGUNAN di Daerah Belait dapat dirasakan dengan adanya kemajuan dalam sektor pelancongan ... - Eileen Chan (tengah).



DAYANG Hasmah binti Abu Bakar (kiri) dan Dayang Noorhaniezah binti Abdullah (kanan) kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR), Kuala Belait.

BELAIT, Sabtu, 22 Julai. - Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 berlangsung dengan penuh meriah di Padang Bandaran, di sini.

Segenap lapisan rakyat dan penduduk daerah tersebut hadir beramai-ramai membari kawasan Padang Bandaran sejak awal pagi lagi menjunjung keberangkatan Kebawah DYMM bercemar duli ke majlis tersebut.

Kesyukuran dan keriang-jelas terpancar pada setiap wajah yang hadir kerana dapat menjunjung ziarah serta beramah mesra dengan pemimpin yang dikasihi.

Di majlis itu, wakil PELITA BRUNEI sempat me-

nemu bual beberapa orang penduduk yang sama-sama hadir memeriahkan majlis tersebut.

Dayang Reizzani yang bekerja di Syarikat Brunei Shell Petroleum menyifatkan sambutan pada tahun ini lebih meriah berbanding tahun lepas memandangkan tahun ini merupakan sambutan Hari Keputeraan ke-60 selain bertamabahnya penyertaan penuntut-penuntut dalam membuat persembahan padang.

"Peniaga tempatan khususnya bangsa Melayu semakin meningkat berbanding tahun sebelumnya dan berani menghadapi risiko serta cabaran dalam bidang perniagaan ditambah lagi dengan pesatnya pembangunan bangunan-bangunan baru di daerah ini," katanya.

Eileen Chan, salah seorang guru dari Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait menyatakan bahawa

pembangunan di Daerah Belait dapat dirasakan dengan adanya kemajuan lokasi-lokasi pelancongan dan prasarana yang selesa.

"Dengan adanya perkembangan dari segi sektor pelancongan di daerah ini, ia akan dapat meningkatkan jumlah pelancong yang berkunjung ke sini. Saya berharap agar pihak tertentu akan dapat memajukan dan membangunkan lagi tempat-tempat yang menarik supaya jumlah pelancong yang datang ke sini semakin bertambah," katanya.

Sementara itu, Dayang Noorhaniezah binti Abdullah dan Dayang Hasmah Abu Bakar kedua-duanya kakitangan Jabatan Kerja Raya pula mengagap sambutan pada tahun ini agak meriah dengan adanya Pameran Gemilang 60 yang julung-julung kalinya diadakan selain bertamabahnya persembahan-persembahan

an padang.

"Kami merasa sangat bangga dan gembira kerana berpeluang terlibat dalam memeriahkan majlis ramah mesra di Daerah Belait pada tahun ini," tambah mereka lagi.

Menyentuh titah baginda pada 15 Julai lepas mengenai pengurniaan kenaikan mata gaji, mereka berpendapat kenaikan mata gaji dan elaun sara hidup bagi kakitangan kerajaan merupakan suatu yang menggembirakan dan merasa sangat bersyukur atas kurnia tersebut.

Dayang Hajah Norti binti Gafar, 63 tahun dari Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP) juga tidak ketinggalan ikut serta memeriahkan sambutan tersebut dan merasa sangat beruntung kerana berkesempatan hadir dalam memeriahkan sambutan Hari Keputeraan Ke-60.



PENIAGA tempatan yang terdiri daripada bangsa Melayu semakin meningkat jumlahnya," Dayang Reizzani, 24 tahun.



DAYANG Hajah Norti binti Gafar, 63 tahun merasa sangat beruntung kerana berkesempatan hadir dalam memeriahkan sambutan Hari Keputeraan tahun ini.

Malam Serumpun Seri 60

Sempena Hari Keputeraan
Ke-60 Tahun



Datanglah beramai-ramai ke -

Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan
11 Rejab 1427 bersamaan 5 Ogos 2006, 8.30 malam.



GERAI-GERAI PERAYAAN MERIAHKAN SUASANA SAMBUTAN

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn
Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup

KEMERIAHAN suasana di waktu malam sepanjang musim perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 disemarakkan dengan gerai-gerai perayaan di seluruh negara.

Di Daerah Brunei dan Muara gerai-gerai didirikan di kawasan letak kereta berhadapan Bangunan Alat Kebesaran Diraja di ibu negara dan Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sementara gerai perayaan di Daerah Tutong diadakan di kawasan lapang berdekatan kompleks Dewan Kemasyarakatan, manakala di Daerah Belait ia diadakan di kawasan Tamu Tudong Saji, Jalan Setia Diraja, Kuala Belait dan Daerah Temburong pula ialah di Pentas Perayaan, Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan.

Gerai-gerai perayaan yang menjual pelbagai jenis barangan berupa pakaian, permainan serta barang-barang perhiasan telah mula beroperasi secara serentak di seluruh negara pada 15 Julai dan berakhir pada 31 Julai 2006.

Selain itu, juga disediakan beberapa buah gerai makan yang menyediakan beraneka jenis juadah dan minuman dengan disediakan tempat-tempat duduk bagi keselesaan para pelanggan.

Menurut Pegawai Melesen, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Ali Hussin bin Awang Besar sejumlah 16 buah gerai makan, 100 buah gerai runcit, 78 buah gerai 'take away' dan 15 buah gerai buah-buahan didirikan di kawasan letak kereta berhadapan Bangunan Alat Kebesaran Diraja.

Sementara itu sebanyak lapan buah gerai makan, 20 buah gerai runcit, 10 buah gerai 'take away' dan lima buah gerai buah-buahan disediakan di Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Di samping itu sebilangan besar peniaga tempatan yang terdiri daripada golongan belia tidak ketinggalan mengambil peluang untuk menjaja makanan-makanan segera seperti burger, roti john, sotong tutuk dan makanan ringan seperti mi goreng serta kuih-muih.

Dalam pada itu, orang ramai khususnya rakyat dan penduduk di negara ini diseru supaya mengamalkan sikap berjimat cermat seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menyediakan bilik ibadat dan pondok polis untuk kemudahan para pengunjung.

Seperti lazimnya Pihak Jawatankuasa sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menyediakan bilik ibadat dan pondok polis untuk kemudahan para pengunjung.

Sebagai langkah berjaga-jaga dan mengelakkan terjadinya kejadian yang tidak diinginkan, orang ramai adalah diingatkan untuk memastikan kediaman mereka dikunci sebelum meninggalkan rumah masing-masing.



'SOTONG TUTUK' ... Makanan yang terkenal dan menjadi kegemaran ramai setiap musim perayaan. Gambar kanan, seorang peniaga menjual sotong tutuk untuk dijadikan 'Sotong Tutuk'. Sementara gambar bawah, beraneka jenis kuih-muih dijual di gerai-gerai perayaan memeriahkan suasana malam perayaan.



DERETAN gerai-gerai disediakan oleh Jabatan Bandaran khusus bagi peniaga-peniaga kecil dan sederhana menjual barangan mereka sempena dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di kawasan lapang berhadapan dengan Bangunan Alat Kebesaran Diraja di ibu negara.



Hubungan Brunei Darussalam - Maghribi mesra dan erat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Mohammed VI, Raja Maghribi dan Tuan Yang Terutama Driss Jettou, Perdana Menteri Negara Maghribi sempena dengan Hari Kebangsaan dan Hari Ulang Tahun Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Mohammed VI.

Dalam perutusan baginda, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dan Negara Maghribi. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan

baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendoakan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Mohammed VI dipanjangkan umur, sentiasa dalam lindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Maghribi akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Driss Jettou, Perdana Menteri Negara Maghribi, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan Kerajaan serta rakyat Negara Maghribi sempena Hari Kebangsaan dan Hari Ulang Tahun Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Mohammed VI.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam mendoakan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Tuan Yang Terutama sentiasa dalam lindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Maghribi akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerajaan Kesultanan Morocco, Tuan Yang Terutama Mohamed Benaissa.

Dalam perutusan itu DYTm bersabda merakamkan penghormatan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Mohammed VI serta ucap selamat dan tahniah kepada kerajaan dan rakyat Morocco.

DYTm juga berharap agar kerjasama antara kedua-dua buah negara akan dapat diteruskan demi meningkatkan lagi hubungan yang dikongsi.



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah menyaksikan pameran potret yang dipamerkan. - Foto ihsan : BKA.

Saksikan Majlis Ilmu 2006

BERAKAS. - Majlis Ilmu 2006 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa telah menarik perhatian sekolah-sekolah rendah di negara ini termasuklah Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Berangkat bagi menyaksikan pameran-pameran itu termasuk Raja Payung Negara dan Kedaulatan Raja ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah. Yang Amat Mulia juga berkenan menyaksikan potret-potret nenda Yang Amat Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pameran Raja Payung Negara.

DBP Brunei - Sarawak jalin hubungan kerjasama

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

TUNGKU, Isnin, 24 Julai. - Lawatan muhibah rombongan dari Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Cawangan Sarawak telah menjalin hubungan persahabatan dan kerjasama para pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Rombongan 50 orang termasuk 13 orang pegawai dan para peserta serta guru pengawas Forum Pelajar 2006 peringkat Negeri Sarawak yang diketuai oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Cawangan Sarawak, Tuan Zaini bin Oje telah diraikan di Majlis Makan Malam di Dewan Asrama Lelaki, Universiti Brunei Darussalam di sini.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Cawangan Sarawak, Tuan Zaini bin Oje dalam ucapan balasnya telah menyeru para peserta Forum Pelajar 2006 yang terdiri daripada pelajar-pelajar



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim bin Bakar dan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Cawangan Sarawak, Tuan Zaini bin Oje ketika berucap di Majlis Makan Malam dan Persembahan Kesenian anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

akan dapat mengeratkan lagi muhibah yang sedia terjalin.

Sementara itu Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Cawangan Sarawak, Tuan Zaini bin Oje dalam ucapan balasnya telah menyeru para peserta Forum Pelajar 2006 yang terdiri daripada pelajar-pelajar

jar berbangsa Cina supaya meninjau bagaimana meluasnya penggunaan bahasa Melayu di negara ini.

Majlis anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei itu telah diserikan dengan acara persembahan kesenian oleh rombongan pelawat.

Belia dieksploitasi larikan produk hiburan

Dari muka 1

Di majlis yang penuh bersejarah ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengisytiharkan bahawa setiap 1 Ogos adalah sebagai Hari Belia Kebangsaan.

Berangkat sama di sambutan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

1 hari belia Ogos adalah

hari yang bersejarah dan kenangan bagi negara ini iaitu Hari Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Hari ini juga adalah hari bagi mengenang jasa para pemimpin belia yang telah menggerakkan badan-badan kesukarelaan belia bagi pembangunan belia di negara ini.

Sambutan Hari Kebangsaan merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan negara terhadap pengorbanan serta penglibatan para pemimpin bagi memartabatkan kegiatan kaum belia.

Dengan adanya sambutan yang bersejarah ini akan menjadi ristaan para belia kita ke arah meningkatkan serta memajukan lagi ba-

dan-badan kesukarelaan belia di negara ini di samping itu ianya bertujuan untuk mengeratkan persefahaman dan meningkatkan ukhuwah para belia di seluruh negara.

Majlis perasmian diserikan dengan Ikrar Belia yang diketuai oleh mahasiswa UBD Tahun 3, Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah yang disertai oleh para perwakilan persatuan-persatuan belia dan pertubuhan-pertubuhan beruniform yang mengambil bahagian.

Dalam hubungan ini, baginda berpendapat program-program menyuntik kesedaran perlulah disusun termasuk juga para ibu bapa dan masyarakat, sebelum ianya menjadi isu sosial yang kronik.

"Beta memahami, bahawa produk-produk dalam bentuk hiburan dan costume itu, impaknya kepada belia adalah di anggap minimal, dengan alasan sifatnya hanyalah bermusim dan tidak kekal. Tetapi pada beta, kita jangan sekali-kali lupa, bahawa apa yang disemai, itulah pula yang akan dituai," ujar baginda.

Ke arah ini baginda menasihati supaya kita berhati-hati dan sama-sama memuhasabah diri untuk kecemerlangan para belia kita untuk kecemerlangan semua.

Di majlis yang penuh bersejarah ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengisytiharkan bahawa setiap 1 Ogos adalah sebagai Hari Belia Kebangsaan.

20 peserta terpilih mewakili negara

Oleh Maslina Awang Kurus

KOTA BATU, Isnin, 17 Julai. - 20 peserta Peraduan Lukisan Kanak-kanak ASEAN - Jepun anjuran Komite Nasional Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (ASEAN-COCI), terpilih untuk mewakili Negara Brunei Darussalam ke peringkat serantau yang akan diadakan di Republik Singapura nanti.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang, hakim dan wakil sekolah disempurnakan oleh Pengerusi Komite Nasional ASEAN-COCI, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr berlangsung di bangunan Muzium Brunei.

Para peserta yang terpilih terdiri dari Mohd. Hazwan bin Haji Hassan, Nur Liyana Amal, Christy Tan Yee Yee, Hasanah binti Hamid, Hurul Farhanah Mahani, Abdul Khairil bin Muhammad, Siti Nursyafiqah binti Abdullah,

Nazinah binti Husaini, Nursyafiqah Izzati binti Isa, Nur Nailah binti Nudin, Noorashyik binti Salim, Simon Lee Edward, Afiah Teo binti Haji Muhd. Safwan, Lim Wan Tian, Desmond Lee Edward, Muhamad Adli Faezal bin Rosnan, Nida Nur Adlina binti Rosnan, Siti Khadijah binti Szali, Liza Liew dan Jessica Islina Jais.

Sementara itu 10 lagi penerima sagu hati ialah Hasriney binti Ramadan, Siti Nursyafiqah binti Abdullah, Nur Qistina Masturina binti Awang Mahali, Dk. Noramalina Shahhirah binti Pg. Mohd. Sahifulizam, Nur Rez Raziqin binti Mohd. Laidin, Desmond Lee Edward, Abdul Kairil bin Muhammad, Dk. Nurul Fazera, Mazerah Akma binti Maidi dan Lora Liew.

Pihak Sekretariat me-



PENGERUSI Komite Nasional ASEAN - COCI, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

nerima 119 penyertaan dari kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah dari seluruh negara.

Peraduan lukisan bertemakan 'Baik Budi' itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kerjasama dan mempromosikan amal-an 'Baik Budi' di negara

anggota ASEAN dan Jepun.

Juga hadir ialah Pengerusi Jawatan Kuasa Penyelenggara, Awang Mohd. Amin Bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Sirat serta pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Latihan menembak peluru hidup

JABATAN Laut, Kementerian Perhubungan mengumumkan bahawa latihan di atas telah dan akan diadakan pada bulan Julai, Ogos dan September 2006 di kawasan Padang Tembak, Binturan.

Latihan diadakan pada 3 hingga 29 Julai 2006; 7 hingga 31 Ogos dan 1 hingga 23 September 2006 bermula jam 7.30 pagi hingga 11.59 malam.

Sementara itu latihan juga akan diadakan pada 25 hingga 29 September bermula dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang, manakala 30 September latihan akan bermula pada jam 8.00 pagi hingga 11.59 malam.

Kawasan Laut Bahaya yang terlibat adalah sekitar empat kilometer dari pantai.

HALUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Pemangku Pengarah Pelabuhan selaku Pengerusi Majlis dan Ahli-ahli Jawatankuasanya kerana telah dapat mengukirkan Majlis Musabiqah Tilawatil Qur'an Peringkat Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada petang ini. Semoga kita semua yang hadir di majlis ini akan memperolehi keberkatan.

Salah satu daripada perkara yang dianjurkan oleh agama Islam melakukannya ialah bagi membuat muhasabah diri iaitu untuk menilai akan sesuatu usaha kita bagi mengukur pencapaian kita dalam sesuatu usaha tersebut bagi mengetahui akan kekurangan atau kelemahan kita dalam usaha berkenaan. Dengan cara ini diharap akan dapat membantu untuk mempertingkatkan lagi pencapaian kita di masa akan datang bagi mencapai tujuan atau sasarannya.

Satu daripada rancangan yang sedang giat dilaksanakan pada masa ini ialah rancangan e-kerajaan. Sejak lebih lima tahun yang lalu, Kementerian-kementerian telah pun mula mengorak langkah dalam pelaksanaan e-kerajaan dan pada masa ini berada dalam beberapa peringkat fasa pelaksanaan menurut keupayaan Kementerian-kementerian berkenaan. Dalam kita melaksanakan rancangan ini, kita telah melalui dan memperolehi pelbagai pengalaman dan pengetahuan yang berkaitan dengan pelaksanaan e-kerajaan.

Kita semua mengetahui akan kecepatan dan kemajuan ICT serta perubahan

dan cabaran-cabaran yang di bawanya. Dengan kepesatan kemajuan serta perubahan-perubahan itu pula, kita merasa amat mustahak supaya pelaksanaan rancangan e-kerajaan yang telah dimulakan lima tahun yang lalu itu dinilai semula atau di 'review' bagi memastikan bahawa pelaksanaannya dan semua yang berkaitan dengannya masih selaras dengan tujuan dan matlamatnya.

Sehubungan dengan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan cadangan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BIT Council) bagi membuat penilaian semula atau 'review' terhadap pelaksanaan e-kerajaan yang dilaksanakan oleh konsultan di luar daripada kerajaan.

Penilaian semula atau 'review' ini adalah bertujuan untuk:

1. Menilai visi dan strategi e-kerajaan iaitu dari segi kejayaannya yakni menilai pencapaian matlamat asal e-kerajaan.

2. Menilai infrastruktur pada masa ini dan yang dirancang bagi mendukung e-kerajaan seperti 'network' dan

NILAI SEMULA, 'REVIEW' PERLAKSANAAN E-KERAJAAN

'data-center'.

3. Meneliti aplikasi e-kerajaan yang telah dilaksanakan dan dirancang.

4. Meneliti kesediaan organisasi dan masyarakat bagi e-kerajaan.

5. Membuat 'benchmarking' dengan pelaksanaan yang berjaya.

6. Menilai sama ada projek-projek e-kerajaan ini dilaksanakan dengan 'economical'.

7. Menilai 'facilities' yang dilaksanakan dan akan dirancang untuk memastikan keseragamannya (standardized).

Penelitian ini sedang berjalan pada masa ini dan saya difahamkan oleh pihak konsultan bahawa mereka telah mendapat kerjasama dan sokongan yang menggalakkan dari Kementerian-kementerian dan semua pihak yang berkenaan.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara Kelapan, projek e-kerajaan adalah merupakan salah satu projek yang besar dengan peruntukan hampir \$1 bilion.

Adalah diharapkan projek seumpama ini bukan sahaja akan dapat membantu kerajaan dan orang awam dari segi memudahkan pengurusan dalam kerajaan secara elektronik yang akan meningkatkan kecekapan, memudahkan pelanggan dan 'cost-effective' akan tetapi yang sama pentingnya ialah untuk menilai pulangan yang diperolehi dari pelaburan



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang, Menteri Perhubungan semasa Majlis Musabiqah Tilawatil Qur'an Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan di bawahnya, pada hari Khamis 15 Jun 2006.

yang begitu besar. Kita perlu menilai sejauh mana pelaburan ini dapat membantu memperkembangkan dan meningkatkan 'capacity building' tenaga manusia di negara ini, sejauh mana ia dapat membantu pertumbuhan industri ICT, dan sejauh mana pula ia akan dapat menggalakkan dan menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur ke negara ini.

Kita ingin melihat bahawa perkembangan dan kemajuan ICT akan dapat

mendatangkan manfaat kepada negara dari segi membantu menjana perkembangan dan kemajuan ekonomi negara.

Kita merasa gembira mengetahui bahawa sejak pelaksanaan projek e-kerajaan, alhamdulillah, sebanyak lebih dari 50 buah syarikat telah mengambil bahagian dalam pelaksanaannya yang kebanyakannya adalah syarikat tempatan. Manakala sebahagiannya pula adalah syarikat yang berkongsi dengan rakan

kongsi dari luar negeri. Kita penuh berharap semoga pengusaha-pengusaha tempatan akan dapat melipatgandakan usaha mereka dan dapat memperkembangkan diri mereka dan tampil menduduki kerusi pemandu dan tidak selamanya akan menjadi penumpang sahaja.

Dengan demikian mereka akan dapat secara langsung menyumbang dengan lebih baik kepada perkembangan ekonomi negara. Kita sama-sama menyaksikan bahawa dengan kemajuan dan perkembangan industri infokomunikasi dan teknologi maklumat pada masa ini, industri ini adalah merupakan satu industri yang dikenal pasti telah dan akan terus tumbuh dan berkembang dan sekali gus dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara di rantau ini dan di negara-negara maju.

Oleh kerana itulah, maka amat mustahak untuk pengusaha-pengusaha tempatan mengambil peluang ini untuk mengemas dan melengkapkan diri mereka dengan kemahiran, pengetahuan serta pengalaman dalam perusahaan ini supaya mereka tidak sahaja akan dapat berkecimpung di gelanggang tempatan, tetapi dapat menembusi pasaran serantau dan antarabangsa sebagaimana juga dengan syarikat-syarikat dari negara jiran. Syarikat-syarikat ICT dari negara-negara berkenaan telah juga memulakan usaha mereka di

negara mereka sendiri dan sekarang telah melebarkan sayapnya mencari peluang-peluang perniagaan di luar negara. Tidak ada yang boleh dibuat oleh orang lain yang kita tidak dapat membuatnya. Segalanya bergantung kepada keyakinan dan kepada keupayaan kita sendiri.

Pertumbuhan syarikat-syarikat tempatan adalah juga diharap akan dapat memberikan sumber pekerjaan kepada penduduk tempatan dan dalam masa yang sama mengasuh dan mengembangkan potensi mereka dalam ICT. Ini setentunya akan memberikan keyakinan lagi kepada pelajar-pelajar kita yang masih berada di pusat-pusat pengajian tinggi.

Jalan yang kita lalui dalam e-kerajaan adalah masih jauh. Tetapi yang mustahaknya kita sudah berada di sana dan akan terus menuju ke arah melahirkan masyarakat bermaklumat yang akan dapat menggerakkan 'knowledge-economy' atau ekonomi yang berdasarkan kepada pengetahuan.

Sehubungan inilah kita perlu membuat penilaian atau review untuk mengetahui pencapaian dan kekurangan kita supaya sebelum terlambat kita akan dapat membuat penyesuaian-penyesuaian yang diperlukan.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Oleh Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

SELURUH dunia bercakap mengenai harga minyak yang melambung naik beberapa tahun kebelakangan ini. Tidak dapat tidak, kenaikan harga minyak mempengaruhi kos penggunaan 'tenaga' yang ketara tinggi. Bagi negara-negara yang memberikan subsidi harga minyak, kesan yang dirasakan ialah jumlah subsidi yang jumlahnya meningkat begitu besar.

Di negara ini kita menanggung kos subsidi yang agak tinggi berbanding sesetengah negara besar. Dengan keramaian penduduk hanya sekitar 380 ribu orang dan kawasan yang tidak begitu luas, negara menanggung kos subsidi B\$166 juta pada tahun 2005. Kos subsidi dianggarkan akan meningkat ke sekitar B\$226 juta pada tahun 2006 ini.

Keadaan ini menjadi perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika beritah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-60 yang antara lain menyebut:

*... Kita tidak tahu, sum-

ber minyak dan kemampuan kerajaan, sampai bilakah ia bertahan? Pada tahun 2005 sahaja, kerajaan beta telah membelanjakan 166 juta ringgit sebagai subsidi kepada penggunaan minyak kenderaan.

Keadaan ini seharusnya sama-sama disedari dan difahami oleh masyarakat di negara ini. Mekanisme ke arah penjimatan 'tenaga' hendaklah diusahakan. Ini amat berkait rapat di antara pihak kerajaan dan orang ramai.

BESAR

Jumlah di atas adalah agak besar. Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya ketika berucap pada Majlis Malam Lembaga Pengarah-pengarah Minyak dan Gas bertemakan 'Brunei Darussalam Oil And Gas Scenario - Business No Longer As Usual' juga menyatakan bahawa jumlah subsidi minyak bukanlah sedikit.

Menurut Yang Berhormat, perbandingan jumlah subsidi tahun 2005 itu sahaja jika digunakan bagi pembangunan lain boleh membiayai pembinaan lapan buah sekolah menengah berharga B\$20 juta setiap satu atau membangun

Jimatkan penggunaan tenaga Subsidi minyak tahun 2006 dianggarkan mencecah B\$226 juta

sebuah hospital baru yang selesa.

Itu baru bagi tempoh satu tahun. Bayangkan jumlahnya bagi tempoh sepuluh (10) tahun dan seterusnya. Berapa banyak projek pembangunan boleh dilaksanakan bukan sahaja di bandar malah di kampung-kampung pedalaman.

Andaikan sahaja jumlah sebanyak itu dimanfaatkan kepada tambahan bantuan kebajikan untuk rakyat dan penduduk yang memerlukan, alangkah selesanya mereka. Kita bayangkan sahaja jika B\$226 juta dimanfaatkan untuk membina rumah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara atau Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati tentu sahaja ia dapat mempercepatkan giliran puluhan ribu pemohon yang sedang menunggu.

Jika kita anggarkan sebuah rumah bagi kedua-dua skim tersebut purata berharga B\$100 ribu sebuah maka dari sejumlah B\$226 juta itu kerajaan mampu menambah jumlah pembinaan rumah yang ada ke sekitar 2,260 buah rumah lagi bagi tahun 2006 sahaja.

Penulis sengaja membuat perbandingan-perbandingan di atas untuk kita sama-sama melihat dan memahaminya secara lebih jelas. Mudah-mudahan dengan melihat jumlah projek pembangunan dan kebajikan yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat dan penduduk itu akan dapat mengubah sikap kitani semua

untuk sama-sama menjimatkan 'tenaga'.

Kita selalunya tidak teras dengan jumlah 'tenaga' elektrik, peralatan mesin atau kenderaan yang kita gunakan setiap hari, kerana jarang sekali kita meneliti atau mengamati-mati. Hanya yang mudah kita ketahui ialah jumlah bil elektrik, telefon dan air yang kita terima setiap bulan. Bil melebihi \$100.00 bagi kebanyakan rumah tentu sahaja tidak dirasakan banyak terutama bagi mereka yang berkemampuan.

Dalam kehidupan seharian jarang sekali kita mengira jumlah minyak kenderaan yang kita pakai atau jumlah 'tenaga' yang kita gunakan bagi peralatan mesin atau perkakas sama ada di pejabat, di firma-firma, kilang-kilang atau di rumah.

Rata-rata jumlah pemakaian 'tenaga' tidak begitu dapat dirasakan oleh individu. Tetapi setelah dijumlah keseluruhan, maka subsidi sebanyak B\$226 juta, ternyata betapa besarnya.

PEMBAZIRAN

Penggunaan 'tenaga' tidak dapat dielakkan oleh orang ramai termasuk di premis-premis, rumah-rumah dan seumpamanya. 'Tenaga' yang dijanakan oleh janakuasa besar atau kecil, kenderaan atau mesin hampir keseluruhannya menggunakan minyak petrol atau gasolin.

Di sinilah nilai dan kepentingan minyak yang membawa kepada jumlah subsidi

besar yang terpaksa ditanggung oleh negara itu. Tidak hairanlah jika dari dahulu lagi minyak diistilahkan sebagai 'emas hitam' yang begitu berharga.

Dalam hal ini persepsi manusia berbeza, minyak dan emas masing-masing bernilai tinggi tetapi cara kita memeliharanya dan menjaganya tidak sama. Emas biasanya disimpan dalam peti berunci atau ditaruh dalam peti selamat di bank-bank. Tidak begitu halnya dengan minyak kita tidak menjaga sebaiknya malah membazirkannya melalui penggunaan 'tenaga' yang tidak terancang.

Jika diamati-amati, nilai minyak malah lebih penting daripada emas. Sekalipun kita tidak memiliki emas atau seorang wanita langsung tidak memakai emas, kita tidak akan tertekan olehnya. Bayangkan jika jana kuasa, mesin dan seumpamanya tidak dapat berfungsi disebabkan ketiadaan minyak, tentu sahaja kita berasa gusar.

Ertinya tanpa minyak pengurusan pejabat akan terganggu, kilang-kilang tidak akan dapat beroperasi, jentera dan mesin tidak boleh digerakkan dan bekalan elektrik ke rumah-rumah akan terputus. Semuanya akan mengganggu kehidupan kita kerana kebanyakan kerja dan keperluan kita bergantung kepada 'tenaga' (jana kuasa dan mesin) yang digerakkan oleh minyak.

Dalam mengatasi masalah subsidi yang kian meningkat itu, kerajaan telah mengambil

langkah untuk memastikan penjualan produk-produk minyak premium 97, Super 92, Regular 85 dan Diesel sentiasa terkawal bermula pada 1 Januari 2006.

Di bawah kawalan itu, pembelian minyak melalui pengisian terus ke dalam tangki, kontena, dram atau tangki termasuk kapal-kapal ditentukan mengikut jumlah yang dibenarkan. Syarat-syarat lain juga ditentukan dalam peraturan itu.

Kawalan tersebut sedikit sebanyak telah dapat mengurangkan penyeludupan minyak ke luar negeri. Catatan sebelum kawalan dilaksanakan, jualan mengikut isi padu melonjak sehingga 63 peratus di beberapa buah stesen yang rata-rata pelanggannya antara 25 hingga 30 peratus datang dari luar negara.

Sementara itu jumlah penggunaan tenaga elektrik di negara ini juga merupakan antara yang tertinggi. Ini juga berhubung kait dengan penggunaan minyak yang menggerakkan janakuasa.

Kita mendapati berlaku pembaziran dari segi penggunaan elektrik. Sama ada di rumah atau di pejabat seperti lampu, kipas angin, penghawa dingin, radio, peti televisyen dan seumpamanya berterusan dipasang walaupun tidak diperlukan atau digunakan.

Sehingga bulan Mac lepas tongkang bil elektrik yang tidak dibayar oleh individu, syarikat dan jabatan-jabatan kerajaan agak tinggi. Meng-

ikut catatan ketika itu jumlah bil tertunggak meliputi B\$79.8 juta bagi rumah-rumah; B\$39.4 juta bagi perniagaan dan B\$188.2 juta bagi pejabat-pejabat kerajaan yang keseluruhannya berjumlah \$307.4 juta.

Sehubungan itu langkah pemotongan meter telah dibuat bermula 1 April lepas. Pemotongan melibatkan penggunaan yang pembayaran bil mereka tidak aktif. Langkah tersebut sangat berkesan bukan sahaja dalam mendapatkan sejumlah besar bayaran tertunggak malah ia juga dapat mengaktifkan pembayaran pelanggan. Selain dari itu ia juga dapat mengingatkan para pengguna untuk sentiasa berjimat menggunakan elektrik.

MEKANISME

Daripada senario di atas, kita perlu terus mencari langkah-langkah dan pendekatan terbaik untuk mengemaskan lagi mekanisme penjimatan 'tenaga'. Langkah-langkah pengawalan penggunaan 'tenaga' secara berlebihan pada waktu-waktu yang tidak diperlukan di jabatan-jabatan kerajaan patut diberikan perhatian oleh pihak pengurusan agensi-agensi berkenaan.

Kesedaran orang ramai juga perlu terus ditingkatkan. Ia dapat dibuat melalui kempen-kempen, saranan-saranan dan seumpamanya. Jika ia dapat dilaksanakan secara bersepadu, kita percaya 'pembaziran tenaga' akan dapat dielakkan.

PENDIDIKAN



BENDERA Negara Brunei Darussalam diserahkan oleh Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Mahali bin Momin kepada ketua rombongan ke Jepun, Dayang Hajah Noor Zinatul Ashiqin binti Haji Ibrahim. - Foto: Pg. Ibni Pg. Haji Hildup.

Amalkan adab kesopanan, tatasusila orang Brunei

Oleh: Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

JALAN MUARA, Selasa, 11 Julai. - Para pelajar yang mewakili negara ke Konvensyen Kanak-kanak Asia Pasifik Ke-18 di Fukuoka, Jepun, diharap akan sentiasa mengamalkan adab kesopanan dan tatasusila orang-orang Brunei yang murni, memelihara kesucian agama Islam serta menjaga nama baik negara ketika berada di luar negara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Mahali bin Momin selaku tetamu kehormat di Majlis Doa Selamat dan Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi delegasi Negara Brunei Darussalam ke Konvensyen Kanak-kanak Asia Pasifik kali ke-18 di Fukuoka, Jepun yang diadakan di Auditorium Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan di sini.

Beliau juga menyeru kepada pelajar-pelajar tersebut untuk mengambil peluang keemasan sebagai pemerhati dan pengamal yang bijak untuk mempelajari sikap positif dan nilai-nilai murni yang menjadikan masyarakat Jepun dikenali sebagai bangsa yang maju.

Seramai lapan orang pelajar telah terpilih menyertai program tersebut iaitu empat orang pelajar lelaki dan empat orang pelajar perempuan yang belajar dalam Menengah Bawah 1 bersama dua orang pegawai selaku pegawai pengiring dan pemerhati.

Beliau selaku wakil Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kedutaan Besar Jepun kerana mengendalikan dan membiayai sepenuhnya program ini.

Antara tujuan program itu diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar mengenal, berkongsi sama, mempelajari dan menghormati adat resam serta cara hidup budaya bangsa-bangsa lain di samping menjalin rasa persahabatan dan muhibah di kalangan para peserta daripada 58 buah negara.

Rombongan akan bertolak ke Jepun pada 13 Julai iaitu selama 15 hari. Di sepanjang mengikuti konvensyen tersebut, pelbagai aktiviti akan dijalankan termasuk program tinggal bersama keluarga angkat di sana.

Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam seterusnya diserahkan oleh tetamu kehormat di majlis tersebut kepada ketua rombongan ke Jepun iaitu Hajah Noor Zinatul Ashiqin binti Haji Ibrahim.

Sekolah Menengah Kg. Masin beroperasi sepenuhnya

MASIN, Khamis, 13 Julai. - Sekolah Menengah Kampong Masin (SMKM) baru siap pembinaannya memulakan operasinya pada 20 Julai.

Dengan siapnya SMKM akan dapat memberikan kemudahan kepada penduduk di kampung berkenaan dan kampung-kampung di sekitarnya.

Projek SMKM menelan belanja lebih \$14 juta bermula pada 19 Julai 2002 di tapak seluas 4.3 ekar dengan jangkaan tempoh pembinaan selama 20 bulan, bagaimanapun tertangguh sehingga 31 Mac tahun ini.

Bangunan sekolah itu diserahkan dengan rasminya oleh Jabatan Kerja Raya kepada Kementerian Pendidikan yang berlangsung di SMKM.

Pemangku Penolong Pengarah Bahagian Menengah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Koh Hong Puan mewakili Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan menerima replika

kunci bangunan sekolah daripada Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Denies Wong.

Replika kunci itu kemudiannya diserahkan kepada Pengetua SMKM, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi.

Antara kemudahan yang terdapat di sekolah itu ialah bilik pentadbiran, perpustakaan, klinik gigi, dewan kuliah dan surau, makmal sains dan komputer dan dewan serbaguna.

Sekolah yang mempunyai 42 bilik darjah itu dijangka menempatkan lebih 600 penuntut dan 52 orang tenaga pengajar tempatan dan luar negara.

Pada 20 Julai tahun ini sekolah berkenaan hanya akan menempatkan penuntut dari Tingkatan Satu hingga Empat sahaja dan bermula tahun depan baharulah sekolah berkenaan akan menerima kemasukan penuntut Tingkatan Lima.

Skim Latihan Perantisan membangun industri negara

Oleh: Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Julai. - Skim Latihan Perantisan memainkan peranan penting dalam membangunkan industri negara melalui penajaan peluang pekerjaan untuk pelajar teknikal mendapatkan latihan dan pengalaman bekerja dengan syarikat tempatan yang menyertai skim itu.

Melalui Skim Perantisan Mekanik Automobil lebih ramai pelajar teknikal tempatan berjaya menamatkan latihan dengan memperoleh kemahiran dan pengalaman yang diperlukan bagi meningkatkan jumlah pakar dalam

industri berkenaan.

Di samping itu skim serupa dalam bidang masakan, kursus latihan peti sejuk dan hawa dingin juga banyak membantu membangunkan sumber tenaga manusia di kalangan generasi muda, sekali gus membantu negara memperoleh tenaga kerja tempatan dalam bidang berkenaan.

Perkara itu dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik, Awang Jamal bin Haji Kahar ketika berucap di Majlis Menandatangani Perjanjian Latihan Perantisan antara

Jabatan Pendidikan Teknik dan Syarikat Automobil dan Servis.

Majlis yang diadakan di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) itu dihadiri oleh Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman yang seterusnya menyaksikan majlis menandatangani perjanjian berkenaan.

Seramai 17 orang pelajar berjaya menyertai Program Latihan Perantisan Mekanik Automobil Sijil Perdagangan 2 dan mereka akan memulakan latihan selama dua setengah tahun

bersama syarikat automobil tersebut.

Sebanyak lima orang pelajar lagi akan ditempatkan di MTSSR, manakala 12 yang lain akan ditempatkan di Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, sepanjang tempoh perantisan mereka.

Program perantisan itu berjaya melahirkan 58 mekanik terlatih dengan terdapat 12 perantis masih lagi menjalankan latihan.

Terdapat dua skim latihan perantisan dalam bidang penyelenggaraan peti sejuk dan hawa dingin dan latihan masakan serta perkhidmatan yang sedang dijalankan.

Kegigihan perlu untuk capai kejayaan

Oleh: Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

WASAN, LIMAU MANIS, Isnin, 10 Julai. - Kegigihan dan disiplin diri menjalani kursus mengikut tunjuk ajar daripada pengajar dalam semua subjek adalah diperlukan untuk mencapai kejayaan.

Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Teknik Kementerian Pendidikan, Awang Noorhaizam bin Haji Mosbi ketika berucap di Majlis Perasmian Minggu Suai Kenal Pengambilan Pertama Sekolah Vokasional Wasan menyeru para pelajar supaya tidak membiarkan cabaran yang dihadapi menyekat atau melembapkan keazaman



PENOLONG Pengarah Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan, Awang Noorhaizam bin Haji Mosbi bergambar ramal bersama para penuntut pengambilan pertama Sekolah Vokasional Wasan. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

dan cita-cita mereka untuk mencapai kejayaan.

Beliau menaruh keyakinan sekolah itu mampu melahirkan graduan tempatan yang boleh membantu merealisasikan hasrat kerajaan memajukan ekonomi negara

melalui bidang asas tani dan mengurangkan pengantungan kepada minyak dan gas.

"Saya juga percaya penubuhan institusi yang memfokuskan programnya khusus kepada bidang asas tani sudah lama diperlukan di negara ini," katanya.

Beliau menjelaskan majlis pada hari ini adalah hari yang bersejarah kerana hasrat yang lama terbenam kini sudah menjadi realiti dengan pengambilan pelajar pertama di Sekolah Vokasional Wasan.

Katanya, projek pembinaan sekolah itu menelan belanja kira-kira \$15.5 juta itu dilengkapi dengan kemudahan asas dan peralatan pembelajaran di tapak seluas 198 ekar.

"Kesimpulannya, suasana pengajaran serta pembelajaran di sekolah ini adalah mencukupi, dari itu saya berharap pelajar akan mengambil kesempatan keemasan ini dengan belajar lebih tekun dan

penuh dedikasi hingga mencapai kejayaan," tambahnya.

Beliau mengingatkan kepada pelajar yang mereka adalah terpilih daripada banyak calon yang memohon untuk mengikuti program kursus di sekolah berkenaan.

Beliau kemudian menerangkan bahawa 70 peratus pembelajaran dalam program Sijil Kejuruan Gred 3 (NTC3) adalah secara praktikal dengan pelajar didedahkan kepada teknik asas tani secara praktikal sambil turut diselitikan penempatan industri.

"Saya percaya sektor industri akan bersedia mengambil pelajar secara tetap jika mereka menunjukkan mutu kerja yang cemerlang semasa penempatan industri nanti," katanya.

Beliau menyeru supaya pelajar tidak melepaskan peluang keemasan berkenaan.

Oleh Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn



PEMANGKU Penolong Pengarah Bahagian Menengah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Koh Hong Puan mewakili Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan menyampaikan replika kunci bangunan Sekolah Menengah Kampong Masin (SMKM) pada Pengetua SMKM, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

BERANGKAT MENYAKSIKAN PERSEMBAHAN TATU



KELIHATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Jeneral ABDB, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dan ahli-ahli kerabat diraja ketika berangkat menyaksikan persembahan tatu (kiri).

BIT 2006 pupuk per

Liputan : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

fatimah.noor@information.gov.bn

Bolhassan Haji Abu Bakar

bolhassan.bakar@information.gov.bn

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Ramli Tengah, Haji Sahrin Haji Asmat, Pg. Ibni Pg. Haji Hidup



DYTM membalas tabik hormat daripada anggota ABDB.



KEBAWAH DYMM Raja Isteri dan DYTM Pengiran Isteri dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa BIT 2006.




BERANGKAT menyaksikan BIT 2006 ialah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



KELIHATAN DYTM dan YTM ketika berangkat menyaksikan persembahan BIT 2006.



PERSEMBAHAN bunga api turut memukau kemeriahan suasana malam di Stadium Negara Hassanul Bolkiah, Berakas.



PASUKAN Pancaragam Republik Filipina mempamerkan kawad senyap dengan membuat pergerakan yang menarik dari pelbagai sudut.

BERAKAS, Sabtu, 29 Julai. - Persembahan Tatu Antarabangsa 2006 (BIT 2006) telah mencerminkan kerjasama dan perpaduan yang sentiasa terjalin di antara Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan rakan-rakan bukan hanya dari sektor awam dan swasta malah dari luar negara.

BIT telah melambangkan perpaduan dan persahabatan negara-negara yang terlibat dengan menunjukkan kepakaran masing-masing di dalam di dalam persembahan muzik dan merupakan satu peluang terbaik bagi semua negara menjalin silaturahmi dan interaksi profesional di antara satu sama lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga selaku Pemerintah Tertinggi ABDB adalah antara puluhan ribu penonton terpukau dengan persembahan tatu antarabangsa yang mencipta sejarah dengan menampilkan beberapa pembaharuan dan dikatakan perkumpulan terbesar pancaragam-pancaragam tentera di rantau ini.

Tatu Antarabangsa di-

adakan malam tadi, buat pertama kalinya memperlihatkan kemahiran bela diri 'kung fu' diselenggarakan untuk dipertontonkan dengan persembahan pancaragam. Apa yang lebih menarik lagi ialah memperlihatkan pertunjukan bunga api, yang dikoordinasikan agar selaras dengan harmoni dengan irama yang dimainkan oleh pancaragam-pancaragam.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan diiringi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, Timbalan Menteri Pertahanan; Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusof, Pemerintah ABDB serta Kolonel Pengiran Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohamad, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur BIT 2006.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Jeneral ABDB,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta putera dan puteri serta adinda-adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebaik sahaja hormat diraja dan lagu kebangsaan dimainkan, baginda dijunjung berangkat memeriksa perbarisan kawalan kehormatan.

Persembahan BIT 2006 adalah menjadi satu pesamban dan lagu kebangsaan istemewa dan melambangkan rasa kasih sayang dan taat setia ke hadapan majlis baginda sebagai seorang raja yang pengasih lagi penyayang sempena sambutan Hari Keputeraan baginda ke-60 tahun, di samping itu ianya juga merupakan kesempatan istimewa bagi peserta negara-negara sahabat yang mengambil bahagian untuk menikmati keindahan dan keunikan rukun budaya negara tuan rumah Negara Brunei Darussalam. Demikian antara ungkapan dalam sekup sirih Pemerintah ABDB di buku kenangan sempena BIT 2006.

Yang Dimuliakan menambah bersempena BIT 2006, satu mesyuarat yang julung kali diadakan bagi



PASUKAN Pancaragam Angkatan Tentera Indonesia (TNI) digelar 'Genderang Suling' mengagumkan tambar Kadet Tentera Laut, Udara dan Darat berjaya memukau penonton.

ANTARABANGSA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2006



Yang Maha Sen Baginda Hassan Bolkiah, Sultan Brunei Darussalam, bersama-sama dengan Yang Di-Pertuan Agong, Raja Isteri Raja Muda dan Puteri-puteri Diraja Brunei Darussalam, menghadiri persembahan dari pasukan perbarisan ABDB (kiri).

an diplomasi pertahanan

Persembahan 'The Bandmasters' yang dihas-
kan oleh pasukan perbarisan ABDB (kiri).



Persembahan 'The Bandmasters' yang dihas-
kan oleh pasukan perbarisan ABDB (kiri).

nesia (TNI) yang digelar 'Gendang Suling' yang bermaksud Pancaragam Seruling dan Tambur Kadet Tentera Laut, Udara dan Darat. Pancaragam pancaragam ini adalah di bawah kawalan seorang 'Tambour Major' yang memegang sebatang kayu konduktor yang berukuran 140 sm panjang dikenali dengan Penataragama.

Persembahan-persembahan tidak kurang hebatnya ialah dari Republik Singapura dengan Pancaragam Angkatan Bersenjata Republik Singapura (SAF Band) yang ditubuhkan pada tahun 1994. Anggotanya terdiri daripada gabungan anggota yang telah berkhidmat dan anggota menjalani khidmat negara (National Service). Ini diikuti dengan pancaragam Hashimi Kerajaan Jordan dengan menampilkan kumpulan muzik pertama pancaragam iaitu Jordanian Armed Forces Band (JAFB) ditubuhkan pada tahun 1921. Pancaragam ini juga memperlihatkan persembahan tersendiri telah mempersembahkan keupayaan mereka di merata dunia antaranya Syria, Mesir, Iran, Perancis United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Pancaragam dari Philippine Military Academy (PMA) Silent Drill Company ditubuhkan pada tahun 1974. Pasukan Pancaragam dikenali dengan PMA Maragtas Class of 2007 telah mengukuhkan kebanggaan institusi pameran kawad senyap dan sering membuat persembahan di bandar-bandar utama Republik Filipina dan mereka berjaya mempermerkan pergerakan yang tepat dan formasi yang bererti diselarkan dengan kawad senjata yang beraneka, ini menunjukkan kualiti latihan dan pengajaran yang diharapkan dari kadet oleh PMA.

Dengan persembahan yang memakan masa selama tiga jam telah meninggalkan kenangan yang manis terutama kepada para peserta negara-negara yang menyertai tatu antarabangsa ini untuk dijadikan ristaan buat selamanya terutama negara kita yang comel ini pernah berlaku tatu yang sangat berprestij dan bertaraf antarabangsa untuk dijadikan ristaan sejarah dan kenangan yang manis lebih-lebih lagi di saat kita merayakan Hari Keputeraan baginda ke-60 tahun serta akan menjadi kenangan yang tidak dapat dilupakan oleh baginda sendiri. Kasih sayang baginda adalah kasih sayang rakyat dan penduduk negara ini, juga tidak dilupakan negara-negara sahabat yang begitu mengenali baginda seorang pemimpin negara yang sering kali membuat kunjungan ke negara-negara serantau dan antarabangsa dalam usaha membina dan mengukuhkan

hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam sambil mempromosikan inisiatif diplomasi pertahanan negara.

Di bawah pemerintahan baginda selaku Pemerintah Tertinggi, ABDB sering mengambil bahagian dalam operasi bantuan keamanan di rantau Asia, khususnya dalam bantuan kemanusiaan dan pengamanan. Usaha begini telah membantu ABDB dan akan diteruskan mengikut keperluan semasa.

Selain itu persembahan tatu telah juga memperlihatkan aksi pelbagai negara yang turut serta termasuk Republik Sosialis Viet Nam, Thailand, Republik Islam Pakistan, Australia, Kesultanan Oman, Malaysia, United Kingdom dan Republik Rakyat China.

Juga diadakan ialah persembahan pancaragam secara kombinasi pasukan serunai dan tambur dari Negara Brunei Darussalam, Negara Jordan dan Kesultanan Oman iaitu dengan irama-irama lagu, antaranya 'Cock O' The North, The Highland Brigade at Magersfontein dan Joget Memikat Hati.

Di akhir persembahan, baginda dijunjung untuk sembah kenalkan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur dan ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian.

Persembahan Tatu Antarabangsa telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai, tiket-tiket telah habis dijual dan waktu persembahan tatu akan berakhir pada 1 Ogos 2006.



KEBERANGKATAN tiba baginda dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan berserta Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur BIT 2006 (atas).

BAGINDA membalas tabik hormat dari anggota perbarisan ABDB (kiri).



BAGINDA dan DYTM disembahkan kepada ketua-ketua pasukan yang menyertai BIT 2006.



BERANGKAT sama YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain (atas kiri).

JUGA berangkat YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah (atas).

INI pula memperlihatkan aksi menarik daripada salah sebuah dari 13 buah pasukan yang menyertai BIT 2006 (atas kiri).

TUAN rumah yang membuka tirai persembahan dengan mempersembahkan pelbagai lagu-lagu tempatan dengan diseriakan pergerakan pelbagai sudut serta aksi-aksi persembahan dari pemimpin pancaragam yang mengayun tongkat ke udara (kiri).



PASUKAN Pancaragam Angkatan Tentera Thailand mempersembahkan bersama tarian kebudayaan masyarakat Thai.



EKONOMI

Kemasukan penerbangan kos rendah mengembangkan sektor pelancongan

Oleh: Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn

Malah tambahnya, musim Tahun Melawat Malaysia 2007 dan Tahun Melawat Brunei 2008 akan lebih bermakna dengan kemasukan penerbangan kos budget rendah yang pertama dalam sejarah penerbangan udara negara.

Beliau berucap demikian ketika mengalu-alukan para VIP dan penumpang dengan

penerbangan Air Asia yang pertama ke negara ini dengan 120 orang penumpang pertamanya petang tadi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Katanya, dengan penerbangan Air Asia pertama, negara kini mempunyai perkhidmatan lima pesawat termasuk Penerbangan Diraja Brunei, dua dalam laluan

kod kongsi selain beberapa pesawat sewa yang meningkat setiap tahun dari pengendali melalui pasaran sejauh China dan Korea.

Beliau yang juga pengerusi Lembaga Pelancongan Brunei berkata, kini terserah kepada sektor pelancongan Brunei dan agensi pelancongan tempatan merebut peluang dengan memastikan

tempat duduk penumpang dari Kuala Lumpur dipenuhi dengan pelancong yang ingin meluangkan masa, berbelanja seterusnya menikmati keindahan Brunei, jelasnya.

Program utama pemasaran bersama antara Pelancongan Brunei dan Air Asia akan menyumbang kepada pendedahan destinasi dan produk Brunei pasaran Malaysia melalui pengiklanan, manakala Pelancongan Brunei boleh bekerjasama dengan industri tempatan untuk menyediakan pakej menarik untuk dipromosikan kepada warga Malaysia, katanya.

"Kita boleh menyediakan pilihan pakej kepada pengguna Malaysia jika mereka ingin merancang percutian ke Brunei dan pakej promosi itu boleh dibuat melalui misi pemasaran kita dalam menggalakkan agensi pelancongan Malaysia menawarkan pakej itu," jelasnya.

Beliau menambah kata, penerbangan kos rendah adalah satu trend baru dalam perniagaan global dan dari pandangan destinasi pelancongan pula, penolakan kedatangan penerbangan seperti itu boleh menjejaskan pertumbuhan dan masa depan industri.

Pelancongan Brunei me-

ngalu-alukan ketibaan Air Asia dalam pasaran Brunei kerana memperoleh kemudahan tambahan satu keutamaan bagi satu destinasi yang ingin pertumbuhan dalam industri pelancongan, katanya lagi.

Sementara itu dalam ucapan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Air Asia, Tony Fernandez berkata, warga Brunei memberi sokongan bagi penerbangan Air Asia di Miri dan pertumbuhan industri pelancongan antara Brunei dan Miri tahun lalu akan yang terbesar dalam mana-mana negara ASEAN.

Air Asia akan menggalakkan perkhidmatan penerbangan sekali sehari dan ini menyumbang sebanyak lima peratus atau kira-kira 50,000 tempat duduk penumpang setahun ke Brunei.

Penerbangan laluan baru oleh Air Asia dari Kuala Lumpur - Bandar Seri Begawan dijangka akan memberi manfaat kepada industri pelancongan Brunei sama ada dalam tempoh jangka panjang atau pendek.

Air Asia yang telah memulakan operasi penerbangannya menawarkan harga tambang pengenalan serendah \$39.00 sehalai dari Bandar Seri Begawan ke Kuala Lumpur.



TIMBALAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdillah berucap di Majlis Mengalu-alukan VIP dan Penumpang Air Asia. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

BERAKAS, Selasa, 11 Julai. - Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab yang juga Pengerusi Lembaga Pelancongan Brunei menyifatkan kemasukan penerbangan kos budget rendah ke negara ini sebagai satu tambahan kemasukan pelancong asing yang boleh mengembangkannya sektor pelancongan negara.

Jelasnya, kemasukan atau kehadiran para pelan-

cong luar negara ke negara ini melalui pelbagai cara antaranya dengan menggunakan penerbangan kos budget rendah seperti Air Asia yang akan menyediakan lebih 50,000 tempat duduk setiap tahun boleh menyumbangkan lima peratus dari sejuta pelancong.

Katanya, dengan penerbangan sulung Air Asia ke negara ini dengan 120 orang penumpang merupakan satu lagi sokongan kepada slogan 'Dua Negara Satu Destinasi'.



SEBAHAGIAN daripada mereka yang menghadiri Majlis Mengalu-alukan Para VIP dan Penumpang Air Asia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2006 menjadi penggerak pengeluaran produk halal

Oleh: Maslina Awang Kurus

DALAM usaha untuk mempelbagaikan ekonomi, Negara Brunei Darussalam melihat arah kelebihan yang ada sebagai negara Melayu, Islam, Beraja. Salah satu sektor yang telah dikenal pasti untuk dimajukan ialah dalam perkhidmatan dan pengeluaran produk halal.

Melalui perangkaan statistik dunia, pasaran produk halal bernilai US\$560 bilion secara keseluruhan dan nilai pasaran bagi sektor makanan US\$160 bilion. Peluang untuk menerokai sektor halal ini amatlah besar dan Brunei Darussalam telah pun mengorak langkah untuk menjadi penggerak utama dalam sektor halal ini.

Salah satu daripada langkah untuk memperkalkan negara sebagai penggerak utama kemajuan pengeluaran produk halal, Negara Brunei Darussalam telah menganjurkan Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2006 (IHPE 2006). Ekspo ini diadakan pada 7 hingga 11 Ogos 2006 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Acara ini diadakan sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 di Daerah Brunei dan Muara. Acara pembukaan IHPE 2006 rasmi diadakan pada 7 Ogos 2006 yang dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ekspo ini akan mula dibuka kepada orang ramai selepas selesainya majlis pembukaan rasmi pada hari yang sama hingga 11 Ogos 2006.

Tema Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2006 ini ialah 'Produk Halal Ke Arah Globalisasi (Going Global With Halal Products)'.

Tujuan ekspo ini diadakan ialah:

- * Memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai komitmen negara kepada pengeluaran dan pengiktirafan makanan halal;
- * Mempromosikan jenama Brunei Premium Halal;
- * Memberikan kesedaran kepada pengusaha yang berpotensi mengenai peluang-peluang dalam pengeluaran makanan halal.
- * Memberikan pen-

dedahan kepada pengusaha-pengusaha tempatan mengenai produk-produk yang diiktiraf halal oleh pihak-pihak berkuasa dari luar negeri yang boleh dijadikan contoh; dan

* Memberikan peluang bagi syarikat-syarikat luar negara untuk membuat pelaburan ke Negara Brunei Darussalam.

Di antara aktiviti-aktiviti ekspo ini ialah:

PAVILION DAN BOOTH TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Pavilion dan booth bagi menempatkan pameran dan jualan produk tempatan dan antarabangsa telah diaturkan di Dewan Plenary dan sebanyak 100 booth telah disediakan. Sebanyak 50 syarikat telah mengambil bahagian yang terdiri daripada Brunei Darussalam, Australia, China, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura, Republik Filipina dan Thailand.

Pameran dan jualan ini dikategorikan kepada beberapa sektor seperti berikut:

- * Halal Food Sector.
- * Halal Certified Premises Sector.
- * Non Food Category.
- * Related Association and Bodies.

* Islamic Finance, Insurance & Investment Services.

SEMINAR

Seminar ini diadakan untuk memberikan maklumat mengenai peluang-peluang pelaburan, keutamaan Halal, tatacara pengiktirafan dan lain-lain lagi isu yang berkaitan dengan Halal. Tema bagi seminar ini ialah: 'Going Global with Halal Products'. Ianya berlangsung selama 2 hari bermula 8 hingga 9 Jun 2006 dan tajuk-tajuk utama yang dibentangkan dalam seminar ini ialah:

- * Brunei Halal Market Overview.
- * Market Potential and Investment Opportunities for Halal Products.
- * Halal Certification and Processes.
- * Islamic Banking and Finance: The Emerging Market.
- * Halal Science and Logistics.

Semamai 16 orang penceramah akan menyampaikan kertas kerja masing-masing yang mana kesemuanya berkaitan dengan isu Halal. Jumlah penceramah daripada negara-negara serantau dan antarabangsa adalah seperti berikut:

- * Brunei Darussalam - 3

- * Australia - 2
- * Canada - 4
- * Malaysia - 4
- * USA - 1
- * UK - 1
- * Netherland - 1

PERUNDINGAN BISNES (BUSINESS MATCING)

Adalah diharapkan bahawa ekspo ini akan membawa kepada penandatanganan perjanjian perniagaan di antara syarikat dalam dan luar negara.

Satu kawasan khas telah disediakan bagi syarikat-syarikat yang ikut serta dalam pameran ini untuk membuat perundingan dengan mana-mana pihak.

Bincang MIB Ekonomi

Oleh: Hariyani Haji Ali

TUNGKU, Khamis, 20 Mei. - Seramai 14 delegasi dari Amerika Syarikat terdiri dari pengarah dan pakar akademik, pegawai bidang termasuk bidang Sosiologi, Ekonomi, Sam Politik, Politik Asia, Kemanusiaan, Perdagangan, Perumahan, Pengurusan, Perkembangan Manusia, Filosofi, Pengajian Agama dan Inggeris membuat kunjungan ke Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Delegasi yang diketuai oleh Profesor Dr. Joseph L. Overton dari Kolej Kemasyarakatan Kapiolani, Hawaii itu terlibat dalam Program Perkembangan Pendidikan Asia.

Lawatan tersebut bertujuan untuk memahami dan menganalisis falsafah Melayu Islam Beraja serta perkembangan ekonomi negara.

Kunjungan delegasi itu dialu-alukan oleh Pendatuk dan Setiausaha UBD, Awang Haji Metamid bin Ratu dan juga para dekan serta pegawai-pegawai UBD.

Semasa perjumpaan itu para delegasi juga menyaksikan tayangan video korporat UBD diikuti dengan pembentangan mengenai 'Melayu Islam Beraja' dari Akademi Pengajaran Brunei dan juga 'Perkembangan Ekonomi Brunei Darussalam' dari Fakulti Perdagangan, Ekonomi dan Pengajian Dasar.

Selepas perjumpaan, delegasi dibawa melawat di sekitar kampus termasuk Perpustakaan UBD.



DELEGASI dari Amerika Syarikat mengadakan perbincangan di UBD.

Liputan :
Dk. Hajah Saidah Pg.
Haji Omaralli
saidah.omaralli@infor-
mation.gov.bn
Foto :
Pg. Rafee Pg. Dato
Paduka Haji Metassim



ASEAN berperanan selesaikan isu-isu antarabangsa

KUALA LUMPUR, Selasa, 25 Julai. - Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-39 dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng hadir bersama Menteri-menteri Luar ASEAN yang lain diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar diikuti dengan ucapan perasmian oleh Perdana Menteri Malaysia yang menggesa ASEAN supaya menegaskan bahawa ia masih relevan dengan membantu menyelesaikan isu-isu antarabangsa yang mendesak.

Perdana Menteri Malaysia berkata, walaupun keutamaan ASEAN sepatutnya menjalin keamanan, keselamatan dan kerjasama serantau, ASEAN juga perlu mengambil bahagian dalam menyelesaikan isu-isu antarabangsa yang mendesak untuk menegaskan yang mereka masih relevan.

Yang Amat Berhormat juga menyarankan agar ASEAN memberi sumbangan kepada usaha memerangi keganasan antara-bangsa malah penderitaan yang disebabkan oleh keganasan juga mengancam keselamatan di rantau ASEAN dan kestabilan negara masing-masing.

Menurut Yang Amat Berhormat keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara akan menentukan sama ada ASEAN berjaya atau gagal sebagai sebuah pertubuhan serantau. Sebagai anggota masyarakat antarabangsa yang bertanggungjawab tambah Yang Amat Berhormat negara-negara ASEAN tidak boleh bersikap tidak ambil peduli terhadap penderitaan rakyat Palestin.

"Perkembangan terkini di Asia Barat amat mengancam keamanan dan keselamatan antarabangsa," ujar Yang Amat Berhormat. Sehubungan itu Yang Amat Berhormat menggesa negara anggota ASEAN supaya menangani keganasan antarabangsa yang mengugut ketenteraman dunia dan mewujudkan suasana tidak harmoni di kalangan negara-negara serantau.

Yang Amat Berhormat juga menggesa ASEAN supaya tidak bertolak ansur dengan penaklukan dan penindasan rakyat Palestin oleh Israel yang telah menjadi tragedi yang amat buruk sejak kebelakangan ini. "Kita harus mengutuk tindakan terbaru Israel menggunakan kuasa yang keterlaluan di Gaza dan Tebing Barat. Kita tidak harus bertolak ansur dengan penggunaan tindakan balas ketenteraan yang berlebihan ke atas Lubnan," ujar Yang Amat Berhormat.

Yang Amat Berhormat menekankan agar Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya mengambil tindakan supaya gencatan senjata di-segerakan, menghantar tentera pengaman PBB untuk melaksanakan gencatan sen-

Forging a United, Resilient and Integrated ASEAN



YANG Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia berpegang tangan sebagai tanda penyatuan ASEAN bersama para Menteri Luar ASEAN di Majlis Perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-39. Kelihatan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng.

jata itu dan menghalang penaklukan Lubnan oleh Israel.

Yang Amat Berhormat seterusnya menggesa ASEAN supaya berusaha mewujudkan Komuniti ASEAN kerana ia adalah salah satu cara terbaik menyelesaikan masalah serantau dan memastikan keamanan serta kestabilan terpelihara.

"Komuniti ASEAN akan mewujudkan persekitaran yang membolehkan negara anggota berkembang semasa mereka berkongsi dan menyebarkan prinsip-prinsip bersama yang tertentu, nilai-nilai dan amalan," jelas Yang

Amat Berhormat.

Yang Amat Berhormat menambah proses integrasi ASEAN tidak akan memerlukan negara anggota merampas hak kedaulatan dan kompetensi mereka. Yang Amat Berhormat menambah sebagaimana sejarah ASEAN dicerminkan oleh pembangunan strategik global, masa depan ASEAN juga akan ditentukan oleh gelombang baru globalisasi yang bukan hanya membawa cabaran dalaman, ekonomi dan sosial tapi juga dalam bentuk strategik dan global.

Menurut Yang Amat Berhormat cabaran-cabaran

tersebut datang dari luar rantau ASEAN oleh itu di luar kawalan mereka. Oleh itu semua cabaran itu menguji perpaduan dan kesepaduan ASEAN.

Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN Ke-39 dalam ucapan alu-aluannya berkata ASEAN perlu memulakan program-program outreach yang akan membawanya mendekati rakyat dan begitu juga sebaliknya membawa rakyat dekat kepada ASEAN.

Yang Berhormat Datuk

Seri Syed Hamid Albar seterusnya menekankan bahawa ASEAN perlu melaksanakan usaha-usaha secara serius untuk menyemai semangat saling memiliki di antara setiap individu dalam ASEAN dan bangkitkan perasaan kekitaan di kalangan rakyat ASEAN.

Yang Berhormat menambah walaupun dalam segala kelebihan yang ASEAN berikan kepada rantau ini hanya sedikit sahaja kesedaran berhubung ASEAN yang wujud atau tidak ada langsung kesedaran timbul di kalangan orang ramai mengenainya.

"Apa yang ironik tentang perkara ini ASEAN dilihat sebagai sebuah pertubuhan elit dan hanya dikenali di peringkat pegawai-pegawai serta beberapa kerat masyarakat," ujarnya. Namun tambah Yang Berhormat ASEAN tetap wujud, mengutarakan kepentingan semua penduduknya menerusi pengalakkan kerjasama serantau dan persekitaran serantau yang stabil dan aman.

Menyentuh mengenai Myanmar, Yang Berhormat berkata ekoran beberapa perkembangan dalam negara, para menteri luar berharap diadakan perbincangan lebih lanjut mengenai isu bantuan ASEAN kepada proses pendemokrasian dan perdamaian Myanmar.

Sementara itu Kumpulan Tokoh-tokoh Terkemuka (EPG) ASEAN sedang bekerja keras bagi memastikan ASEAN memiliki unsur-unsur yang diperlukan bagi mengukuhkan-nya dan menangani keperluan dalam abad ke-21, terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat yakin EPG akan dapat membekalkan cadangan-cadangan yang inovatif dan praktikal dalam laporan akhir yang akan dikemukakan kepada pemimpin-pemimpin ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 pada bulan Disember di Cebu, Republik Filipina nanti.

Kunjungan muhibah kepada PM

KUALA LUMPUR, Selasa, 25 Julai. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng bersama rakan-rakan

sejawatnya telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Kunjungan tersebut diadakan di Pusat Persidangan Kuala Lumpur (KLCC) sebelum Majlis Perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-39 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat

Datuk Seri Syed Hamid Albar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN Ke-39 menyampaikan ucapan alu-aluan sebelum Yang Amat Berhormat merasmikan mesyuarat tersebut.

Selepas perasmian, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua Negara Brunei Darussalam bersama Menteri-menteri Luar ASEAN yang lain menghadiri retreat AMM. Turut hadir di majlis tersebut Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Ong Keng Yong.



Menteri Luar ASEAN diraikan

KUALA LUMPUR, Isnin, 24 Julai. - Para Menteri Luar ASEAN yang akan menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri (AMM) Ke-39 di sini diraikan dalam satu Majlis Makan Malam Tidak Rasmi yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar. Majlis diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Hadir di majlis tersebut Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, Menteri-menteri Luar ASEAN yang juga hadir di majlis berkenaan termasuk Timbalan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja, Tuan Yang Terutama HOR Nahomg; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. N. Hassan Wirajuda; Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Laos, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith; Setiausaha (Menteri) Hal Ehwal Luar Negeri Filipina, Tuan Yang Terutama Dr. Alberto G. Romula; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Myanmar, Tuan Yang Terutama U. Nyan Win; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Kantathi Suphamongkhon dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Gia Khiem. Juga hadir Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Ong Keng Yong.

Sebelum majlis tersebut para menteri berkenaan mengadakan Sesi Khas dengan Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Surakiart Sathirathai. Tuan Yang Terutama merupakan calon ASEAN bagi jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Pencalonan Tuan Yang Terutama Dr. Surakiart itu menerima sokongan penuh ASEAN. Tuan Yang Terutama berusia 48 tahun sudah mula berkempen untuk jawatan berkenaan sejak tahun 2004. Timbalan Perdana Menteri berkenaan menganggap kempenya itu sebagai 'lawatan untuk mendengar', Tuan Yang Terutama berkunjung ke seluruh dunia untuk mendengar pandangan orang ramai.

TYT Dr. Surakiart berada di sini bagi memenuhi jemputan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN. TYT dijadualkan menghadiri sesi khas dengan Menteri-menteri Luar ASEAN untuk memberikan maklumat terkini tentang perkembangan kempen.

Tuan Yang Terutama juga akan menghadiri mesyuarat dengan Menteri-menteri Luar rakan dialog ASEAN untuk membincangkan mengenai isu-isu yang membabitkan PBB. "Kita percaya calon bagi Setiausaha Agung PBB perlu belajar untuk mendengar sebanyak mana pertandingan yang boleh diperolehinya dan ini adalah peluang terbaik untuk menemui lain-lain rakannya," kata Tuan Yang Terutama.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua berbual mesra bersama Timbalan Perdana Menteri Thailand, TYT Dr. Surakiart Sathirathai di Majlis Makan Malam Tidak Rasmi.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng bersama Menteri-menteri Luar ASEAN yang lain menandatangani Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Pengecualian Visa.

Membincangkan isu hubungan dua hala

KUALA LUMPUR, Rabu, 26 Julai. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng mengadakan mesyuarat dengan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat Lao, Tuan

Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith. Mesyuarat diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Di mesyuarat itu kedua-dua menteri membincangkan perkara-perkara hubungan dua hala yang menjadi kepentingan bersama.



MESYUARAT dua hala antara Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua bersama Tuan Yang Terutama Menteri Hal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Lao.

AMM berakhir dengan keluarkan Pernyataan Bersama

KUALA LUMPUR, Selasa, 25 Julai. - Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-39 telah berakhir dengan mengeluarkan pernyataan bagi menggerakkan pertumbuhan itu ke arah lebih bersatu dan berdaya tahan.

Dalam pernyataan bersama setebal 24 muka surat itu para Menteri Luar ASEAN menggariskan tujuh sasaran utama untuk dicapai menjelang 2020 iaitu Komuniti ASEAN, Komuniti Keselamatan ASEAN (ASC), Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), Komuniti Sosio-budaya ASEAN (ASCC), di samping fokus tentang hubungan luar, pembangunan Myanmar dan isu-isu serantau serta antarabangsa.

Di bawah isu Komuniti ASEAN, para menteri telah bertukar-tukar pendapat mengenai bagaimana hendak mempercepatkan pencapaian matlamat merealisasikan Komuniti ASEAN dari 2020 kepada 2015.

Pertubuhan serantau 10 anggota itu menerusi Perjanjian Bali II telah menetapkan 2020 sebagai tahun bagi mencapai Komuniti ASEAN berdasarkan tiga tonggak iaitu ASC, AEC dan ASCC. Komuniti

ASEAN yang diterima menerusi Perjanjian Bali II pada tahun 2003 dihasratkan mewujudkan kestabilan, perkongsian kemakmuran selain ketahanan dan keharmonian serantau di kalangan lebih 500 juta penduduk ASEAN di 10 ekonomi negara anggota. Para menteri juga bersetuju untuk melaksanakan usaha yang lebih bagi memperkukuhkan mekanisme penyaluran yang akan membantu ASEAN merealisasikan visi tersebut.

Menteri-menteri itu juga turut menyentuh kepentingan pelaksanaan Program Tindakan Vientiane (VAP) selaras dengan tiga prinsip pembentukan komuniti berkenaan.

Para menteri turut bersetuju bahawa setiap negara anggota perlu mengambil kira keperluan memasukkan VAP dalam pelan pembangunan nasional masing-masing. Para menteri juga mengalu-alukan misi Kumpulan Tokoh Terkemuka (EPG) merangka Piagam ASEAN bagi memperkukuhkan gagasan itu dalam menghadapi cabaran mendatang dengan mengemukakan cadangan-cadangan yang praktikal.

Para menteri turut menekankan perlunya pelaksanaan yang berkesan ke atas cadangan-cadangan yang terdapat dalam Laporan Separuh Penggal Kerja Inisiatif Integrasi ASEAN (IAI) yang telah diterima oleh pucuk pimpinan pada Sidang Kemuncak Ke-11 Disember lalu.

Mengenai ASC para Menteri Luar ASEAN menekankan sekali lagi komitmen mereka untuk memperkukuhkan kerjasama dalam bidang keselamatan serta politik bagi menjamin keamanan, kestabilan dan pembangunan rantau ini.

Malah mereka turut mengalu-alukan keputusan yang dicapai pada Mesyuarat Tahunan Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (AMMM) yang diadakan di Kuala Lumpur pada Mei lalu sebagai penyumbang penting kepada pembentukan ASC.

Di bawah isu ASC, Menteri-menteri Luar ASEAN turut menekankan kepentingan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Asia Tenggara (TAC) sebagai instrumen keamanan, keselamatan dan kerjasama dalam hubungan antara negara.

Liputan :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn
Foto :
Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim



Pengertian Logo AMM Ke-39

KUALA LUMPUR, Isnin, 24 Julai. - Logo bermotifkan bunga membawa maksud keamanan, keharmonian dan kedamaian menjadi pilihan Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-39 (AMM) menghiasi logo mesyuarat tersebut.

Logo pilihan Wisma Putra itu terpampang di setiap sudut di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) tempat utama AMM dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan di tengah-tengah kota sesuai bagi menggambarkan sifat dinamik dan progresif ASEAN untuk terus maju dalam menghadapi cabaran globalisasi abad ke-21.

Pendekatan simbol bunga dan 10 kelopak yang melingkari logo utama ASEAN melambangkan 10 negara anggotanya yang sentiasa bergerak ke arah kemajuan dan bersatu padu.

Gabungan warna logo merah, putih serta kuning melambangkan keberanian, kecekalan, kemantapan dan kesatuan seperti mana yang ingin dilihat di kalangan negara anggota ASEAN.

Selain TAC, pernyataan itu turut menyentuh isu Laut China Selatan, usaha menangani jenayah dan keganasan, Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) serta Forum Serantau ASEAN (ARF) sebagai elemen penting dalam mengekalkan keamanan serantau.

Menteri-menteri Ekonomi sudah mengenal pasti dan menghapuskan amalan yang menyekat serta halangan bukan tarif bagi membenarkan pergerakan dagangan barang-barang, perkhidmatan serta pelaburan tanpa sebarang had, dalam usaha merealisasikan AEC. Ia termasuk inisiatif yang diambil untuk membangunkan lagi Perjanjian Pengakuan Bersama (MRAs) dan Pelan Tindakan ke arah merealisasikan Jendela Tunggal ASEAN (ASW).

Mekanisme perdagangan membenarkan satu saluran untuk pelepasan barang-barang bagi ASEAN + 6 pada tahun 2008 dan selawat-lewatnya tahun 2012 bagi lain-lain rakan dialog.

Para menteri juga menggesa diwujudkan kerjasama serantau yang man-

PENGECEUALIAN VISA MEMPERCEPAT PEMBENTUKAN KOMUNITI ASEAN

KUALA LUMPUR, Selasa, 25 Julai. - Menteri-menteri Luar ASEAN telah menandatangani Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Pengecualian Visa untuk mempercepatkan pembentukan Komuniti ASEAN menjelang 2020.

Perjanjian itu ditandatangani oleh 10 Menteri

Luar ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN (AMM) Ke-39 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini mengecualikan warganegara ASEAN daripada keperluan visa untuk lawatan sosial sehingga 14 hari di mana-mana negara anggota.

Langkah perjanjian pengecualian visa itu dijangka akan meningkatkan dan memudahkan perjalanan antara ASEAN dan juga mempromosikan sektor pelancongan, hubungan penduduk kepada penduduk dan pembangunan ekonomi di kalangan negara anggota pertumbuhan serantau itu. Perjanjian tersebut adalah satu daripada empat perjanjian yang ditandatangani sempena Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-39.

Rangka kerja perjanjian itu selaras dengan Artikel 2 Perjanjian Pelancongan ASEAN yang dipersetujui pada Mac 2002 berhubung kaedah mempermudah pelancongan dalam ASEAN dan Artikel 11 Rangka Kerja Penyepaduan dan Sektor Keutamaan ASEAN pada November 2004 dengan negara anggota komited mengecualikan keperluan visa bagi rakyat negara ASEAN.

Perjanjian itu bagaimanapun tidak sepatutnya menjejaskan pelaksanaan perjanjian, aturan atau protokol dua hala yang sedia

ada dan undang-undang atau peraturan mengenai pengecualian visa antara negara anggota.

Pada hakikatnya Myanmar dan Laos yang mempunyai undang-undang visa yang ketat juga bertuju menandatangani perjanjian itu sebagai langkah positif ke arah mewujudkan Komuniti ASEAN. Kedua-dua negara anggota ASEAN berhasrat mengadakan perbincangan dua hala bagi membolehkan mereka memberikan visa percuma selama 14 hari kepada pemegang pasport biasa yang melawat negara itu.

Sebelum perjanjian itu, undang-undang Laos memerlukan semua pelawat mempunyai visa sebelum memasuki negara itu. Perjanjian pengecualian kepada warganegara Kemboja, Malaysia, Viet Nam dan Republik Singapura. Seperti juga pemerintah tentera junta di Myanmar tidak membenarkan kunjungan pelawat asing tanpa visa.

Perjanjian hari ini dijangka berkuat kuasa sebaik sahaja disahkan dan diluluskan oleh Menteri-menteri Luar ASEAN kelak. Idea pengecualian visa diilhamkan pada Mesyuarat Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Keselamatan Kementerian Hal Ehwal Luar ASEAN Kalangan di Negara Brunei Darussalam pada Oktober 2004.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua ketika hadir di Majlis Perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-39.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng ketika hadir di Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN + 3.

Semua negara mengutuk serangan Israel terhadap Lubnan

KUALA LUMPUR, Rabu, 26 Julai. - ASEAN + 3 mendesak rundingan enam pihak diteruskan untuk menyelesaikan konflik Korea Utara. Ini penting untuk memastikan keadaan yang kondusif, aman dan stabil di rantau Asia Tenggara dan Semenanjung Korea.

Pembentukan masa depan Korea Utara dan perkembangan di Asia harat begitu mendominasi mesyuarat ASEAN + 3 hari ini yang disertai 10 negara ASEAN, China, Jepun dan Korea Selatan. Keseluruhannya semua terlibat mencapai kata sepakat bahawa kedua-dua isu berkenaan sangat mendesak dan perlu ditangani segera.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada akhir mesyuarat mereka percaya Forum Serantau ASEAN (ARF) boleh menyumbang kepada keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara dan Semenanjung Korea. Mereka juga berharap hasil perbincangan ARF dapat diadaptasi dalam rundingan enam pihak nanti.

ASEAN + 3 juga kesal dengan situasi di Lubnan dan terbaru pembunuhan empat pemerhati Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Mereka sekali lagi mendesak masyarakat antarabangsa dan Majlis Keselamatan PBB kuat kuasakan perlucutan senjata.

Israel dan Palestin juga perlu kembali kepada proses damai dan mematuhi pelan damai Resolusi 1515 Majlis Keselamatan

PBB. Israel juga diminta mengiktiraf kedaulatan dan kemerdekaan Lubnan seperti yang terkandung dalam Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1664 dan 1680.

Menteri Luar Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mempengerusikan Mesyuarat Ketujuh Menteri-menteri ASEAN + 3 berkata, tindakan melampau Israel di Lubnan sehingga membunuh anggota pemerhati PBB perlu dihentikan segera.

Yang Berhormat berkata, pengeboman oleh Israel bukan saja menyebabkan kematian dan kesengsaraan penduduk awam Lubnan tetapi PBB. Tambahnya, memang mudah menyatakan kekesalan selepas kejadian itu tetapi gesaan majoriti masyarakat antarabangsa supaya Israel menghentikan pengeboman Lubnan mesti dipatuhi.

Yang Berhormat berkata, Israel patut mengundurkan diri dari Wilayah Lubnan dan tanggungjawab menjaga keselamatan Lubnan diberikan ke-

pada rakyat Lubnan. Jika mereka tidak ada keupayaan, pasukan pengaman PBB patut dihantar ke sana bukan mengikut kehendak Israel.

Mengenai lawatan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Dr. Condoleezza Rice ke sini, ASEAN + 3 berharap ia akan membuka laluan kepada penyelesaian kedua-dua konflik. Mesyuarat ASEAN + 3 menyentuh 17 perkara antaranya tenaga, kewangan, pendidikan, keselamatan burung dan bencana alam. Sementara itu semua pihak mahu Kuala Lumpur dijadikan lokasi bagi menggerakkan rundingan enam pihak bagi menyelesaikan isu nuklear Korea Utara.

Korea Utara dikritik hebat banyak negara Barat berhubung program senjata nuklear serta tindakannya melancarkan peluru berpandu Taepodong - 2 pada 5 Julai lalu. Penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Christopher Hill berkata, Washington mahu penyelesaian terhadap isu itu dicapai.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua Negara Brunei Darussalam ketika menghadiri Festival Makanan Russia.

ASEAN + 3 bincangkan perkembangan serantau



Liputan: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

saidah.omaralli@information.gov.bn
Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim

Menteri Luar ASEAN hadiri Festival Makanan Russia

KUALA LUMPUR, Rabu, 26 Julai. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng bersama Menteri-menteri Luar ASEAN yang lain menghadiri Majlis Perasmian Festival Makanan Russia dan memperkenalkan cara-cara kehidupan negara itu pada pesta yang berlangsung di sini.

Festival yang diadakan bagi memperingati ulang tahun ke-10 hubungan Dialog ASEAN - Russia. Menteri Luar Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, festival pertama itu boleh mengukuhkan hubungan persahabatan dan kebudayaan antara ASEAN dan Russia untuk mewujudkan keamanan, kestabilan dan kepercayaan di rantau ini.

Berucap pada pelancaran festival itu, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, festival itu memberikan penghormatan kepada negaranya untuk menjadi hos satu lagi acara bermakna sempena dengan Mesyuarat AMM Ke-39 dan ARF.

Timbalan Menteri Luar Russia, Tuan Yang Terutama Alexander Y. Alekseev dan para menteri luar yang menghadiri festival itu dihidangkan dengan beberapa makanan kebangsaan dan tradisional termasuk yang terkenal blini dengan kaviar (lempeng Russia dengan kaviar), stroganoff daging, pelmeni, pirozhki (pai kobis) dan borsch (sup ubi bit dengan krim sup panas).

Makanan tersebut disediakan oleh seorang chef dari Moscow, Russia dengan dibantu oleh chef hotel dimana festival tersebut diadakan. Festival diadakan selama seminggu.

KUALA LUMPUR, Rabu, 26 Julai. - Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN + 3 diadakan hari ini membincangkan beberapa perkara yang menjadi perhatian bersama dan perkembangan-perkembangan serantau serta menilai semula kerjasama ASEAN + 3.

Mesyuarat melibatkan Menteri-menteri Luar ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun dan Korea Selatan. Hadir di mesyuarat itu Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng.

Di mesyuarat itu ASEAN + 3 menolak idea dialog lima pihak bagi menamatkan program nuklear Korea Utara yang dicadangkan baru-baru ini bagi menggantikan dialog enam pihak kerana ia tidak akan dapat menyelesaikan isu berkenaan yang mendapat ancaman masyarakat antarabangsa.

Menteri Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Zhaoxing berkata, ASEAN + 3 menyokong rundingan enam pihak dan bukannya rundingan lima pihak. Justeru itu, tambahnya, mereka menyokong rundingan enam pihak dan berharap rundingan enam pihak akan dapat disambung semula.

TYT menambah ASEAN + 3 menghargai rangka dan dialog enam pihak itu kerana ia adalah cara terbaik untuk menye-

lesaikan isu tersebut demi keamanan dan kestabilan di Semenanjung Korea.

TYT seterusnya menyatakan kerjasama ASEAN + 3 telah memberikan manfaat terutamanya dalam bidang perdagangan kepada negara berkenaan. TYT menambah lebih banyak peraturan perdagangan bebas dua hala dan multilateral di Asia Timur, pelaburan bersama antara negara Asia Timur telah meningkat dengan banyaknya.

TYT menegaskan bahawa pihaknya mahukan rundingan enam pihak yang melibatkan menteri luar dan pegawai dari keenam-enam negara meskipun tanpa kehadiran Korea Utara.

Mesyuarat tersebut diadakan sejak tahun 2000 telah memfokuskan untuk meluaskan kerjasama di kalangan negara itu. Tahun lalu, perdagangan antara rantau di Asia Timur sebanyak 56 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan.

TYT menyatakan negaranya menyokong usaha untuk menjadikan mesyuarat itu sebagai saluran utama untuk membina Komuniti Asia Timur yang akan disiapkan oleh Sidang Kemuncak Asia Timur dan mekanisme lain. "Bersama mereka akan menyumbang terhadap keamanan dan kemakmuran di rantau Asia Timur," ujar TYT.

Sementara itu Menteri Hal Ehwal Luar Thailand, TYT Dr. Kantathi Supha-

mongkhon menyatakan mesyuarat tersebut bagi mengkaji mekanisme bagaimana untuk ikuti melalui sesetengah keputusan yang dibuat oleh pemimpin pada Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS).

TYT menyatakan EAS merupakan pendekatan dari atas ke bawah, mereka tidak ada mesyuarat pegawai kanan atau menteri membuat persiapan untuk mesyuarat EAS. Pemimpin-pemimpin akan bermesyuarat dan berbincang.

Bagaimanapun, kata TYT, sementara sesetengah topik itu untuk tujuan pemerhatian sahaja dan terdapat juga keputusan yang perlu dilaksanakan. Oleh itu, tambah TYT, mereka perlu mempunyai badan yang sesuai untuk membuat skop dan mengadakan satu cara untuk melaksanakan keputusan tersebut.

Tidak seperti forum ASEAN lain, EAS ialah sebuah forum yang digerakkan oleh para pemimpin bukan pegawai-pegawai yang menentukan agenda tersebut. EAS kedua akan diadakan di Cebu, Republik Filipina pada Disember ini.

Sebelum mesyuarat tersebut, Yang Berhormat bersama para Menteri Luar ASEAN dan Menteri-menteri Luar dari Australia, Republik Rakyat China, India, Jepun, Korea dan New Zealand mengadakan jamuan makan tengah hari bagi Menteri-menteri Luar EAS.

Brunei - Korea bincangkan hubungan dua hala

KUALA LUMPUR, Khamis, 27 Julai. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng mengadakan mesyuarat dengan Menteri Hal Ehwal Negeri dan Perdagangan Republik Korea, Tuan Yang Terutama Ban Ki-moon.

Pada mesyuarat diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) itu kedua-dua belah pihak membincangkan perkara-perkara dua hala yang menjadi kepentingan bersama.

Sejurus selepas mesyuarat itu Yang Berhormat dan para Menteri Luar yang lain menghadiri Majlis Makan Tengah Hari ASEAN PMC + 10.

Di sebelah petang, Yang Berhormat mempengerusikan bersama Persidangan ASEAN dengan Kanada. Semasa mesyuarat itu para Menteri Luar ASEAN dan Kanada menilai semula hubungan dialog ASEAN - Kanada dan membincangkan cara-cara untuk memperkukuhkan kerjasama yang sedia ada di antara kedua-dua belah pihak.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua bersalaman mesra bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Republik Korea, TYT Ban Ki-moon.

Persidangan tersebut merupakan yang terakhir diadakan di bawah penyelarasn Negara Brunei Darussalam. Selepas mesyuarat satu Penandatanganan Dokumen Rangka Kerja bagi Rancangan Tindakan untuk Melaksanakan Perkongsian Meningkatkan ASEAN - US diadakan.

Yang Berhormat menandatangani dokumen tersebut bagi pihak Negara Brunei Darussalam.

Sejurus selepas majlis penandatanganan itu Yang

Berhormat bersama para Menteri Luar ASEAN dan Rakan-rakan Dialog mengadakan sidang akhbar bersama PMC.

Pada sebelah malam, Yang Berhormat menghadiri satu Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar. Majlis Makan Malam yang diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di sini bagi para Menteri Luar ASEAN dan Rakan-rakan Dialog.

ASEAN - Amerika Syarikat tandatangani Perjanjian Pelan Tindakan

Liputan :

**Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli**
saidah.omaralli@information.gov.bn
**Foto : Pg. Rafee
Pg. Dato Paduka
Haji Metassim**



KUALA LUMPUR, Khamis, 27 Julai. - ASEAN dan Amerika Syarikat meningkatkan lagi hubungan mereka ke tahap lebih tinggi dengan menandatangani satu pelan tindakan dalam mempromosikan perdagangan, pelaburan dan politik antara kedua-dua pihak.

Perjanjian itu yang dikenali sebagai 'Dokumen Rangka Kerja untuk Pelan Tindakan bagi Melaksanakan Peningkatan Perkongsian ASEAN-Amerika Syarikat' ialah susulan kepada Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia - Pasifik (APEC) di Busan, Korea Selatan pada November tahun lepas.

Dokumen ditandatangani oleh semua 10 Menteri Luar ASEAN dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Condoleezza Rice. Pelan tindakan itu meliputi rangka kerja yang luas mengandungi kerjasama dalam politik dan keselamatan, ekonomi, sosial dan pembangunan.

Mengenai politik dan keselamatan, ASEAN dan Amerika Syarikat bersetuju meneroka kemungkinan mengadakan Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat pada masa akan datang, meningkatkan kerjasama di PBB mengenai isu kepentingan bersama seperti perubahan PBB, perkara yang menjejaskan keamanan antarabangsa dan keselamatan serta keganasan.

Selain itu ASEAN dan Amerika Syarikat juga bersetuju untuk mengukuhkan langkah pembinaan keyakinan melalui dialog, meningkatkan komunikasi antara agensi kerajaan ASEAN dan Amerika Syarikat.

Mengenai kerjasama ekonomi, kedua-dua pihak berjanji untuk terus melaksanakan 'usahawan untuk inisiatif ASEAN' dan berusaha menyiapkan Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan ASEAN-Amerika (TIFA).

ASEAN dan Amerika juga sedang meneroka kerjasama kewangan dengan mengambil kira keperluan pembangunan dan khas bagi membangunkan pasaran ekonomi untuk mengelakkan masalah yang sama, krisis kewangan Asia pada 1997.

Kedua-dua pihak juga mengambil langkah untuk mengukuhkan rejim hak harta intelektual (IPR) bagi menggalakkan industri harta intelek (IP) dan meningkatkan kesedaran awam IP dan isu IPR.

Mengenai pembangunan sosial dan ekonomi, ASEAN dan Amerika bersetuju untuk menjalin kerjasama

rapat berkaitan pengurusan risiko bencana alam pada peringkat global dan serantau. Juga dimasukkan rancangan untuk menubuhkan peraturan rantau dan siap sedia global bagi memberikan bantuan bencana alam dan respons kecemasan serta peningkatan kapasiti ASEAN di kawasan itu.

Sebagai susulan pada mekanisme, kedua-dua Sekretariat ASEAN dan Amerika Syarikat akan menyediakan penjadualan dan rangka masa untuk pelaksanaan. Kedua-dua pihak juga menjalankan projek untuk memajukan objektif pelan itu, meneroka cara-cara menubuhkan dan membiayai modaliti dan mengulang kaji rancangan tersebut melalui mekanisme yang ada termasuk Mekanisme Penyelidikan Yang Tidak Formal dan Dialog ASEAN-Amerika.

Kemajuan mengenai pelaksanaan pelan itu akan dilaporkan pada sesi Persidangan Tahunan Pasca Peringkat Menteri-menteri Luar (PMC) dengan Amerika Syarikat. ASEAN mempunyai jumlah keseluruhan pasaran bagi lebih 500 juta penduduk.

New Zealand bantu Komuniti ASEAN


KUALA LUMPUR, Khamis, 27 Julai. - Setiausaha Rendah bagi Dasar Kementerian Hal Ehwal Filipina, Erlinda Basilio berkata ASEAN dan New Zealand telah menerima perjanjian rangka kerja untuk Wellington membantu Komuniti ASEAN.

Beliau berkata ASEAN mempunyai banyak projek bagi membantu membina ketahanan dan penyatuan ASEAN dengan bantuan New Zealand sebagai rakan dialognya. "New Zealand mempunyai banyak projek bagi membantu membina ketahanan dan penyatuan ASEAN dengan bantuan New Zealand sebagai rakan dialognya," jelasnya selepas menghadiri Pasca Peringkat Menteri-menteri (PMC) ASEAN-New Zealand di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Menurut beliau yang mempengerusikan mesyuarat itu bersama New Zealand, terdapat pelbagai program yang diilhamkan di bawah Program Tindakan Vientiane (VAP). VAP yang ditandatangani di Laos semasa Sidang Kemuncak Ke-10 pada 2004 merupakan pelan enam tahun yang memfokuskan dan meluaskan integrasi nasional dan merapatkan jurang pembangunan dalam ASEAN terutamanya negara anggota yang paling mundur.

Sidang Kemuncak Laos ASEAN dalam deklarasi itu menyeru rakan dialog dan rantau serta pertubuhan antarabangsa untuk menyokong pelaksanaan VAP. Beliau menambah ASEAN telah menerima satu perjanjian rangka kerja dengan New Zealand di bawah projek itu di bawah tajuk ASEAN Komuniti.

ASEAN Komuniti mengandungi tiga aspek iaitu Komuniti Keselamatan ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN dan Komuniti Sosio-



MAJLIS Menandatangani Satu Pelan Tindakan dalam mempromosikan perdagangan, pelaburan dan politi antara ASEAN - Amerika Syarikat.

Retreat AMM kupas isu serantau

KUALA LUMPUR, Jumaat, 28 Julai. - Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-39 berakhir hari ini dengan dimulakan ASEAN - Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) bersarapan pagi sambil mengadakan perbincangan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Semua ketua pengarah ASEAN dari 10 negara anggota, wakil UNDP dan Setiausaha Agung ASEAN, TYT Ong Keng Yong hadir pada perbincangan itu. Pada masa yang sama, retreat Forum Serantau ASEAN (ARF) Ke-13

sedang berlangsung di mana Menteri Luar ASEAN dan Setiausaha Agung Kumpulan menyertainya. Hadir di perbincangan retreat itu Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng.

Di retreat itu para Menteri-menteri Luar membincangkan secara meluas perkara-perkara yang menjadi perhatian bersama serta perkembangan-perkembangan serantau bersama. Selain itu agenda pagi ini juga termasuk kerjasama dalam memerangi

keganasan siber, pengurusan bencana dan meningkatkan pusat pendekatan orang ramai bagi membantulas keganasan. Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, PYT Condoleezza Rice juga dijadualkan menandatangani Perjanjian Bantuan Undang-undang Bersama, satu dokumen penting untuk membantu dalam kes jenayah.

Rundingan perjanjian itu bermula pada Mac 2004 dan disiapkan selepas tiga pusingan perbincangan masing-masing di Putrajaya dan Washington pada 2004 dan Kota Kinabalu, Sabah pada Februari tahun ini. Bantuan undang-undang itu ialah proses di mana permintaan sesebuah negara dan memberikan bantuan dengan mengumpulkan keterangan yang digunakan dalam siasatan atau prosiding jenayah.

Perjanjian itu juga bertujuan untuk mewujudkan satu mekanisme bagi mengumpulkan keterangan relevan di setiap negara tetapi pelaksanaan untuk bantuan akan dilakukan mengikut undang-undang negara dan Amerika Syarikat.

Perkara jenayah akan dimaklumkan dan dilak-

sanakan oleh pihak berkuasa masing-masing dengan Malaysia ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM) Jabatan Imigresen, Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Syarikat.

Amerika Syarikat pula ialah Polis dan Biro Siasatan Persekutuan (FBI). Perjanjian itu juga membolehkan pihak berkuasa berkenaan memanggil saksi, memaksa pengeluaran dokumen dan keterangan sebenar serta mengeluarkan waran.

Amerika Syarikat mempunyai perjanjian yang sama dengan kira-kira 60 negara, sementara Malaysia mengusahakan dan menandatangani perjanjian yang sama dengan anggota negara ASEAN yang lain. Lapan negara ASEAN menandatangani perjanjian itu di Kuala Lumpur pada November 2004, manakala Myanmar dan Thailand menandatangani dua tahun kemudian. Mesyuarat dua hala akan disambung semula selepas makan tengah hari dan retreat ARF akan diteruskan.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng beramah mesra bersama seorang Menteri Luar Forum Serantau ASEAN (ARF) Ke-13.



RETREAT Forum Serantau ASEAN (ARF) Ke-13 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur membincangkan perkembangan serantau.

ASEAN - AUSTRALIA KUKUHKAN KERJASAMA DUA HALA

KUALA LUMPUR, Khamis, 27 Julai. - Persidangan-persidangan dengan Rakan-rakan Dialog (PMC) bermula hari ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng menghadiri Persidangan ASEAN dengan Australia.

Semasa persidangan itu para Menteri Luar ASEAN dan Australia menilai semula hubungan dialog ASEAN-Australia dan membincangkan cara-cara untuk memperkukuhkan pelbagai bidang kerjasama yang sedia ada di antara kedua-dua belah pihak.

Dalam temubual pemberita dengan Menteri Luar Australia, Tuan Yang Terutama Alexander Downer sejurus selepas persidangan tersebut mengenai pergolakan yang berlaku di Afghanistan, TYT menjelaskan Australia akan menghantar lebih ramai anggota tenteranya ke negara yang sedang berhadapan dengan masalah keganasan ekoran pertelingkahan antara militan dan pasukan keselamatan campuran di bahagian selatan.

TYT menyatakan bahawa lebih ramai anggota tentera diperlukan bagi menangani ketidakstabilan di kawasan tersebut. "Kami

akan menghantar lebih ramai anggota tentera di Afghanistan ekoran keadaan keselamatan yang semakin terhakis di negara itu dan kami juga komited untuk menghantar pasukan pembinaan semula, sementara dengan kerjasama pasukan dari Belanda.

"Jumlah anggota tentera yang akan dihantar adalah lebih ramai daripada apa yang kami bayangkan sebelum ini kerana keadaan keselamatan di negara itu tidak begitu baik sebagaimana yang kami jangkakan," katanya.

Terdapat kira-kira 18,000 tentera campuran yang diterajui Amerika Syarikat masih beroperasi di Afghanistan termasuk kira-kira 300 anggota tentera Australia bagi mengurangkan ketegangan di negara itu sejak Rejim Taliban ditumbangkan oleh penduduk yang diketuai Amerika Syarikat selepas serangan 11 September 2001.

Kira-kira 240 lagi anggota tentera dan jurutera Australia juga akan dibawa ke Afghanistan bagi membantu dalam proses membina semula infrastruktur di negara yang menghadapi musibah peperangan itu.

Berhubung krisis Israel-Lubnan pula, TYT berkata tindakan menghantar pasukan pengaman ke Lubnan yang sedang diserang Israel sejak beberapa minggu lalu adalah satu langkah yang kurang bijak.

Liputan :
Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn
Foto : Pg. Rafee
Pg. Dato Paduka
Haji Metassim



"Tidak ada gunanya menghantar tentera pengaman antarabangsa ke misi maut di Selatan Lubnan, tanpa sebarang komitmen Hizbullah untuk berundur dan tanpa komitmen untuk membantu rakyat Lubnan terutama di bahagian selatan dan benarkan Lubnan memperoleh kawalan terhadap kawasannya.

"Tiada gunanya meletakkan anggota petugas antarabangsa dalam keadaan berbahaya sedangkan dalam tempoh sejak dua minggu lalu kita bekerja keras untuk cuba membawa petugas antarabangsa keluar dari Lubnan," katanya.

Tambahnya, tidak ada

gunanya menghantar tentera pengaman antarabangsa ke misi maut di Selatan Lubnan tanpa sebarang komitmen Hizbullah untuk berundur dan tanpa komitmen untuk membantu rakyat Lubnan terutama di bahagian selatan dan benarkan Lubnan memperoleh kawalan terhadap kawasannya.

Beliau juga berkata tiada gunanya meletakkan anggota petugas antarabangsa dalam keadaan berbahaya sedangkan dalam tempoh sejak dua minggu lalu kita bekerja keras untuk cuba membawa petugas antarabangsa keluar dari Lubnan.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng ketika menghadiri Persidangan ASEAN - Australia.

ASEAN - Kanada tandatangani Deklarasi Bersama

KUALA LUMPUR, Jumaat, 28 Julai. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng menghadiri Majlis Penandatanganan bersama Deklarasi bersama ASEAN - Kanada untuk Kerjasama bagi Membentaskan Keganasan Antarabangsa yang ditandatangani oleh Menteri Luar Malaysia Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Luar Kanada, Tuan Yang Terutama Peter Harder.

Menteri Luar ASEAN menandatangani instrumen Pelanjutan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) di Asia Tenggara.

Majlis Penutup AMM Ke-39 dan menyerahkan

jawatan Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN (ASC) akan diadakan pada lewat petang di mana Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai Pengerusi AMM akan membuat kenyataan yang diikuti oleh Setiausaha Hal Ehwal Luar Republik Filipina, Alberto G. Romula sebagai Pengerusi AMM Ke-40.

Pada majlis penutup itu Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar menyatakan rasa puas hati dengan kelancaran mesyuarat sejak empat hari lalu sekali gus mencerminkan sikap ASEAN yang tegas ke arah pembentukan Komuniti ASEAN menjelang 2015.

Menurut Yang Berhormat sebagai antara pe-

ngasas ASEAN, Malaysia menjadikan gagasan tersebut sebagai tumpuan utama dalam dasar luar ASEAN. ASEAN katanya, secara konsisten memainkan peranan aktif memastikan ASEAN menjadi terus relevan bukan saja di kalangan negara anggota rantau ini malah di seluruh dunia.

Yang Berhormat seterusnya berkata melalui tema kali ini Menteri Luar ASEAN berjaya membawa semangat ASEAN ke peringkat akar umbi. Pada peringkat ASEAN tambah Yang Berhormat negara anggota menandatangani Perjanjian Kerangka Visa ASEAN bagi menggalakkan lebih banyak pertukaran melalui pelancongan dan perjalanan di antara negara anggota.

Yang Berhormat berkata, ASEAN sepakat bahawa sudah tiba masanya untuk bergerak dalam satu kerangka perundingan bagi mempercepatkan lagi usaha pembinaan komuniti serantau. Piagam ASEAN, tambah Yang Berhormat adalah pencapaian bersejarah yang menggambarkan komitmen kukuh ASEAN untuk mewujudkan sebuah Komuniti ASEAN.

Mengenai ARF, Yang Berhormat menyatakan forum itu berkembang menjadi kumpulan perbincangan 27 negara dengan kemasukan ahli baru, Sri Lanka. Perbincangan isu serantau dan antarabangsa dalam suasana mesra mencerminkan kematangan negara anggota dan kesungguhan untuk melihat ia sebagai forum keselamatan serantau yang penting.



MAJLIS Penandatanganan Deklarasi Bersama ASEAN-Kanada khususnya bagi membentaskan keganasan antarabangsa. Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng menandatangani bersama Menteri-menteri Luar ASEAN yang lain (atas).

Adakan perjumpaan dua hala secara berasingan

KUALA LUMPUR, Jumaat, 28 Julai. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng mengadakan perjumpaan dua hala secara berasingan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Mongolia, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Rusia dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat.

Mula-mula Yang Berhormat mengadakan perjumpaan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Mongolia, Tuan Yang Terutama Nyamaa Enkhbold,

diikuti selepas itu perjumpaan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Sergey

Lavrov.

Yang Berhormat juga mengadakan perjumpaan dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Puan

Yang Terutama Condoleezza Rice. Ketiga-tiga perjumpaan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Ketiga-tiga perjumpaan itu mereka membincangkan perkara-pekerja dua hala yang menjadi kepentingan bersama.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng ketika mengadakan perjumpaan dua hala bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Mongolia, TYT Nyamaa Enkhbold (kiri); Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Rusia, TYT Sergey Lavrov (tengah) dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Puan Condoleezza Rice (kanan).



BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP MALAM ANJURAN PERWAKILAN ASING



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah bergambar ramai bersama ketua-ketua perwakilan asing di Majlis Santap Malam yang disebarkan oleh ketua-ketua perwakilan asing di negara ini.

BAGINDA berkenan memotong kek bersempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-60 (bawah kiri).



KEBERANGKATAN baginda di Dewan Royal Berkshire Jerudong Park dijunjung oleh ketua-ketua perwakilan asing.

BAGINDA, Kebawah DYMM Raja Isteri dan DYTM Pengiran Isteri memberikan penghormatan semasa lagu kebangsaan dikumandangkan di Dewan Persantapan (bawah).



KEBAWAH DYMM Raja Isteri, DYTM Pengiran Isteri bersama isteri-isteri ketua-ketua perwakilan asing di Majlis Santap Malam.



KETUA-KETUA perwakilan asing di negara ini menyebarkan pesambah sebilah pedang kristal ke hadapan majlis baginda.



KELIHATAN DYTM bersama YTM berangkat sama ke Majlis Santap Malam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-60.



MAJLIS Santap Malam Sempena Ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM diserikan dengan nyanyian beramai-ramai oleh para ketua-ketua perwakilan asing di negara ini.



KELIHATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berdiri tegak semasa Lagu Kebangsaan dikumandangkan.



BAGINDA, Kebawah DYMM Raja Isteri, DYTMM Pengiran Isteri ketika berangkat di Majlis Santap Malam.



BAGINDA berangkat bagi memotong kek 'Pulut Kuning' ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-60.

ABDB SEMBAHKAN MAJLIS SANTAP SEMPENA HARI KEPUTERAAN

Oleh : Abu Bakar
Haji Abdul Rahman
Foto : Halim Haji
Sulaiman,
Abdullah Haji
Awang Damit,
Masri Osman

TUNGKU, Khamis, 27 Julai.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Maz-

har berangkat ke Majlis Santap Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda ke-60 yang disembahkan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Majlis berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri dijunjung dan dialu-alukan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanter Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin; Pemerintah ABDB Yang Dimulakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi berserta pegawai-pegawai kanan ABDB dan isteri.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor Ehsani berserta ahli kerabat diraja yang lain.

Sejurus keberangkatan tiba baginda ke Dewan Canselor, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' berkumandang yang dipersembahkan oleh gabungan koir pegawai-pegawai dari pelbagai peringkat ABDB dan kemudiannya baginda dijunjung untuk disembahkan kepada pegawai-pegawai muda dan pegawai-pegawai kanan tidak bertauliah ABDB.

Selepas itu baginda dijunjung oleh Pemerintah ABDB bagi upacara memotong kek 'Pulut Kuning' sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-60 dan diikuti dengan menyebarkan pesembah daripada pegawai-pegawai dan lain-lain peringkat ABDB ke hadapan majlis baginda yang berupa replika sebiji intan yang didukung oleh payung diraja dikelilingi oleh lima tong-

gak emas yang menaiki lambang mahkota diraja yang melambangkan kekuatan, kepimpinan dan kewibawaan baginda yang didukung oleh warga ABDB dan unit-unit besarnya.

Majlis Santap diserikan dengan persembahan nasyid dan tausiyah oleh kumpulan nasyid unit-unit angkatan tentera dan disusuli dengan tayangan klip video dokumentari khas 'Pemerintah Tertinggi ABDB: Memperkasa Pertahanan Negara' yang berlangsung selama sejam.

Sementara itu doa selamat telah dibacakan oleh Ketua Jabatan Agama ABDB, Leftenan Kolonel (U) Abd. Rahim bin Abd. Karim.

Di akhir majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan menerima junjung ziarah dari pegawai-pegawai dan lain-lain peringkat ABDB serta pegawai-pegawai kanan awam Kementerian Pertahanan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda berkenan menandatangani lembaran keberangkatan diraja.



PARA pegawai ABDB menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda dan kerabat-kerabat diraja.



DYTM dan YTM berbual mesra bersama Pegawai ABDB semasa berangkat di Majlis Santap Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-60 yang disembahkan oleh ABDB.



BERANGKAT sama di majlis tersebut ialah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

SUKAN



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menyaksikan persembahan akrobatik dari Republik Rakyat China.

Persembahan akrobatik dari China berjaya memukau penonton

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn
Foto: Pg. Ibni Pg. Haji Hidup

BERAKAS, Selasa, 25 Julai. - Persembahan Kumpulan Akrobatik Kebangsaan Republik Rakyat China telah memukau ribuan penonton yang menyaksikan aksi penuh debaran dan sangat menarik perhatian.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan hadir menyaksikan persembahan bertajuk 'Beauty and Strength' yang bermula hari ini di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Sebelum acara persembahan bermula, Yang Berhormat diiringi oleh Duta Besar Republik Rakyat China ke negara ini, Puan Yang Terutama Yang Yanyi telah diperkenalkan kepada ahli-ahli kumpulan akrobatik itu.

Acara yang mengetengahkan 44 orang ahli akrobatik itu adalah bagi memeriahkan lagi sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 dan juga sempena ulang tahun ke-15 hubungan diplomatik Negara Brunei

Darussalam dan Republik Rakyat China.

Kumpulan akrobatik yang telah membuat persembahan di beberapa buah negara itu mempersembahkan kemahiran mereka melakukan aksi-aksi seni mempertahankan diri, tarian dan akrobatik yang mencabar daya pemikiran logik yang menggambarkan keunikan dan kekayaan budaya masyarakat timur yang diikuti oleh persembahan tarian balet serta akrobatik yang menggabungkan gerak tarian yang lembut, kekuatan fizikal dan aksi yang merbahaya.



MENARIK ... Para peserta akrobatik memperlihatkan aksi menarik dengan berdiri di atas pohon bunga dan rakan di bawah pula menanainya.



INI pula memperlihatkan aksi berlainan sejajar dengan tema persembahan 'Beauty and Strength'.

Perlumbaan Perahu dan Bot Laju

Oleh: Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

TUTONG, 23 Julai. - Peserta Perlumbaan Perahu dan Bot Laju menunjukkan kehebatan masing-masing untuk memberi persaingan maksima di Sungai Penabai Kuala Tutong di sini.

Pasukan Mukim Tutong lebih awal menampilkan kehebatan apabila memenangi acara berkayuh 15 orang selepas meninggalkan pekayuh dari

pasukan Kampong Layong dan pasukan Perpindahan Bukit Beruang.

Peserta dari negara jiran, Jackson Tubam pula tidak menghadapi masalah untuk memenangi acara bot laju 30 HP tujuh pusingan pada perlumbaan Perahu dan Bot Laju sekalipun peserta Seri Kelalong Bintulu itu menerima cabaran daripada

Awang Rahim Md. Ali dan Nordin Haji Idris yang masing-masing menduduki di tangga kedua dan ketiga.

Jaguh acara bot laju 40 HP lapan pusingan pula milik Norisam Abdullah selepas menewaskan pencabarnya, Haji Mohd. Nurahim dan Md. Ali.

Kejohanan sehari sun-tuk itu juga menyaksikan persaingan hebat dari

peserta dalam 13 kategori yang lain termasuk perlumbaan bot laju sebanyak F2-12 pusingan dan bot laju SST60/F3 bagi 10 pusingan.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib bin Haji Mohd. Idris merasmikan pesta berkenaan dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang.

Pesta berkenaan salah satu aktiviti menarik yang disusun bagi Daerah Tutong dalam memeriahkan lagi sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 yang diketuai oleh Persatuan Bot Laju Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Cawangan Daerah Tutong.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib bin Haji Mohd. Idris melancarkan perasmian Perlumbaan Perahu dan Bot Laju di Sungai Tutong (atas).



SUNGAI Tutong bergolak akibat desiran bunyi enjin dalam persaingan perlumbaan merebut kejuaraan (kiri dan kanan).



SUKAN



TARIK ... Kemantapan dan persefahaman serta bentuk fizikal yang bertenaga menjadi faktor utama untuk mencapai kejayaan pada perlawanan tarik kalat yang lalu. - Foto:

36 pasukan sertai Piala B-League 2005 - 2006

Oleh: Samle Haji Jait

samle.jait@information.gov.bn

KIULAP, Rabu, 26 Julai. - Piala Liga B-League 2005-2006 yang akan disertai oleh 36 buah pasukan akan menjanjikan persaingan hebat yang bermula dengan perlawanan pusingan pertama pada 2 Ogos depan.

Majlis pengundian bagi menentukan perlawanan telah dilangsungkan oleh Setiausaha Agung BAFU, Pengiran Metussin bin Pengiran Metassan di Dewan IGS Setia Kenangan Kiulap, di sini.

Lima buah pasukan teratas dalam Perdana Satu 2005-2006 iaitu pasukan QAF FC, AH United, ABDB, Wijaya FC dan NBT dan tiga lagi pasukan teratas Perdana Dua yang terdiri oleh pasukan Majra FC, March United dan Sengkurong FC akan beraksi pada pusingan kedua secara automatik.

Bagaimanapun tujuh pasukan baru juga layak memasuki secara percuma bersaing ke pusingan kedua bersama-sama dengan pasukan-pasukan lain dari Perdana Satu dan Perdana Dua.

Pasukan bukan liga terdiri oleh pasukan Sungai Buloh FC, KTM, AM Gunner FC, Mengelila FC, MN Design FC, Peninjau FC, KG. A. FC, BLNG FC, AKSE FC, Penjara FC, Star United, Perka, Arena FC, IB Bersatu dan Muara Star FC.

Pengiran Metussin menjelaskan Piala Liga merupakan kesinambungan kejohanan bola

sepak kebangsaan yang menjadi batu loncatan bagi persediaan semua pasukan pada perlawanan Liga B bagi musim akan datang.

Katanya, mana-mana pasukan mahu menyenaraikan pemain-pemain baru hendaklah mencukupi syarat seperti kelaziman, sementara itu penyenaraian 'pemain pinjaman' dari kelab-kelab lain bagi kejohanan itu akan dikenakan bayaran yuran pentadbiran sebanyak \$50.00.

Menurutnya, pasukan yang berminat untuk menyenaraikan pemain import perlu mempunyai ITC sebelum perlawanan dilangsungkan sebelum dibenarkan bagi menyer-



PENGIRAN Metussin ketika menerangkan peraturan perlawanan sebelum menjalankan undian bagi menentukan pasukan. - Foto: Samle Haji Jait.

tai pasukan berkenaan.

"Semua pasukan yang belum membayar yuran gabungan tahunan perlu menjelaskannya bagi membolehkan mereka menyertai kejohanan itu," ujarnya sambil meminta kerjasama semua pasukan supaya memberi kerjasama bagi melancarkan kejohanan berkenaan.

Pusingan pertama perlawanan akan menyaksikan lapan pasukan bersaing dalam pusingan per-

tama sebelum 32 pasukan Liga Perdana satu dan dua sertai tujuh pasukan baru yang layak akan berdepan pada pusingan kedua untuk menentukan 16 pasukan mara ke pusingan ketiga sebelum lapan pasukan akan mara ke suku akhir.

Kelayakan di separuh akhir dijadual pada 19 September dan perlawanan akhir dijangka akan dilangsungkan pada 22 September depan.

Kejohanan Futsal tawar hadiah \$800.00

Oleh: Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn

KEJOHANAN Futsal sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 kini sedang membuka penyertaan kepada pasukan yang berminat.

Kejohanan yang menawarkan hadiah wang tunai \$800.00, piala iringan dan perseorangan bagi pasukan juara, sementara hadiah-hadiah wang tunai, hadiah-hadiah iringan dan perseorangan juga akan tersedia kepada pemenang kedua, ketiga dan keempat.

Pengerusi Kejohanan, Awang Roney Morni menjelaskan perlawanan itu ke-

lolaan Kelab Bola Sepak Star X United yang bertujuan bagi mewujudkan pertandingan Futsal sebagai aktiviti tahunan secara liga yang lebih bersistematik.

Selain untuk memeriahkan sambutan perayaan, katanya, kejohanan itu juga bagi menyahut seruan kerajaan untuk melibatkan secara konsisten dan aktif dari sektor swasta dalam sama-sama memperkembangkan sukan di negara ini.

Bagaimanapun penganjuran hanya akan menghadkan kepada 40 pasukan sahaja yang mewakili mana-mana kelab, pertubuhan, sekolah dan kampung di seluruh negara.

Kejohanan itu akan

dibahagikan kepada lima kumpulan di mana dua pasukan teratas akan mara ke suku akhir sebelum bersaing secara kalah mati pada peringkat suku akhir untuk mara ke separuh akhir.

Pasukan yang berminat hendaklah melengkapkan borang perlawanan dengan bayaran pendaftaran sebanyak \$150.00 tidak lewat pada 2 Ogos depan.

Keterangan lanjut bolehlah menghubungi secara terus kepada Awang Roney Morni di talian telefon 8861000; Awang Husien Haji Mokhtal talian telefon 891168 dan Awang Haji Hamidon Haji Mohd. Zain pada talian telefon 8760416.

Pasukan Polis menjuarai Kejohanan Tarik Kalat

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman bakar.rahman@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang mewakili Daerah Brunei dan Muara muncul sebagai johan di Perlawanan Akhir Tarik Kalat Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 dengan menumpaskan pasukan Mega Power dari Daerah Tutong.

Perlawanan berlangsung di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena keberangkatan baginda ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah

Brunei dan Muara di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara di sini.

Perlawanan akhir yang beradu kekuatan dalam kategori 'heavy weight' ini hanya mengambil masa selama 80 saat apabila dalam tarikan pertama PDB menyelesaikan tarikan selama 50 saat dan 30 saat dalam tarikan kedua dengan mengumpul 6 mata keseluruhan.

Dengan kemenangan ini PDB secara langsung akan mewakili negara dalam perlawanan tarik kalat tradisi ASEAN jempunan yang akan diadakan kemudian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia di majlis itu telah berkenaan mengur-

niakan hadiah kepada johan kategori 'heavy weight' yang menerima pelbagai hadiah termasuk piala pusingan dan wang tunai berjumlah \$1,800.00.

Juga menerima hadiah di majlis itu ialah pemenang dalam kategori 'light weight' yang perlawanannya telah diadakan terdahulu dengan menempatkan pasukan Kementerian Pembangunan yang mewakili Daerah Brunei dan Muara sebagai johan setelah menumpaskan pasukan Daerah Tutong.

Pasukan Daerah Brunei dan Muara terus unggul apabila menguasai dalam kategori remaja setelah menewaskan pasukan Daerah Temburong di perlawanan akhir.



PENOLONG Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haris menyampaikan piala rebutan kepada ketua pasukan Penjara Maraburung. - Foto:

Penjara Maraburung juara bola sepak 7 sepasukan

Oleh: Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn

TUTONG, Ahad, 23 Julai. - Pasukan Penjara Maraburung menjuarai Perlawanan Bola Sepak 7 Orang Sepasukan selepas menewaskan pasukan PIMMUS 3 - 2 menerusi sepakan penalti di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim, Tutong, hari ini.

Kejohanan kali ke-32 anjuran Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) Tutong itu menyaksikan penyertaan sebanyak 20 buah pasukan yang dibahagikan kepada empat kumpulan.

Pasukan Bukit Udai FC dan pasukan PTI FC masing-masing menduduki tempat ketiga. Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haris bin Othman menjadi tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang.

Terdahulu, tetamu kehormat juga menyaksikan dua pasukan yang mengikuti Projek Ikan Pusu bagi Kampong Keriam mengadakan perlawanan persembahan di mana pasukan Italy Keriam telah berjaya menumpaskan pasukan Franchis Keriam 1 - 0.

Pemain Penjara Maraburung, Abu Bakar menjadi pemain terbaik kejohanan, sementara pemain dari Projek Ikan Pusu yang mewakili pasukan Italy Keriam, manakala Mohd. Azim Ahanafi dipilih pemain berbakat dan berpotensi.

Kejohanan yang menjadi aktiviti tahunan PESAKA itu juga dihasratkan bagi mencungkil bakat pemain-pemain bola sepak, di samping bagi sama-sama memeriahkan sambutan perayaan di daerah itu.

Pameran Sempena Majlis Ilmu 2006 dilanjutkan

PAMERAN Raja Payung Negara, Pameran Kedaulatan Raja dan Pameran Artifak Kedaulatan Raja-raja Nusantara; iaitu kandungan utama Pameran Majlis Ilmu 2006 yang sedang berlangsung pada masa ini di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang dijadualkan berakhir pada 30 Julai 2006 dilanjutkan hingga 11 Ogos 2006.

Selubungan dengan itu Jawatankuasa Pandu mengalu-alukan agar orang ramai yang belum menyaksikan pameran-pameran berkenaan mengambil peluang berkunjung dalam masa tempoh yang dilanjutkan itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama ketua-ketua dan pemerintah angkatan bersenjata dari negara-negara yang menyertai BIT 2006.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan bergambar ramai bersama isteri-isteri ketua kontinjen yang menyertai BIT 2006. - Foto: Pengiran Haji Bahar Pengiran Haji Omar.

Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap

Oleh: Abdullah Haji Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn
Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini berkenan menerima mengadap ketua-ketua dan pemerintah-pemerintah angkatan bersenjata serta ketua-ketua kontinjen negara-negara sahabat yang menyertai Persembahan Tatu Antarabangsa Brunei (BIT) 2006 secara berasingan di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima mengadap Ketua-ketua dan pemerintah-pemerintah angkatan bersenjata negara-negara sahabat terdiri dari Panglima Angkatan Tentera Diraja Malaysia, Yang Berbahagia Laksmiana Tan Sri Dato Paduka Seri Mohamad Anwar Haji Mohamad; Timbalan Ketua Angkatan Tentera Pertahanan Australia, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Ian Gordon; Pegawai Memerintah Angkatan Tentera Nasional Indonesia, Laksa

Sosialisme.

Juga mengadap ialah Naib Pengerusi Angkatan Bersenjata Jordan, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Miteb Wesaywes Fahed Alzaben; Ketua Pengarah Turus Tentera Bersama Pakistan, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Syed Athar Ali; Naib Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Romero; Ketua Tentera Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Desmond Kuek Bak Chye dan Timbalan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Boonsrang Niumpradit.

Sementara ketua-ketua kontinjen yang diterima mengadap ialah Ketua Delegasi Pancaragam Tentera Republik Rakyat China, Brigedier Jeneral Yu Hai; Ketua Delegasi Drum dan Pipes Tentera Diraja Oman, Kapten Al Dheeb bin Nassir bin Salim bin Al Kalbani; Ketua Delegasi The Cavalry Band United Kingdom, Kapten Bruce Miller dan Ketua Delegasi Band Tentera Rakyat Demokratik Viet Nam, Mejar Jeneral Nguyen Dinh Chien

dan juga mengadap ialah Jawatankuasa Eksekutif BIT 2006.

Hadir di majlis itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamaneri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Juga hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar dan Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Di majlis itu Kebawah DYMM bersama ketua-ketua dan pemerintah-pemerintah angkatan bersenjata mengabadikan gambar ramai di ruang lain Istana Nurul Iman.

Di ruang lain Istana, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menerima mengadap isteri-isteri kontinjen Tatu Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BIT 2006).

Rombongan itu diketuai

oleh isteri Timbalan Menteri Pertahanan, Datin Hajah Noryasimah binti Abdullah; isteri Pemerintah ABDB, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili dan isteri Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pengiran Datin Hajah Jamilah binti Pengiran Haji Md. Yusoff.

Baginda juga berkenan menerima mengadap isteri Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Datin Sri Hapsah Omar; isteri Timbalan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Kolonel Nucha Niumpradit; isteri Naib Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Rebecca Romero; isteri Naib Pengerusi Angkatan Bersenjata Jordan, Fayzeh Barnas Adoub Alzaben; isteri Ketua Angkatan Tentera Pertahanan Australia, Ula Gordon; isteri Pengarah Turus Jeneral (B) Pakistan, Syeda Asma Athar dan isteri Pegawai Memerintah Angkatan Tentera Nasional Indonesia, Ibu Diana Widayani.

Di majlis itu, baginda berkenan menerima pesambah daripada isteri-isteri ketua kontinjen BIT 2006 dan seterusnya berkenan bergambar ramai.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Pemerintah Angkatan Tentera Diraja Kemboja, Tuan Yang Terutama Jeneral Ke Kim Yan. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berkenan menerima mengadap

Oleh: Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Kemboja, Tuan Yang Terutama Jeneral Ke Kim Yan. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Di Majlis Mengadap itu, Tuan Yang Terutama diiringi sama oleh Tuan Yang Terutama Nan Sy. Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam; Timbalan Pemerintah Tentera Diraja Kemboja, Leftenan Jeneral Chea Saron dan Timbalan Pemerintah Tentera Laut Diraja Kemboja, Laksmiana Muda Tentera Tea Vinh.

Hadir sama di majlis

tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Mustapha bin Haji Sirat.

Lapan orang penerima

Anugerah Pemimpin Belia Berjasa

Oleh: Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

BERAKAS, Selasa, 1 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menyempurnakan Anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada lapan orang penerima terdiri daripada pemimpin-pemimpin belia yang telah menggerakkan badan-badan sukarelawan belia kepada pembangunan belia di negara ini.

Majlis Penganugerahan Pemimpin Belia Berjasa adalah sempena sambutan Hari Belia Kebangsaan yang diisytiharkan pada setiap 1 Ogos hari ini yang berlangsung dengan penuh bersejarah di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengurniakan

anugerah itu kepada Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Dr. Haji Mohd. Yusoff bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Moktar Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Awang Jaya bin Abdul Latif, Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin bin Pengiran Ghani dan Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid.

Para penerima Anugerah Pemimpin Belia Berjasa telah menerima sebuah plak, sijil penghargaan dan wang tunai \$3,000.00 setiap seorang.

1 haribulan Ogos adalah hari yang bersejarah dan kenangan bagi negara ini iaitu Hari Perpuspaaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Hari ini juga adalah hari bagi mengenang jasa para pemimpin belia yang telah menggerakkan badan-badan kesukarelawan belia bagi pembangunan belia di negara ini.

Sambutan Hari Kebangsaan merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan negara terhadap pengorbanan serta penglibatan para pemimpin bagi memartabatkan kegiatan kaum belia.



بليا كيت ماس دقن كيت

BELIA KITA MASA DEPAN KITA

دتریتکن اوله جباتن فرائغن، جباتن فردان منتري دان دچيتق اوله جباتن فرچيتقن کراچان، جباتن فردان منتري، ناکارا بروني داراللام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba & Penyelamat

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Talian Kebajikan

141

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777

PENERAPAN nilai-nilai Islam telah diimplementasikan dalam pentadbiran kerajaan, dengan harapan segala pekerjaan dan amalan akan diberkati Allah. Perkara ini sudah menjadi realiti sewaktu memulakan setiap pekerjaan dimulai dengan doa dan bacaan Al-Qur'an. Amalan ini diperluaskan di sekolah-sekolah dan dalam majlis-majlis berkebadikan.

Bacaan doa dan membaca Al-Qur'an dilakukan bertujuan memohon agar segala usaha dan amalan yang dilakukan itu akan mendapat keredaan dan keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala.

Berbicara mengenai pembacaan Al-Qur'an ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengingatkan dan mengulangi seruan baginda agar pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, membaca Al-Qur'an sebelum mereka memulakan tugas atau pekerjaan dengan maksud mudah-mudahan apa jua khidmat dan pekerjaan yang kita lakukan untuk negara ini, akan sentiasa mendapat keberkatan dan terdipandu oleh petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Ini terbukti bila kita lihat setiap kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan mengadakan pembacaan Al-Qur'an sebelum memulakan pekerjaan bagi mendapatkan keberkatan itu dengan membaca Al-Qur'an.

Kita amat bersyukur negara kita dengan kepimpinan baginda, penghayatan ajaran Islam terutama dalam pembacaan Al-Qur'an amat meluas dan bersemarak sekali di kalangan umat Islam di negara ini.

MUSHAF AL-QUR'AN

Sebagai meneruskan dan meluaskan penghayatan agama Islam di negara ini, baginda telah memperkenankan pembahagian Mushaf Al-Qur'an kepada rakyat dan penduduk negara ini sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta kerana ianya dapat dijadikan ristaan kekal sepanjang zaman.

Mari kita mengimbas kembali susur sejarah penulisan Mushaf Al-Qur'an. Keputusan untuk menerbitkan Mushaf ini telah baginda titahkan pada tahun 1986 dengan tujuan:

- * Sebagai ristaan sepanjang zaman atas pemerintahan baginda yang meneruskan dan penghayatan Islam di Negara Brunei Darussalam yang diasaskan oleh ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin.

- * Untuk kegunaan sekolah-sekolah agama dan kegunaan kaum Muslimin khasnya di Negara Brunei Darussalam.

- * Untuk hadiah rasmi Kerajaan Brunei Darussalam kepada tetamu dari negeri-negeri Islam.

Dalam titah baginda pada 1 Oktober 1990 baginda telah memperkenankan supaya ianya ditulis dengan tangan dengan niat untuk membesarkannya. Kerana

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Haji Sahrin Haji Asmat

Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara

memang Al-Qur'an itu adalah sebenar-benar kitab yang paling agung. Kedua, kerana ianya mengambil sejarah di zaman pemerintahan baginda ini telah pernah berlaku suatu pekerjaan yang besar, projek keislaman. Ketiga, kepentingannya dari segi jangka panjang ialah untuk mendidik dan mengilhami generasi kita akan datang supaya mereka juga turut jejak langkah yang kita lakukan ini, biar mereka juga akan berbuat sebagaimana yang kita buat, maka dengan cara demikian itu, tidaklah akan putus usaha pada memelihara agama Islam yang maha suci dan insya-Allah tidaklah akan padam buat selama-lamanya

cahaya Islam di Negara Brunei Darussalam.

**MUSHAF
AL-WATHEQ BELLAH**

Dalam meneruskan peningkatan penerapan Islam, ini satu lagi yang menjadi tapatan sejarah ialah pengurniaan Waqaf Mushaf Al-Watheq Bellah (Berewayate Hafs). Kad Pengagihan Mushaf Al-Watheq Bellah (Berewayate Hafs) kurnia Waqaf Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dapat dilaksanakan di seluruh masjid-masjid utama di seluruh negara di Majlis Sembahyang Berjemaah dan



KERJA-KERJA penyusunan naskhah Mushaf Al-Wateq Bellah (Berewayate Hafs) di Jabatan Percetakan Kerajaan.

Doa Kesyukuran Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-60 Tahun pada 14 Julai 2006. Para pemegang kad tersebut berhak mendapatkan satu naskhah Mushaf Al-Watheq Bellah dengan menyerahkan kad ini kepada pegawai bertugas di Pusat-pusat Pengagihan bertempat di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pusat Da'wah Islamiah dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan masjid-masjid utama di seluruh negara. Segala pengurusan percetakan telah pun diselenggarakan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

**PENCETAKAN
AL-QUR'AN**

Menceritakan sedikit pengamalan Jabatan Percetakan Kerajaan dalam Percetakan Mushaf Al-Qur'an, jabatan ini telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan proses awal sebagai sumber rujukan percetakan sebelum ianya dicetak oleh pencetak sebenar di Republik Mesir. Cetakan sebanyak 150,000 naskhah dalam tiga edisi berukuran 24.5 sm x 34 sm. Seterusnya jabatan ini mencetak sebanyak 3,000 naskhah pada awal tahun 1994 Mushaf Brunei Darussalam Edisi Khas (koleksi eksklusif) bagi kegunaan peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berukuran 19 sm x 25 sm (pengcilan dari manuskrip asli Mushaf Brunei Darussalam berukuran 24.5 sm x 24 sm).

Kemudiannya jabatan ini terus diberi kepercayaan mencetak Mushaf Universiti Brunei Darussalam berukuran 38 sm x 52 sm sebagai menggantikan Cokmar Universiti Brunei Darussalam (UBD). Pelancaran penulisan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 1993 dan siap pada 29 Oktober 1996.

Pada tahun 2002, jabatan ini telah mencetak

Mushaf UBD edisi kecil berukuran 16 sm x 12 sm merupakan satu usaha khas memenuhi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewakafkan sebanyak 10,000 naskhah bagi kegunaan sekolah-sekolah yang memerlukan di seluruh negara dan kemudahan bagi orang ramai untuk menempah bagi tujuan waqaf dan penggunaan persendirian.

Di samping itu, beberapa pencetakan lain yang diselenggarakan oleh jabatan ini ialah Mushaf UBD Edisi Juzuk Berasingan diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan dan dicetak sebanyak 7,000 set bertujuan bagi kegunaan sekolah-sekolah. Sebanyak 600 set lagi dicetak sempena Majlis Khatam Al-Qur'an kelolaan bersama Jabatan Mufti Kerajaan dan Jabatan Percetakan Kerajaan. Setelah itu tahun 2005, Mushaf UBD Edisi Khas (Tanda Baris Berwarna) bagi kegunaan dan waqaf peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diterbitkan sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-59 dan dicetak sebanyak 1,000 naskhah.

KESIMPULAN

Al-Qur'an adalah induk segala ilmu yang perlu dijadikan teras dan kemudian dalam menentukan arah pemikiran serta tindakan, jadi sebuah negara Melay Islam Beraja sudah tentunya kitab suci Al-Qur'an Mushaf Brunei yang ditulis tangan dan Mushaf Al-Watheq Bellah ini akan menguat serta memperteguh lagi penerapan serta penghayatan keislaman dalam konteks hidup berbangsa dan bernegara, di samping menambahkan lagi rasa kasih sayang kepada raja yang juga adalah ketua agama di bumi Darussalam ini.



PARA penuntut dari Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanil Bolkiah sedang memperhatikan setiap baris dan susunan Al-Qur'an.



SALAH sebuah jabatan kerajaan yang mengadakan pembacaan Al-Qur'an sebelum memulakan pekerjaan.

PENYAKIT CIRIT-BIRIT

PENYAKIT cirit-birit adalah disebabkan oleh kuman-kuman virus dan juga bakteria. Kuman-kuman ini terdapat pada najis, air kencing atau muntah penghidap penyakit tersebut.

APAKAH TANDA-TANDA PENYAKIT CIRIT-BIRIT ?

- * Cirit-birit;
- * Muntah-muntah dan rasa mual;
- * Kurang selera makan;
- * Sakit perut / kekejangan perut;
- * Mulut, bibir dan kulit menjadi kering.

MENGAPA PERLU BIMBANG TENTANG PENYAKIT CIRIT-BIRIT ?

Penyakit cirit-birit dapat memudaratkan kesihatan seseorang dan dianggap amat merbahaya. Ia boleh menyebabkan badan kekurangan cecair yang banyak (dehidrasi). Muntah-muntah dan demam akan mempercepatkan terjadinya dehidrasi. Dehidrasi yang teruk boleh menyebabkan kematian terutamanya di kalangan kanak-kanak atau orang-orang tua.

BAGAIMANA PENYAKIT CIRIT-BIRIT BERLAKU ?

* Kuman-kuman penyakit boleh melekat pada jari-jari tangan seseorang selepas ia menggunakan tandas sekiranya tangan tidak dicuci dengan bersih;

* Tangan yang dicemari kuman itu boleh mencemari makanan semasa menyediakan makanan,

* Binatang dan serangga seperti tikus, lalat dan lipas akan membawa kuman-kuman penyakit dan dapat memindahkan kuman-kuman tersebut kepada makanan dan minuman yang terdedah;

* Sesiapa yang memakan makanan atau meminum minuman yang tercemar itu, besar kemungkinan akan mengalami penyakit cirit-birit.

CARA-CARA MENGHINDARI PENYAKIT CIRIT-BIRIT ?

* Cuci tangan dengan menggunakan sabun dan air yang bersih sebelum menyediakan makanan, sewaktu hen-

dak makan dan setiap kali selepas menggunakan tandas,

* Cuci sayur-sayuran dan buah-buahan dengan sempurna serta bersih sebelum dimasak atau dimakan,

* Cuci semua perkakas yang digunakan bagi penyediaan makanan dengan air yang bersih sebelum digunakan,

* Gunakan sudu, garpu atau alat penyepit makanan semasa mengambil atau menghidang makanan,

* Tudung semua hidangan makanan agar tidak dihidang lalat, lipas atau serangga.

LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL :

* Masak semua air minuman sebelum digunakan,

* Masak makanan dengan sempurna dan sepenuhnya,

* Sebaiknya makan makanan yang baru siap dimasak sahaja;

Oleh : Dr. Haji Rozaimée Haji Tengah,
Pegawai Perubatan Kanan,
Pusat Kesihatan Berakas.



MENGAPA perlu bimbang tentang penyakit cirit-birit?

Penyakit cirit-birit dapat memudaratkan kesihatan seseorang dan dianggap amat merbahaya. Ia boleh menyebabkan badan kekurangan cecair yang banyak (dehidrasi). Muntah-muntah dan demam akan mempercepatkan terjadinya dehidrasi. Dehidrasi yang teruk boleh menyebabkan kematian terutamanya di kalangan kanak-kanak atau orang-orang tua.

* Elak daripada memakan atau membeli makanan dari tempat-tempat makan/minum yang tidak berlesen atau dari semua sumber yang tidak bersih.

APA YANG PERLU AWDA LAKUKAN ?

Jika awda mengalami tanda-tanda di atas, awda dinasihatkan supaya:

* Menyediakan minuman rehidrasi bagi mengelakkan kekurangan cecair dan ketidakseimbangan elektrolit dalam badan. Bancuh empat (4) sudu teh rata gula dan ½ sudu teh rata garam pada satu liter air suam (lima cawan penuh),

* Banyakkan minum

air, jus buah-buahan atau sup untuk menggantikan air dan zat yang telah banyak keluar melalui cirit-birit;

* Pilihlah makanan seperti bubur, bijiran atau pisang;

* Elakkan minum air susu atau memakan makanan-makanan yang dicampur atau diperbuat daripada susu kerana susu boleh membuat cirit-birit tidak berhenti,

* Elakkan memakan makanan yang pedas dan berkari, kerana bahan-bahan kari dan lada boleh menambah rasa sakit perut,

* Berehat jika awda berasa lemah.



BILAKAH AWDA PERLU BERJUMPA DOKTOR ?

Awda perlu segera berjumpa doktor sekiranya:

* Cirit-birit tidak berhenti setelah menghidangnya beberapa hari;


* Najis berdarah;

* Mulut, bibir dan kulit menjadi kering;

* Muntah berlebihan sehingga tidak boleh minum air;

* Rasa pening sebab dehidrasi;

* Cirit-birit berlaku semasa ataupun sesampai dari luar negara.



سستردان بودایا

Sambungan minggu lepas

Yura Halim dan Jamil Umar.1958. *Sejarah Brunei*.
Kuala Belait Brunei: Brunei Press.

BERBELANJA SECARA SEDERHANA, AMALKAN JIMAT CERMAT

MARILAH kita tingkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sesungguhnya umat manusia amatlah beruntung kerana telah dikurniakan nikmat yang tidak terkira banyaknya, di antaranya nikmat rezeki. Maka sewajarnya kita selaku umat manusia mensyukuri dan memanfaatkan rezeki tersebut dengan cara yang betul dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Bahkan kita juga hendaklah terus berusaha meningkatkan lagi ketaqwaan dan pengabdian terhadap Allah Subhanahu Wata'ala sebagai melahirkan rasa terima kasih terhadap nikmat-Nya itu.

Kita sepatutnya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana negara kita mendapat limpahan nikmat rezeki yang sangat banyak sehingga negara kita dapat menikmati hasil pendapatan negara yang menggalakkan dan mampu mengukuhkan kedudukan ekonomi dan kewangan negara. Kita juga hendaklah bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana baru-baru ini raja dan pemimpin negara yang kita kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolqiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pemberian kenaikan mata gaji khas khusus bagi tahun ini sahaja kepada rakyat baginda yang sedang di dalam perkhidmat-

an kerajaan pada masa ini sebagai menghargai sumbangan-sumbangan anggota perkhidmatan kerajaan baginda.

Selaku rakyat yang berbangsa di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita hendaklah menzahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada baginda dengan meningkatkan lagi taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan baginda, sebagaimana yang diperintahkan dalam Al-Qur'an Surah An-Nisaa' ayat 59, tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."

Oleh itu, selaku pegawai dan kakitangan kerajaan mahupun orang awam, taat setia itu boleh dizahirkan dengan mematuhi dan menjalankan tugas yang telah diamalkan dengan penuh tanggungjawab, iltizam, komitmen, dedikasi serta keazaman yang bersungguh-sungguh dan yang paling utama tugas itu dilaksanakan dengan berakhlak, beretika dan ikhlas kerana kerja yang dibuat dari hati yang luhur akan menghasilkan mutu kerja yang lebih baik dan berkualiti. Bahkan itulah juga cara kita bersyukur dan berterima kasih terhadap nikmat-nikmat yang telah diterima selama ini.

Perlu diingat nikmat pemberian tambahan mata gaji itu merupakan rezeki yang hendaknya kita syukuri. Kita hendaklah sedar bahawa nikmat rezeki itu adalah merupakan ujian dari Allah Subhanahu Wata'ala dan juga suatu ama-

nah bagaimana cara kita menjalankan atau memanfaatkan nikmat tersebut.

Dalam hubungan ini, agama Islam telah mengajarkan kepada kita cara mengurus harta dengan betul iaitu membelanjakannya untuk keperluan hidup seperti nafkah kepada orang yang berada di bawah tanggungannya dan mengeluarkan zakat, mahupun kepada perkara-perkara yang berkebakikan seperti bersedekah, berwakaf, membantu fakir miskin dan orang yang ditimpa bencana dan sebagainya. Agama Islam juga telah menggariskan kepada kita cara berbelanja dengan sederhana, tidak berlebih-lebihan atau membazir, apatah lagi sampai berhutang melebihi had kemampuannya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Furqaan ayat 67, tafsirnya:

"Dan juga mereka yang diredai Allah itu ialah yang apabila membelanjakan hartanya, tiada melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu."

Oleh itu belanjakanlah rezeki itu dengan cara yang bijak iaitu secara sederhana dan amalkanlah jimat cermat atau berhemat. Mudah-mudahan dengan cara demikian kita dapat menyimpan atau menabung yang hasilnya dapat mengukuhkan ekonomi keluarga, menjamin


masa hadapan yang lebih baik dan sekali gus dapat memantapkan ekonomi negara.

Inilah yang dihasratkan dan dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Hari Keputeraan baginda yang ke-60 tahun yang antara lain baginda bertitah:

"Beta berharap tabahan pendapatan yang bakal diterima oleh pegawai kakitangan kerajaan, biarlah digunakan dengan secermat mungkin, di samping dapat berusaha untuk menyimpan melalui 'financial planning' bagi keperluan-keperluan mendatang."

Dalam pada itu juga baginda seterusnya bertitah mengingatkan kepada para peniaga supaya tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga-harga barangan mereka.

Selaku umat Islam kita janganlah menyalahgunakan nikmat pada jalan yang sia-sia atau membelanjakan nikmat rezeki dan hartanya pada perkara-perkara yang tidak berfaedah, apatah lagi kepada perkara maksiat dan dosa. Oleh itu berhati-hatilah terhadap kemewahan dunia yang melalaikan kerana kita tidak mahu akibat tamak kepada harta benda menjadikan seseorang itu mencuaikan kewajipan beragama sehingga mengingkari perintah Allah Subha-



nahu Wata'ala.

Kita ambillah iktibar dari kisah-kisah kaum yang ditimpa bencana akibat tidak bersyukur, sebaliknya kufur nikmat dan ingkar terhadap perintah Allah Subhanahu Wata'ala seperti mana yang diceritakan dalam Surah Saba' ayat 15 - 17, mengisahkan kaum Saba' yang makmur dan mewah dengan limpahan rezeki yang melimpah ruah, namun akhirnya hancur musnah oleh

banjir besar akibat kekufuran dan keingkaran mereka dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala juga memberi peringatan dalam Surah Al-Israa' ayat 16, tafsirnya:

"Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan lebih dahulu orang-orang yang melampau-lampau

dengan kemewahan di antara mereka sampai taat, lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya, maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu Kami hancurkannya sehancur-hancurnya."

Ketahuilah bahawa adalah tidak mustahil nikmat keamanan, keharmonian dan kesenangan yang kita kecapi di negara kita ini akan hilang jika tidak dijaga dan dipelihara.

SESUNGGUHNYA umat manusia amatlah beruntung kerana telah dikurniakan nikmat yang tidak terkira banyaknya, di antaranya nikmat rezeki. Maka sewajarnya kita selaku umat manusia mensyukuri dan memanfaatkan rezeki tersebut dengan cara yang betul dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Bahkan kita juga hendaklah terus berusaha meningkatkan lagi ketaqwaan dan pengabdian terhadap Allah Subhanahu Wata'ala sebagai melahirkan rasa terima kasih terhadap nikmat-Nya itu.

وقت سمبهيڠ، امساک، شوروڤ دان ضحی


وقت ۲ سمبهيڠ، امساک، شوروڤ دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 8 رجب، 1427 برسامان دغن 2 اؤگوس، 2006 هيڠك كهاري ثلاث، 14 رجب، 1427 برسامان دغن 8 اؤگوس، 2006 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروڤ	ضحی	مسيحي
رجب									لؤگوس
2	12.28	3.49	6.37	7.50	4.45	4.55	6.16	6.40	2
3	12.28	3.48	6.37	7.49	4.45	4.55	6.16	6.40	3
4	12.28	3.48	6.36	7.49	4.46	4.56	6.16	6.40	4
5	12.28	3.47	6.36	7.49	4.46	4.56	6.16	6.40	5
6	12.28	3.47	6.36	7.48	4.46	4.56	6.16	6.40	6
7	12.28	3.47	6.36	7.48	4.46	4.56	6.16	6.40	7
8	12.27	3.47	6.36	7.48	4.46	4.56	6.16	6.40	8
13	12.27	3.46	6.35	7.48	4.46	4.56	6.16	6.40	
14	12.27	3.46	6.35	7.48	4.46	4.56	6.16	6.40	

وقت ۲ سمبهيڠ باڳي دائره توتوغ دتميه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتميه تيگ مينيت، سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڠارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تغهاري.

BELANJAKANLAH rezeki itu dengan cara yang bijak iaitu secara sederhana dan amalkanlah jimat cermat atau berhemat. Mudah-mudahan dengan cara demikian kita dapat menyimpan atau menabung yang hasilnya dapat mengukuhkan ekonomi keluarga, menjamin masa hadapan yang lebih baik dan sekali gus dapat memantapkan ekonomi negara.

KEPADA SIAPA DIKENAKAN KAFFARAH?



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

5. NAZAR

NAZAR ialah seseorang mewajibkan sesuatu yang tidak wajib atas dirinya apabila terjadi suatu peristiwa yang diinginkannya atau menjadikan suatu ibadah yang pada mulanya tidak wajib sebagai kewajipan bagi dirinya.

Contohnya, seseorang itu berkata: "Jika aku lulus dalam peperiksaan, maka wajib bagiku menunaikan haji ke Mekah" atau "Jika aku mendapat anak lelaki, maka wajib bagiku menyedekahkan seper tiga hartaku kepada fakir miskin".

Dalam keadaan ini, jika dia lulus dalam peperiksaan atau dia memperoleh seorang anak lelaki, maka hendaklah dia melaksanakan apa yang dinazarkannya. Jika dia tidak dapat melaksanakannya, maka wajib dia membayar kaffarah nazar.

Kaffarah nazar adalah sama dengan kaffarah sumpah iaitu pilihan sama ada dengan memerdekakan seorang hamba sahaya atau memberi makan sepuluh (10) orang miskin atau fakir atau memberi pakaian

Bilangan 228 Bahagian ketiga

kepada mereka dan jika dia tidak mampu, maka hendaklah dia berpuasa tiga hari sebagai kaffarahnya.

Ini diriwayatkan oleh Uqbah bin 'Amir Radiallahu-anhu daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, baginda bersabda yang maksudnya:

"Kaffarah (denda) nazar sama dengan kaffarah (denda) sumpah". (Hadis riwayat Muslim).

6. ILA'

Ila' ialah lafaz sumpah suami yang ditujukan kepada isterinya bahawa dia tidak akan meniduri (menyetubuhi) isterinya itu selama waktu tertentu.

Ulama Mazhab Syafi'e mendefinisikannya dengan sumpah suami yang sah talaknya untuk tidak menggauli (menyetubuhi) isterinya secara mutlak atau dalam masa empat (4) bulan, sama ada dia bersumpah dengan nama Allah Ta'ala atau sifat-sifat-Nya.

Ulama bersepakat bahawa hukum ila' adalah haram dan berdosa kepada suami yang melakukannya. Ini kerana perbuatannya mendatangkan kemudaratkan kepada isterinya dan sumpah yang dilakukannya juga menyebabkan dia tidak boleh menyetubuhi isterinya.

Contohnya, suami berkata pada isterinya: "Demi Allah, saya tidak akan menggauli engkau" atau "Demi ar-Rahim, saya tidak akan menyetubuhi engkau selama empat bulan".

Jika suami melafazkan ila' kepada isterinya, maka akan bermula tempoh ila' itu sebaik-baik saja lafaz sumpah berlaku. Dalam keadaan ini, bagi suami dua keadaan.

(1) Jika sudah berlalu empat bulan, dan suami tidak melakukan apa-apa sama ada ingin rujuk kembali atau menyetubuhi isterinya sepanjang tempoh tersebut, maka isteri akan meminta kepastian daripada suami sama ada:

* Ingin kembali sama ada dengan lafaz rujuk atau dengan perbuatan iaitu menyetubuhi isteri.

* Ataupun menjatuhkan talak jika dia berazam untuk menceraikannya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya:

"Kepada orang-orang yang bersumpah tidak mencampuri isteri-isteri mereka, maka diberikan tempoh empat bulan. Setelah itu jika mereka kembali (mencampurkannya), maka sesungguhnya Allah Amat Pengampun Lagi Amat Mengasihi. Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talak (menceraikan isterinya), maka sesungguhnya Allah Amat Mendengar Lagi Amat Mengetahui." (Surah Al-Baqarah: 226 - 227).

(2) Jika suami melanggar sumpahnya, iaitu dengan kembali kepada isterinya atau menyetubuhinya sebelum selesai tempoh empat bulan, terlepas hukum ila' daripadanya dan baginya kaffarah iaitu kaffarah kerana melanggar sumpah.

Oleh itu baginya pilihan sama ada dengan memerdekakan seorang hamba sahaya atau memberi makan sepuluh (10) orang miskin atau fakir atau memberi pakaian kepada mereka dan jika dia tidak mampu untuk melaksanakan salah satu daripada pilihan di atas, maka hendaklah dia berpuasa tiga hari.

JENIS-JENIS KAFFARAH:

Al-Qur'an telah menyebutkan jenis-jenis kaffarah yang wajib ditunaikan. Jenis-jenis kaffarah itu adalah seperti berikut:

1. MEMERDEKAKAN SEORANG HAMBA SAHAYA YANG DIMILIKINYA

Ini adalah jenis kaffarah bagi perbuatan jimak dengan sengaja pada siang hari di bulan Ramadan, suami yang menzhihar isteri, seseorang yang me-

langgar sumpah dan juga dosa kerana membunuh.

Dalam Al-Qur'an, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang tafsirnya:

"Maka (wajiblah ia membayar kaffarah) dengan memerdekakan seorang hamba sahaya yang beriman". (Surah An-Nisaa' : 42).

Berdasarkan ayat di atas, kaffarah wajib dilunaskan dengan memerdekakan seorang hamba dan disyaratkan hamba yang hendak dimerdekakan itu beragama Islam.

Hamba sahaya itu juga tidak cacat pada bentuk fizikalnya sehingga menghalangnya untuk melakukan kerja atau usaha lain. Imam Malibari Rahimahullah menyebutkan dalam kitabnya, adalah disyaratkan hamba sahaya itu selamat dari segala kecacatan yang memudaratkannya untuk bekerja atau berusaha, seperti buta, putus tangan atau kaki atau lumpuh.

Adalah memadai dengan memerdekakan seorang hamba yang masih kecil dengan syarat dia seorang Islam dan tiada kecacatan pada tubuh badannya yang menghalangnya untuk berusaha, kerana dia mempunyai harapan ketika dia dewasa kelak. Begitu juga halnya dengan memerdekakan seorang hamba yang sakit, kerana dia juga mempunyai harapan untuk bekerja apabila dia sembuh kelak.

BERSAMBUNG

MENCEGAH PENYAKIT LEBIH BAIK DARIPADA MENGUBATI



Menuju Keredaan Allah

كلولان قوسه دعوه اسلاميه

PENDAHULUAN

UNTUK meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kita hendaklah taat dalam melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya dan perkara ini termasuklah menjaga kebersihan, kesihatan diri, keluarga dan alam persekitaran agar dalam apa juga kebajikan yang dilakukan akan mendapat keberkatan-Nya.

Penjagaan kebersihan ke atas diri, keluarga dan alam sekitar adalah satu perkara yang amat penting serta perlu diberi perhatian terutama sekali dalam usaha memelihara kesihatan. Sekiranya tindakan ini dilakukan oleh setiap orang, sudah tentu kita semua berada dalam suasana yang bersih, sihat dan terhindar daripada sebarang penyakit. Apabila kita sihat, itulah tanda kita beroleh nikmat dan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 222 yang tafsirnya: "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa menyucikan diri."

KEBERSIHAN SEBAHAGIAN DARIPADA IMAN

Menjaga kebersihan dan memelihara persekitaran merupakan amalan yang sangat dituntut dalam kehidupan sehari-hari. Persekitaran yang bersih akan mendatangkan suasana yang tenang dan selamat serta melambatkan keteguhan iman seseorang kepada Allah Subhanahu

Wata'ala, kerana kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman, Seperti dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Kebersihan itu sebahagian daripada iman."

Berdasarkan daripada hadis tersebut, menjaga kebersihan adalah merupakan sebahagian daripada iman, kerana dengan menjaga kebersihan sama ada untuk diri sendiri dan persekitaran alam daripada sebarang kekotoran seperti sisa-sisa buangan, takungan-takungan air yang boleh mengundang pembiakan nyamuk sehingga membawa kepada penularan penyakit-penyakit merbahaya seperti demam denggi dan sebagainya akan dapat dielakkan atau dihindari.

MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MENGUBATI

Ajaran Islam menuntut umatnya supaya berusaha bersungguh-sungguh dalam mencegah dan menghapuskan apa jua jenis penyakit, sama ada penyakit berjangkit atau penyakit biasa. Sebagaimana yang kita sedia maklum, dewasa ini kita telah didedahkan dengan maklumat-maklumat baru mengenai pelbagai jenis penyakit yang muncul di dalam masyarakat yang disebabkan oleh kelalaian dan kejahilan mereka tentang sesuatu kesan buruk yang timbul akibat perbuatan sendiri.

Setiap kemungkaran dan maksiat yang dilakukan oleh manusia bermula daripada pengabaian terhadap tuntutan Islam yang syumul sehinggalah sanggup meninggalkan suruhan agama dan melakukan perkara-perkara yang ditegah seperti mengamalkan cara hidup bebas, berfoya-foya serta terlibat dengan penyalahgunaan dadah yang mana akhirnya membawa pelbagai kesan negatif kepada diri, masyarakat dan negara. Kesan daripada ketagihan dadah dan cara hidup yang terlalu bebas menjadi punca kepada merebaknya penyakit-penyakit merbahaya seperti AIDS dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ruum ayat 41 yang tafsirnya: "Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."

Selain daripada itu, sikap sesetengah masyarakat yang tidak mengamalkan cara hidup yang bersih merupakan salah satu punca merebaknya penyakit-penyakit berjangkit. Sebagai contoh, tindakan peniaga-peniaga gerai atau restoran yang tidak mementingkan kaedah penyediaan

makanan yang betul, pembuangan sampah sarap dan sisa-sisa makanan serta bahan-bahan buangan yang lain di merata-rata tempat tanpa mematuhi peraturan adalah menjadi punca kepada merebaknya penyakit.

Ajaran Islam juga menuntut seluruh umatnya supaya sentiasa cergas, kuat dan sihat dari segi mental dan fizikal untuk mengurus serta mentadbir negara agar dihormati, disegani atau digalati serta menjadi contoh teladan kepada semua bangsa di dunia. Jika umat Islam sentiasa dalam keadaan berpenyakit, sama ada fizikal atau mental, akan menyebabkan ianya menjadi umat yang lemah, letih, lesu dan malas serta mudah dipengaruhi oleh orang lain. Sekiranya beginilah keadaan umat Islam dewasa ini, maka harapan untuk maju, berjaya dan menjadi umat contoh tidak akan tercapai. Jika perkara ini tidak diberi perhatian yang serius oleh semua pihak, maka segala beban dan kesan negatif akan dirasai oleh seluruh masyarakat dan negara. Oleh itu semua masyarakat hendaklah terlibat memainkan peranan bagi mencegah segala punca-punca yang membawa kepada merebaknya pelbagai penyakit dalam masyarakat.

Dalam usaha menangani penyakit berjangkit, pelbagai langkah pencegahan perlu diambil. Antaranya ialah:

* Sebagai seorang Muslim, kita dituntut supaya mengamalkan cara hidup sihat dengan menjauhi segala tabiat yang boleh menyebabkan terjebak kepada penyakit. Ini kerana memelihara kesihatan diri adalah satu kewajipan ke atas setiap insan.

* Dengan cara menjauhi apa jua bentuk perbuatan yang menjadi punca atau boleh membawa kepada jangkitan penyakit seperti melakukan seks bebas, melakukan zina, menagih dadah, meminum minuman keras atau mengunjungi tempat-tempat pelacuran.

* Selain usaha pencegahan dilakukan, sebagai umat Islam kita juga dituntut agar sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keikhlasan memohon supaya diri kita, kaum keluarga dan seluruh masyarakat dijauhkan daripada penyakit tersebut. Sebagai hamba-Nya, kita disuruh berusaha, berikhtiar dan bertawakal kepada-Nya.

Setiap individu dari semua kalangan hendaklah sama-sama memikul tanggungjawab menjaga dengan melaksanakan langkah pencegahan supaya dapat mengelak berlakunya wabak-wabak yang membawa penyakit, kerana mencegah penyakit adalah lebih baik daripada mengubati.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Berganding bahu banteras jenayah

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Jauhi Dadah Hidup Bahagia'. Tarikh tutup 9 Ogos 2006.
2. 'Peranan Orang Ramai Memantau Kennalkan Harga Barang'. Tarikh tutup 16 Ogos 2006.
3. 'Belia Cemerlang Implan Negara'. Tarikh tutup 23 Ogos 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunet.bn

Utamakan gerakan bersepadu

ISU jenayah kini hangat diperbincangkan dan menjadi isu global. Negara kita tidak terkecuali menerima tempas dan terpaksa menghadapi realiti berkenaan yang kini telah melanda masyarakat. Kesannya memberi impak terutama sekali bagi negara kita yang terus mewujudkan kehidupan yang aman sejahtera. Jika tidak ditangani dengan bijaksana, lambat-laun akan merosakkan sendi-sendiri keharmonian masyarakat yang kita nikmati sekarang.

Sebagai wira bangsa dan negara, para belia adalah pewaris kepimpinan negara di masa depan. Arah tuju bangsa dan negara terletak di bahu mereka yang akan mencorakkan dan mewarnakan pembangunan bumi Darussalam. Kendatipun demikian, kita tidak sunyi dari onar mereka yang negatif yang bertentangan dengan aspirasi dan falsafah kenegaraan kita. Walaupun keadaan masih dapat dikawal, namun keadaan itu sudah cukup menakutkan dan memalukan. Jika usaha membendungnya lemah, maka padahnya masyarakat dan negaralah yang akan menanggungnya.

Salah satu formula yang memberi kekuatan ialah gerakan bersepadu. Kita sememangnya memahami bahawa dalam

gerakan mencegah jenayah skopnya memang luas dan memerlukan banyak tenaga dan berbagai profesion, namun dengan adanya kesepaduan pelbagai pihak keselamatan dan penguat kuasa undang-undang serta orang awam dengan berbekalkan gerakan secara berterusan dan rancangan serta secara berterusan dan rancangan secara sistematik, nescaya boleh menepati sasaran yang dimaksudkan. Pesalah-pesalah akan ditangani oleh pihak-pihak yang berwajib mengikut kategori kesalahannya.

Tegasnya, kerajaan tidak akan bertolak ansur dan tiada sebarang ke-longgaran kepada sesiapa jua yang melakukan perkara-perkara yang memudaratkan, menggugat keamanan dan kestabilan negara. Dengan demikian, apa saja kegiatan jenayah atau apa saja yang namanya menyalahi peraturan dan undang-undang akan mudah dipantau dan ditangani.

Dari gerakan bersepadu itu, kita menaruh harapan bukan setakat mengurangkan kegiatan yang tidak diinginkan malahan untuk mencapai ke jenayah sifar.

Siti Hani binti Hamjah,
Lot. 6327 No. 6A,
Kampong Tanah
Buruk, Penanjong
Tutong, TA 2941.
No. k/p : 00-273544.

BERHENTI menyalahkan pihak berkuasa sekiranya jenayah semakin menjadi-jadi di negara ini. Kita patut mencari jalan penyelesaian bersama-sama. Bukannya berpeluk tubuh sambil menuding jari kepada pihak yang tertentu, tanda kurang berpuashati.

Tugas menjaga ketenteraman negara bukanlah tugas sebelah pihak sahaja. Semua orang tidak kira peringkat umur perlu bekerjasama di antara satu sama lain. Kerjasama dari semua pihak termasuk pihak media masa, pihak sekolah, ibu bapa atau penjaga dan jiran tetangga adalah sangat-sangat di-alu-alukan memandangkan kita hidup bagai satu rim-

pun yang saling memerlukan di antara satu sama lain.

Seandainya berlaku sesuatu yang mencurigakan di sekeliling kita, maklumkan pada pihak berkuasa agar mereka dapat membuat siasatan dan seterusnya membuat penangkapan.

Pihak media massa juga perlu mengambil peranan dalam hal membanteras jenayah ini dengan menyiarkan beberapa program-program yang bersesuaian dan bukan berbentuk keganasan yang keterlaluan.

Pihak ibu bapa atau penjaga merupakan contoh terbaik yang akan diikuti oleh anak-anak yang

di bawah jagaan kita. Jika sekiranya ibu bapa atau penjaga itu melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan undang-undang, secara tidak langsung mereka juga akan mendidik anak-anak mereka untuk melakukan seperti apa yang mereka lakukan.

Ibu bapa atau penjaga tidak boleh bersikap sam-bil lewa dalam mendidik anak-anak mereka kerana ini akan mempengaruhi masa depan mereka. Pantaulah setiap gerak-geri dan pergaulan anak-anak tetapi jangan sampai menyekat kebebasan mereka kerana anak-anak tidak suka hidup mereka di-kongkong. Mereka perlu diberi pilihan untuk me-

milih mana yang terbaik untuk diri mereka dan kita, sebagai ibu bapa atau penjaga hanya dapat memberi garis panduan yang betul untuk mereka lalui dalam kehidupan mereka.

Sebagai guru, kita hendaklah memastikan anak-anak murid tidak terlibat dalam pergaulan yang kurang sihat kerana ini akan menjejaskan pembelajaran mereka. Sentiasalah bekerjasama dengan pihak ibu bapa untuk memastikan anak-anak didik kita tidak tergolong dengan golongan penjenayah.

Bagi jiran tetangga dan masyarakat amnya, janganlah kita membiarkan anak bangsa kita terjebak

dalam jenayah. Tegurlah mereka jika didapati mereka melakukan sesuatu yang mencurigakan sebelum terlambat. Hentikan sikap acuh tak acuh kita yang bakal membawa masalah dalam kehidupan di masa depan.

Marilah kita semua berganding bahu untuk membanteras jenayah, sa-yang diri, keluarga dan masa depan kita.

Hajah Siti Sofinah binti
Haji Salleh,
No. 7A, Simpang 40-175
Kampong Sungai Akar,
Jalan Kebangsaan
Lama, BC 4115.
No. k/p: 00-289367.

Adakan rondaan setiap masa

JENAYAH adalah perlakuan lahiriah yang bermula dari dalam diri, yang berkaitan soal kejiwaan, perasaan dan pemikiran. Ia disebabkan oleh sifat-sifat dalam yang negatif. Misalnya, rogol, bunuh, rompak. Dadah adalah lahir daripada sifat-sifat buruk dalam diri pelakunya akibat sifat tamak, buas, marah, hasad dengki, kecewa dan rakus.

Jenayah boleh diumpamakan sebagai penyakit. Untuk menangani jenayah, samalah seperti mencegah dan mengubati penyakit. Untuk mencegah dan mengubati penyakit secara berkesan, terlebih dahulu perlulah dikenal pasti apakah jenis penyakit, apakah puncanya, kemudian barulah boleh diketahui bagaimana mencegah atau mengubatnya. Pada umumnya jenayah seolah-olah berkisar hanya pada masalah sosial dan keselamatan. Namun, hakikatnya jenayah adalah masalah yang

berhubung rapat dengan soal pendidikan. Pendidikan agama adalah salah satu cara mengatasi peningkatan jenayah.

Langkah utama seharusnya bermula dengan usaha menanamkan jiwa tauhid kepada orang Islam dan kepercayaan kepada Tuhan. Tauhid yang kuat adalah sumber pembentukan sistem keyakinan yang mantap. Tauhid membekalkan satu kekuatan keyakinan yang luar biasa dalam diri manusia biasa. Ilmu Tauhid ini akan membentuk satu sistem nilai berasaskan syariat (peraturan) Allah. Yang mana halal, harus dan sunat dianggap bernilai dan perlu dilaksanakan.

Selain dari didikan agama, antara kaedah dalam membendung kegiatan-kegiatan jenayah adalah dengan mengenakan hukuman paling berat kepada pesalah. Cara ini bertujuan mewujudkan kesedaran

kepada mereka yang terlibat.

Penjenayah juga akan berasa takut dan tidak mengulangi sebarang perbuatan jenayah. Hukuman berat yang dikenakan kepada pesalah merupakan pengajaran yang berguna. Sewajarnya, kaedah ini mempunyai kaitan dengan unsur-unsur mendidik, khususnya bagi para remaja. Contoh yang terbaik apabila seseorang terlibat dalam jenayah berat mestilah menerima hukuman yang setimpal supaya wujud perasaan sesal yang amat sangat.

Selain itu, sifat muafakat dalam kalangan masyarakat turut berfungsi untuk memastikan kegiatan jenayah dapat dikekang. Masyarakat yang bersatu dan bekerjasama erat dapat menjamin keadaan persekitaran yang aman dan damai. Langkah ini wajar kerana dapat menghalang peluang penjenayah untuk

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Bersama Membanteras Peningkatan Jenayah'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

bergerak.

Jelasnya, suasana aman akan mewujudkan keharmonian yang menjadi kunci kehidupan yang tenteram. Jika berlaku apa-apa kes jenayah, penduduk setempat akan bersepakat untuk membuat aduan supaya tindakan atau siasatan yang rapi berjaya dilaksanakan. Misalnya, masyarakat di dalam sesebuah kawasan perumahan boleh mengadakan rondaan berkala pada setiap malam untuk mencegah aktiviti jenayah.

Pada hakikatnya sejauh manakah para pe-

mimpin, para ibu bapa dan guru mengajar dan mendidik anak-anak kita tentang nilai jujur, integriti, sabar, syukur, amanah dan sebagainya dari berlakunya kes jenayah? Tepuk dada dan tanya selera, apakah kita sudah menunaikan tanggungjawab kita dengan sepenuhnya?

Haji Azreem bin Haji
Ramli,
No. 6, Simpang 74 - 41-31,
Kampong Mata-Mata Gadong, BE 1718
No. k/p: 00-124710.

Didikan akhlak, tatasusila penting

SEMUA negara di dunia ini tidak akan terlepas dari kegiatan jenayah. Jenayah bermaksud suatu perkara atau perilaku yang bertentangan dengan undang-undang dan akta yang telah ditetapkan dalam sesebuah negara. Perbuatan yang langsung tidak berfaedah ini hanya akan memalukan masyarakat sahaja. Kegiatan ini tidak tertumpu pada satu-satu peringkat umur sahaja malahan ia boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja tidak kira tua ataupun muda.

Di negara kita, jenayah bukanlah satu isu yang

baru timbul malahan ia telah pun wujud sejak dari dulu lagi. Jenayah yang sering kita dengar pada masa ini ialah jenayah yang melibatkan dadah, pemalsuan dokumen-dokumen, rasuah, rogol, rompak serta mencuri dan bermacam-macam lagi. Kalau dahulu kita hanya biasa mendengar melalui media massa yang kegiatan ini hanya dilakukan oleh orang luar negeri yang datang ke negara ini sahaja. Namun kini ia juga dilakukan oleh orang tempatan sendiri yang mana ini secara tidak langsung dapat merosakkan imej

bangsa dan negara.

Dan apa yang lebih memalukan lagi sesetengah jenayah dilakukan oleh orang Melayu serta beragama Islam. Ke mana peginya jati diri bangsa kita? Ke manan hilangnya pegangan agama yang melangsungkan kita melakukan sebarang jenayah?

Kadar peningkatan jenayah semakin meningkat dari setahun ke setahun. Menurut statistik, golongan yang paling banyak melakukan jenayah adalah terdiri dari lelaki remaja yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 23 tahun. Antara punca yang

membawa kepada peningkatan ini adalah kurangnya didikan terutama dari segi akhlak, tatasusila dan yang paling penting didikan agama. Selain itu, faktor pengangguran juga dapat menjurus kepada sesuatu kegiatan jenayah, di samping pengaruh dari rakan-rakan dan persekitaran.

Oleh itu, dalam usaha untuk membanteras kegiatan jenayah ini, penglibatan dari semua pihak terutama pihak ibu bapa dan remaja itu sendiri sangatlah diperlukan. Untuk mencapai impian tersebut walaupun tidak mencapai

seratus peratus akan terlaksana dengan adanya kerjasama yang perlu dipupuk dan diketengahkan sejak dari awal lagi. Dengan ini tidak mustahil negara kita akan menjadi sebuah negara aman dan damai serta bebas dari sebarang kegiatan jenayah pada tahun-tahun yang mendatang.

Siti Norhazirah binti
Haji Ahmad,
No. 1, Simpang 27,
Jalan 24,
Perumahan Kampong
Rimba, Gadong,
BE 3319.
No. k/p: 01-031057.

TIP FOTOGRAFI

REMAJA

KITA MESTI MELANGKAH JAUH

OLEH H. A. MANAP

PERKEMBANGAN dan perubahan sekeliling bukan lagi merupakan perihal yang hanya dilihat sebagai keputihan asap-asap yang tebal, bila hujan turun ia lenyap tanpa meninggalkan bekas yang berfaedah. Namun hakikatnya ia adalah pembaharuan budaya berfikir, bertindak, bersaing. Ia mengajak kita untuk melangkah jauh dengan melahirkan produk kehidupan yang berkualiti tinggi. Kuantiti kini bukan lagi sukut-sukat yang boleh membantu dan mencorakkan kehidupan kita. Sementara kuantiti pula meskipun ia juga diperlukan akan tetapi ia beriring dengan kualiti yang baik. Inilah hakikatnya kenapa kita perlu berada di setiap gelombang perubahan sekeliling kita.

Dalam usaha ke arah pembinaan sebuah negara yang maju berdaya saing, kita perlu melangkah jauh ke hadapan. Langkah perlu selari dengan rentak pembaharuan atau kita juga merupakan orang yang menjadi pembawa pembaharuan. Justeru adalah wajar sekarang bukan lagi masa untuk menjadi penonton malahan, sudah tiba masanya kita berada di gelanggang kemajuan dan perubahan yang memerlukan sumbangan dan khidmat kita. Apapun peringkat dan usia kita, semua tetap mempunyai peranan dan tanggungjawab yang perlu dipikul dan dilaksanakan dengan sebaiknya. Kita perlu menentukan tahap yang boleh kita sumbangkan, kalau dulu kita cuma sebagai pengguna, sekarang kita perlu melangkah jauh menjadi penyumbang utama yang diterima pakai. Arena yang akan kita lalui bukan lagi merupakan arena yang mempunyai jajaran yang sama. Keperluan aluan dan pembaharuan masa kini jelas memberikan impak besar terhadap pertumbuhan kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Negara kita perlu dimajukan ke satu tahap, yang membolehkan kita mampu menyumbangkan kepada yang lebih besar. Nama-nama kita perlu diantarabangsakan agar ianya bukan lagi suatu yang tidak dikenali ramai. Kita perlu menjadi masyarakat ke hadapan membina tamadun pembaharuan yang lebih dinamik dan progresif.

Generasi yang kita ada perlu dijadikan sebagai generasi penyumbang jangka panjang sementara generasi yang sudah lama menyumbang khidmat menjadi 'mentor' memantau dan memandu sumbangan pembaharuan. Persoalan sama ada kita mampu atau sebaliknya, perlu kita ubah menjadi penentu hala tuju pembaharuan yang diuar-uar. Kita tidak perlu lagi menoleh ke belakang untuk menyukat di mana tahap kita boleh berperanan, namun kita perlu melihat ke hadapan dengan lebih jauh, apa yang akan kita peroleh di hari muka. Inilah sebenarnya yang akan lebih menjadikan kita warga bumi yang tidak kaku dan pasif. Hala tuju yang kita inginkan perlu dikemaskini, kita mesti pandai mengorak langkah agar setiap gerak dan tarian kita senada dengan irama pembaharuan dan kemajuan masa kini.

Lihatlah ke hadapan dengan lebih positif dengan mengeneipkan persepsi, kita tidak dapat mencapai sesuatu, sebaliknya kita perlu bersikap lebih berani dan bermaya. Kita perlu kepada daya fikir dan cara bertindak yang lebih profesional dan kita perlu mewujudkan satu barisan generasi penggerak yang memiliki daya saing yang tinggi. 'Brand' kita perlu berubah, ia perlu sesuai dan laris di arena perubahan dan kemajuan zaman. Setiap kelemahan dan label ketidakpercayaan jangan kita jadikan sebagai halangan yang boleh menjadikan kita terus tidak berminat menyertai perlumbaan arus kemajuan masa kini. Kita mesti membuktikan kita adalah masyarakat yang juga perlu dipandang dengan kepercayaan dan kemampuan yang setanding dengan kebolehan serta kemahiran orang lain. Biarlah 'brand' pembaharuan dan kemajuan yang akan tonjolkan itu sebagai suatu yang lebih 'Marketable Value'. Janglah kita khuatir akan tanggapan dan persepsi orang lain yang masih mahu melabel dengan semangat Mat Jenin. Kita perlu menjadikan semangat dan impian Mat Jenin menjadi kenyataan yang boleh menjadi landasan pembaharuan zaman dan masyarakat kita. Kalau Mat Jenin berangan-angan menjadi peniaga ternakan yang besar, kita perlu membuktikan bahawa kita mampu ke arah itu.

Hatta untuk merealisasikan impian menjadi jutawan besar pun boleh dilakukan asalkan kita melancarkan peta aluan kearahnya yang lebih terarah dan berprinsip. Inilah sebenarnya banyak bergantung kepada bagaimana kita menanggapi setiap perubahan dan kemajuan sekeliling itu berlaku. Kita perlu ingau dan gelabah jika setiap perubahan dan kemajuan yang di bawa kita tidak ada didalamnya. Kita perlu menjadi lebih peka, supaya kita adalah barisan yang bersama-sama menjadi penggerak pembaharuan sedemikian. Mimpi kosong dan perasaan tidak laku biarlah berkubur di dalam proses pembaharuan yang kita inginkan. Jika dulu kita melangkah setapak, biarlah sekarang kita melangkah sepuluh tapak. Kita jangan merasakan bahawa ia sukar untuk dilakukan, jadikan ia sebagai fokus sasaran agar kita mampu berhadapan dengan perubahan dan pembaharuan zaman.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA (Bahagian Pelesenan)

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR		
		MENDAPAT LESEN KALI PERTAMA	BANGUNAN SWASTA	BANGUNAN KERAJAAN
4.	Kedai dobi	14 hari	30 hari	7 hari
5.	Membuat dan menjual roti/membuat air minuman	14 hari	30 hari	7 hari
6.	Hotel/Rumah Tumpangan/ Rumah Penginapan/Appartment	14 hari	30 hari	7 hari

TIP MENGGILAP FOTO DIGITAL AWDA

Rahsia 5 : Banyakkan mengambil gambar dan padamkan syot-syot awda.

SIRI KELIMA

OLEH HM YUSOF

KEUPAYAAN menghapus atau memadam gambar adalah satu kelebihan utama kamera digital. Awda akan kerugian jika tidak memanfaatkan kemudahan ini!

Ambil seberapa BANYAK syot lebih yang difikirkan perlu dan padam mana-mana yang tidak sesuai atau kurang menarik kemudian.

Ulang tayang gambar-gambar yang baru diambil, padam mana yang tidak diinginkan. Perlu diingat, kekerapan melakukan ulang tayang, akan mempercepatkan berkurangnya kuasa bateri kamera awda.

Kerana awda sentiasa melakukan penghapusan, awda cuma menyimpan 'yang terbaik dari terbaik'. Memadam juga

memastikan awda tidak perlu kad memori yang berkapas besar, kerana awda tidak menyimpan imej-imej yang kurang bermutu.

Jika awda kesuntukan masa, awda sama ada harus memiliki kad memori yang berkapas tinggi atau memindah imej-imej awda itu ke dalam alat storan seperti komputer riba (laptop)



JANGAN hadkan pengambilan gambar, padam atau hapuskan kemudian mana yang kurang sesuai atau menarik.

atau unit storan kad.

Ini juga satu tip yang penting bila mengambil gambar ramai. Dengan jumlah yang ramai, pasti ada sebahagiannya terkedip mata, atau memandang kearah lain atau awda boleh mencuba beberapa dedahan berlainan untuk memastikan salah satunya menghasilkan rakaman terbaik dan memuaskan. Merakam dengan syot yang banyak bermakna awda dapat pilihan yang terbaik.

Minggu depan : Kurang senang menunggu diantara masa bila awda menekan alat penutup (shutter) dan bila syot seterusnya akan diambil? Rahsia ini nanti akan dapat menghindari masalah itu.

Semua istilah fotografi yang digunakan dipetik dari istilah rasmi 'Buku Istilah Fotografi' yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Brunei Darussalam -



DISYORKAN awda memiliki unit storan kad yang memindah dan menyimpan hasil penggambaran awda dengan mudah dan selamat.

MABBIM - Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Bersambung



MENGAMBIL beberapa syot gambar ramai sangat penting untuk membuat pilihan terbaik.

Istilah-istilah fotografi terkini :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
Edge of field	Tepi medan
Edge effect	Kesan tepi
Edge notch	Takik tepi
Edge numbering	Nombor tepi
Edge of the lens	Tepi kanta
Edge ray	Sinar tepi
Effect filter	Turas kesan
Effect lighting	Kesan pencahayaan
Effective angular field	Medan sudut berkesan
Effective aperture	Apertur berkesan

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar 732 keluaran 19 Julai 2006, ialah :

Bangunan Jabatan Peguam Negara, Kilometer 1/2, Batu Satu, Bandar Seri Begawan.

Tiada pemenang Soalan Alai Pintar 732 keluaran 19 Julai 2006

ALAI PINTAR

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN



SOALAN ALAI PINTAR 734

- Apakah nama bangunan ini?

- Di manakah letaknya?

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 734

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada, Ruangan Alai Pintar, 734, PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

CERPEN

OLEH NUR ASYURA

SUASANA bilik itu tenang dan damai sekali. Aroma yang mengharum dari penyegar udara mewujudkan perasaan yang mengharukan. Aku memandang sekilas ke arah jam dinding. Waktu telah menunjukkan tepat pukul 10.30 pagi.

"Dah pukul 10.30 pagi masih belum sampai lagi?" Matakku berkali-kali menjeling ke arah pintu pejabat.

"Biasanya dia tak selewat ini. Dia seorang yang menepati janji." Sambungku lagi sambil memerhatikan gelagat manusia yang masuk ke pejabat.

"Iqa"... jerit Amira.

Amira tiba-tiba saja ada di hadapannya. Bibirnya mengorak senyum, mungkin geli hati melihatku terpinga-pinga.

"Ada apa Mira? Kau ni macamlah aku ni sebatu jauhnya dari kau," tanyaku sambil memandangnya. Amira ketawa sambil tersenyum manis.

"Aku cuma nak kasi tahu yang Encik Syafiq ada telefon tadi. Katanya ia datang lewat hari ini. Tapi ia ada pesan minta kau kemas buku, majalah dan fail-fail di rak almari sebelah kanan tu," terang Mira panjang lebar.

"Encik Syafiq ada telefon tadikah? Bila dia telefon?" tanyaku lagi.

"Alaa... Semasa kau ke bilik air tadilah dia call. Telefon kau berbunyi. Langsung kau angkat. Tak kan kubiarkan pula. Manalah tahu ada call urgent. Tapi sebaliknya Encik Syafiq yang call," jawab Mira.

"Mula-mula tu dia cari kaulah. Tapi bila ku beritahu kau ke bilik air terus dia tinggalkan pesan ini untuk kau. Maklumlah kan anak emas bos mestilah dia cari. Betul tak," sambungku lagi sambil mengenyitkan matanya kepadaku. Nakal betul.

"Eh!!... Siapa kata. Kau ni ada-ada saja lah. By the way, terima kasihlah Mira kerana memberitahu aku."

"Sama-sama. Oklah aku nak membuat kerja dulu," kata Mira sambil berlalu ke tempat mejanya kembali.

Syafiqah, Personal Assistant kepada Encik Syafiq, Pengarah Purnama Trading Company Sendirian Berhad. Gadis hitam manis, tinggi lampai dan mempunyai lesung pipit di kedua-dua belah pipinya. Bersifat lemah lembut dan berusia 21 tahun. Keluarganya tinggal di kampung. Ia adalah anak bongsu dari enam orang adik-beradik. Kesemuanya perempuan. Keenam-enam kakaknya telah pun mendirikan rumah tangga. Masing-masing dah mempunyai tanggungan sendiri. Ayahnyanya bekerja sebagai guru di kampungnya. Sedangkan emak hanyalah suri rumah tangga sepenuh masa.

Ia masih ingat lagi sewaktu mula-mula bertugas di pejabat itu. Encik Syafiq memandangnya dari hujung rambut ke hujung kaki. Pandang yang cukup membuat Syafiqah merasa gelisah dan resah.

Waktu itu ia dihantui perasaan curiga dan

cemas. Dalam hatinya mula berbisik, bagaimana nak nanti kalau bekerja di tempat majikan yang seperti ini. Namun begitu, nalurinya dapat merasakan bahawa Encik Syafiq seorang yang baik hati. Walaupun berkumis tidak pula menampakkan wajah bengis. Dia berkulit hitam manis, tinggi dan air mukanya yang jemih membayangkan ketulusan hatinya.

Syafiqah masih ingat sewaktu ia ditemu duga oleh Encik Syafiq dulu. Tutar katanya yang lemah lembut penuh berwibawa.

"Awak berasal dari daerah mana," tanya Encik Syafiq sambil mere-nungku dengan tajam sekali.

"Saya berasal dari Daerah Brunei dan Muara, Encik," jawabku dengan tenang.

"Keputusan awak sungguh cemerlang. Kenapa tak sambung sekolah? Masuk Maktab Duli atau masuk Universiti? Sayang kalau awak lepaskan peluang ni?" kata Encik Syafiq lagi.

"Saya nak cari kerja dulu encik, saja untuk menimba pengalaman dulu. Di samping membantu keluarga saya di kampung. Ayah saya dah tua dan nak pencek pada hujung tahun ni. Sebagai anak inilah masa saya membalas segala jasa emak dan bapa saya," kataku panjang lebar.

"Bertuah ibu bapa awak mempunyai anak seperti awak. Tak sia-sia mereka membesarkan awak. Oklah mulai esok awak boleh bekerja di syarikat ini. Tahniah Cik Syafiqah."

"Terima kasih encik."

"Iqa"

Sekali lagi aku tersentak dari lamunan. Terasa malu pula melihat Mira tersenyum-senyum memandangku.

"Asyik terkejut saja. Ada apa-apa kah?" kata-nya sambil ketawa kecil.

"Belum habis berke-mas. Sebarang lagi Encik Syafiq nak datang. Nanti marah pula bos kita tu," sambungku sambil berlalu.

Walaupun Amira tidak meminta ia menghabiskan tugas tersebut dengan pantas namun itulah mak-sudnya. Iqa faham benar. Hampir setahun dia bekerja di situ. Telatah pekerja-pekerja sudah mula sebatu dengannya. Lebih-lebih lagi kawannya yang seorang ini. Ia dah masak benar dengan perangnya.

"Bunga lagi..." Iqa

BUNGA-BUNGA CINTA



mengeluh apabila melihat sejambak bunga mawar merah di atas mejanya. Sejak kebelakangan ini dia sering menerima jambangan bunga dari seseorang yang tidak dikenali. Hari ini genaplah sepuluh hari ia menerima kad dan jambangan bunga.

"Dapat bunga lagi Iqa... Hai, bertuahnyanya kau selalu dapat bunga. Hari-hari pula tu. Siapalah jejak misteri tu Iqa," sapa Mira sambil duduk kerusinya.

"Dia ada sertakan namakah? Boleh aku tahu siapa namanya?" tanya Mira lagi.

"Nama... ada... tapi cuma 'Jejaka Idaman' saja," kataku sambil duduk di kerusi.

"Jejaka Idaman? Ehm... Dari mana penanya saja aku gerenti pasti orangnya handsome dan romantik," sambung Mira sambil tersenyum mesra kepadaku.

"Macam-macam saja-lah kau ni Mira. Sejak bila pula kau pandai menilik orang ni," kataku sambil ketawa. Aku faham benar dengan telatah kawanku seorang ini. Kalau sehari tak mengusik, tak sah. Ada-ada saja yang nak diusiknya. Tak hairanlah ia digelar 'minah murai'.

Aku merenung ke arah kad yang disertakan bersama sejambak bunga mawar merah. Tulisannya cantik dan kemas. Luahan dan tutur katanya sungguh mengharukan. Tambahan pula ini kali pertama aku menerima bunga dari seorang jejaka. Jejaka idaman pula tu. Tapi siapakah gerangnya?

Jejaka idaman ini? Tak serik-seriklah ia menghantar

IQA mengetuk pintu perlahan. Tombol pintu dipulas lalu pintu dibuka. Perlahan-lahan Iqa melangkah. Kepalanya tunduk. Jari-jemari tangannya yang sejuk dimaikkannya sesama sendiri. Hatiku resah dan gelisah. Di hatinya tertanya-tanya apakah yang akan Encik Syafiq katakan kepadaku. Pasal bunga dan kad itu kah? Ahh!... Keluhku lagi sambil memejamkan mata.

bunga ini kepada ku?

Kurenung sekali lagi kad tersebut sambil membacanya dalam hati.

Kepada saudari Syafiqah, semoga kehadiran bunga ini akan dapat menambah lagi kebahagiaan dan keceriaan dalam hidupmu. Terimalah sejambak bunga mawar merah ini sebagai tanda salam persahabatan dan perkenalan dariku yang memujamu selalu.

Jejaka Idaman

Aku dapat rasakan jejak ini jenis yang romantik, penyayang dan kacak. Kalau boleh macam Encik Syafiq, majikan yang baik dan begitu mengambil berat perihal pekerjaannya. Aku tersenyum sendiri.

"Ehemmm..."

Aku tersedar dari lamunan yang panjang. Tak tahu tempat mana nak letak muka bila Encik Syafiq berada di hadapanku. Kad dan bunga tadi kusimpan ke bawah meja. Serta-merta aku bangun.

"Assalamualaikum Encik..." kataku dengan penuh hormat.

"Walaikumassalam..." balasannya sambil terse-nyum.

Syafiqah tunduk. Dapat kurasakan darahnya naik

ke muka. Malunya. Dia memejamkan kedua-dua matanya. Apabila ia mengangkat kepalanya. Encik Amir sudah tiada. Amira terduduk dan melepaskan nafas lega. Tiba-tiba telefon di meja berdering. Pantas Iqa mencapai.

"Amira masuk ke dalam sekejap."

"Baik Encik Syafiq..."

Iqa mengetuk pintu perlahan. Tombol pintu dipulas lalu pintu dibuka. Perlahan-lahan Iqa melangkah. Kepalanya tunduk. Jari-jemari tangannya yang sejuk dimaikkannya sesama sendiri. Hatiku resah dan gelisah. Di hatinya tertanya-tanya apakah yang akan Encik Syafiq katakan kepadaku. Pasal bunga dan kad itu kah? Ahh!... Keluhku lagi sambil memejamkan mata.

"Duduk Iqa..." kata Encik Syafiq sambil mere-nungku tajam sekali. Lama ia memandangku begitu. Mungkin ia perasaan akan kegelisahan ini.

"Awak nak kerjakah atau nak berangan? Dalam dua tiga hari ini saya perhatikan awak selalu ter-nung dan melamun saja. Awak ada masalah ke?"

Aku terdiam tanpa se-patah kata. Aku sedar ia

berpunca dariku. Kalau tidak kerana kad dan bunga itu tak mungkin aku dimarahi sedemikian rupa.

"Iqa... Saya ambil awak bekerja untuk berkhidmat dalam syarikat ini. Bukan untuk berangan. Saya tidak mahu pekerja saya lalai dan leka," sambungku lagi.

Aku terdiam. Seketika airmataku melurut laju membasahi pipi. Kata-kata Encik Syafiq begitu menyentuh hati dan perasaanku. Telah kukuba untuk menahannya dari keluar tapi aku tak berdaya. Kusapu air matakku dengan hujung lengan bajuku.

"Saya panggil awak ke sini bukan untuk melihat awak menangis. Saya cuma nak awak perbaiki kelemahan awak, itu saja..." ucap Encik Syafiq dengan lemah lembut sambil memandangkanku.

"Timbul pula rasa bersalah dalam hati bila melihat dia begini. Apa yang harus aku buat. Kalau aku berterus terang pasti ia akan terkejut. Ahh!!... Biarlah kusimpan dulu rahsia ini. Bila dah tiba masanya nanti aku sendiri yang akan memberitahunya, siapakah jejak misteri itu," kata Encik Syafiq dalam hati.

"Maafkan saya Encik Syafiq. Saya tahu saya

bersalah. Saya berjanji tak akan mengulangnya lagi."

"Saya tahu awak seorang pekerja yang baik dan rajin. Saya cuma tidak mahu awak mension-sikan kerja awak. Nah ambil sapu tangan ni sapu sisir air mata awak tu. Nah ambil..." kata Encik Syafiq sambil menghulurkan sapu tangannya kepadaku. Kuambil sapu tangan tersebut lalu kukusat air mata yang masih tersisa di muka hingga kering.

Tanpa disedari Encik Syafiq memerhatikan setiap gerak-gerinya dengan senyuman memanjat. "Manis dan menawan gadis ini. Walaupun masih muda tapi terserlah kematangannya," omel Encik Syafiq dalam hati.

Bila selesai barulah Iqa perasan. "Ya Allah... malunya. Kenapalah aku tak perasan sedari tadi." Kulihat Encik Syafiq tersenyum simpul memerhatikanku. Kutundukkan kepulaku kerana malu yang amat sangat. Terasa panas kedua-dua pipiku ketika ini.

"Baiklah, awak boleh keluar saya nak keluar sekejap. Kalau ada apa-apa yang penting telefon mobile saya."

Lihat muka 9

Dari muka 8

Aku menganggukkan kepala dan terus keluar. Aku terus ke bilik air. Di sana kuluahkan hati dan perasaanku yang sedih tadi. Namun begitu aku tahu Encik Syafiq tak akan memarahi pekerjaanya tanpa usul periksa. Lebih-lebih lagi hal yang remeh-temeh ini. Kutenangkan hati sambil beristighfar berkali-kali.

Seperti biasa Syafiqah merupakan orang yang pertama sekali yang sampai ke pejabat. Tapi hari ini senario pejabatnya telah berubah. Ada orang lain yang lebih dahulu tiba di pejabat. Iqa tertanya-tanya siapakah orang yang datang awal dari dirinya. Kedengaran pintu bilik Encik Syafiq dibuka dari dalam. Pantas Iqa berpaling. Seketika pandangan matanya bertaut dengan pandangan mata Encik Syafiq. Segera Iqa mengalihkan pandangannya ke arah lain.

"Selamat pagi Iqa ...," kata Encik Syafiq.

"Selamat pagi Encik ...," balas Iqa penuh hormat sambil berlalu ke mejanya.

Iqa sedar pandangan mata Encik Syafiq mengekori setiap langkahnya. Di dalam dadanya bergelora hebat. Entah kenapa renungan Encik Syafiq sering kali membuatkan jantungnya berdebar-debar. Iqa benar-benar tak mengerti.

"Iqa ... bawakan saya dua cawan Nescafe," pinta Encik dengan lembut.

Iqa melangkah longlai sambil mengangkat dua cawan Nescafe yang diminta oleh Encik Syafiq tadi. Hatiku berdebar-debar sambil mengetuk pintu bilik Encik Syafiq. Pintu kubuka kelihatan Encik Syafiq bersama dengan seorang perempuan yang duduk menghadap mejanya. Encik Syafiq terseenyum memandangku. Renungan yang sentiasa membuatku tidur malam tak lena. Makan tak lalu, mandi tak basah.

"Minumannya Encik ...," kataku sambil meletakkan minuman tadi di atas meja tamu dengan hati-hati. Aku cuma tak mahu peristiwa yang lalu berulang lagi. Ketika itu aku sedang meletakkan cawan minuman di atas meja tamu. Tiba-tiba minuman tersebut tertumpah di atas baju tetamu Encik Syafiq. Aku panik. Yang hanya mampu kulakukan hanyalah memohon maaf di atas kecuaiannya yang telah kulakukan. Mujurlah Encik Syafiq tak marah ketika itu. Aku bersyukur ke hadirat Allah mempunyai majikan yang bertimbang rasa.

"Iqa ... kenalkan ini kawan saya Marsha. Dia baru saja balik dari US," kata Encik Syafiq. Aku tersentak dari lamunan. Aku tersenyum dan menoleh kepadanya sambil menghulur tangan untuk bersalaman.

"Sha ... kenalkan ini Personnel Assistant ku Syafiqah," sambungnya lagi.

"Ooooo ... ini rupanya. Cantik juga orangnya. Boleh tahan. Assalamulaikum. Apa khabar? Saya Marsha," kata Marsha sambil menghulurkan tangannya kepadaku.

"Walaikum salam. Khabar baik," kami berjabat tangan.

"Cantik dan manis orangnya. Padan dengan Encik Syafiq," bisikku dalam hati.

"Kalau tak ada apa-apa, saya keluar dulu, Encik ...," tanpa menunggu apa-apa jawapan. Aku terus beredar dari situ. Sebelum ku menutup pintu biliknya, kelihatan Cik Marsha dan Encik Syafiq ketawa senang hati.

Tiba-tiba saja hatiku merasa cemburu melihat kemesraan mereka berdua. Aku tak tahu kenapa harus ada perasaan cemburu ini dalam diriku. Adakah aku sudah jatuh cinta dengan Encik Syafiq? Ahh!! ... Mungkin. Kerana wajah Encik Syafiq sering kali terbayang di ruang matakuku. Tambahan pula kurasa sejak kebelakangan ini bunga-bunga cinta mulai tumbuh di lubuk hatiku. Makin kuhindar makin pula ia menghampiri.

"Mira, rehat ni teman-kan aku lunch," kataku sambil melihat jam tanganku. Jam dah menunjukkan pukul 12.00 tengah hari.

"Lunch? Boleh apa salahnya tapi kau belanja. Ok." Aku menganggukkan kepala sambil tersenyum.

Kami ni dah macam adik-beradik. Sana ke mari mesti berdua. Pendek kata di mana ada Mira di situ ada aku. Aku masih ingat dulu sewaktu mula-mula bertugas di sini dulu. Miralah yang banyak sekali membantu dan menolongku dibandingkan dengan kawan-kawan sepejabatnya yang lain. Sejak itu, kami sering pergi bersamasama sehinggalah ada yang merasa iri dengan kemesraan kami ini.

Seperti yang dijanjikan, kami lunch di kedai makan yang berdekatan. Sementara menunggu makanan kami. Aku mengalihkan pandanganku ke tempat lain. Melihat gelagat manusia yang lalu-lalang di sekitar kami. Tak kusedari Mira merenungku sedari tadi dengan pandangan yang kosong. Kami berbalas pandang.

"Kau ada masalahkah Iqa?" tanya Mira sambil memandangkmu tajam.

"Tak adalah ... macam biasa saja," jawabku selamba.

"Kau jangan nak tipu aku. Aku tengok sejak kebelakangan ni kau berlainan benar tak seperti selalu kadang-kadang kutengok kau asyik termenung saja. Risau ku dibuatnya. Apa masalah kau sebenarnya ni. Cuba kasi tahu aku. Manalah tau kau boleh membantu," katanya panjang lebar sambil merenungku tajam.

"Sebenarnya aku tengah pening kepala ni. Sampai sekarang aku masih tak tahu siapakah gerangnya jejak idaman yang selalu memberi aku kad dan bunga tu," jawabku sambil mengeluh panjang. Entah sampai bila jejak idaman itu akan berhenti mengirim kad dan bunga.

"Entah-entah Encik Syafiq tak," teka Mira.

"Encik Syafiq. Tak mungkin dia. Sebab wanita macam aku ni siapalah nak pandang. Rupa tak ada, bahasa pun kurang," bisikku dalam hati.

"Ehh!! ... Tak kanlah Encik Syafiq. Aku ni mana padan dengan dia. Dia tu enggang, aku ni pipit. Pipit mana boleh terbang bersama enggang," kataku merendah diri tapi itulah kenyataannya.

"Itu kata kau Iqa ... tapi dari apa yang aku perhatikan selama ini ... Encik Syafiq tu macam suka sangat dekat kau ...," sambung Mira lagi. Iye ke ... Macam tak percaya saja. Namun di hati hanya Tuhan saja yang tahu macam mana perasaanku kepadanya.

"Tak adalah ... Kau ni ada-ada sajalah Mira. Aku tak perasaan pun. Lagipun Encik Syafiq tu dah pun ada kekasih. Cantik dan manis orangnya. Namanya Marsha. Kalau kau tengok tentu kau sependapat dengan aku ni."

"Mana kau tahu ni. Kau pernah tengok kah?" tanya Mira kepadaku.

"Dah ... pagi tadi. Itulah siapa suruh akhir datang ke pejabat. Kan melepas tak dapat tengok," usikku kepada Mira.

"Tak kisahlah ... tapi Iqa ... aku gerenti Encik Syafiq suka sangat dekat kau. Dari cara dia memandang dan merenung kau berlainan benar. Tak serupa bila dia memandang orang lain. Kalau kau tak percaya kau tengoklah nanti," teka Mira lagi.

"Orang macam aku ni manalah Encik Syafiq nak pandang. Old fashion pula tu. Siapa yang nak? Lelaki zaman sekarang mana ada yang nak wanita yang ketinggalan zaman macam

aku ni. Semuanya nakkan yang moden dan seksi."

"Hai! ... Lain macam saja bunyinya. Cemburukah? Kau tak perlu risau-lah Iqa, Cik Marsha tu aku rasa bukan kekasih Encik Syafiq. Mereka tu hanya kawan baik saja. Itu pun nak cemburu," teka Mira sambil tersenyum memandangkku.

"Ehh! ... Siapa kata aku cemburu? Tak adalah. Aku cuma luahkan pendapat aku itu saja. Kau tu saja yang salah sangka. Lagipun bagi aku buat apa nak susah-susahkan diri dengan hal-hal yang remeh-temeh ni. Tak ada hasil pun. Lebih baik aku buat kerja yang berfaedah ada hasilnya. Betul tak?"

"Habis tu kau nak buat apa sekarang?"

"Tunggu pinanganlah apa lagi. Aku dah tak kisahlah Mira siapa yang pinang dulu dialah yang aku terima."

"Kau ni main-main ke Iqa. Takkanlah pasal Encik Syafiq tu dah ada buah hati kau ambil keputusan sebegini rupa. Jangnan Iqa menyesal kau nanti."

"Insya-Allah Mira, ibu bapa aku tentu tidak akan menerima pinangan dari orang yang tidak tentu asal usul keturunannya. Mereka tentu dapat membezakan yang mana satu yang terbaik buat anaknya."

"Mana sajalah kau Iqa. Kalau itu dah keputusan kau. Tapi jangan lupa bagi tahu aku tau kalau kau sudah jadi tunangan orang nanti. Okey."

"Okey ... Kau jangan khuatir Mira. Bila dah tiba masanya nanti kaulah orang yang pertama yang akan tahu nanti. Ohh! ... ya, Mira kau kata tadi Encik Syafiq dengan Cik Marsha tu berkawan baik. Macam mana kau tahu?"

"Adalah ...," katanya secara selamba. Aku menggeleng-gelengkan kepala tanda tidak puas hati.

"Ini mesti ada yang disembunyikannya dariku," kataku dalam hati. Sejurus kemudian makanan kami pun sampai untuk dihidangkan. Kami makan dengan selera sekali. Sekali kami berpandangan sesama sendiri sambil tersenyum.

Jam sudah menunjukkan pukul 4.30 petang. Ini bermakna 30 minit lagi waktu kerja nak berakhir. Ahh!! ... Penatnya. Tak terasa waktu berlalu begitu cepat. Tiba-tiba ...

"Kring ... kring ... kringgg ...," telefon dimeja berdering.

"Siapa pula yang menelefon time nak habis kerja ni. Esok-esok tak boleh kah?" rungutku dalam hati. Lantas ku-

pai telefon tadi lalu ku jawab.

"Assalamualaikum. ... Purnama Trading Company Sdn Bhd," kataku lemah lembut.

"Walaikum salam ... Iqa ni mak nak ...? Mak? Aku terkejut. Kenapalah dengan aku hari ini, sampai suara emak kandung sendiri pun tak kenal.

"Mak ... Apa khabar mak dan ayah? Sihatkah?" Jeritku. Rindu rasanya pada mak dan ayah. Maklumlah dah hampir dua bulan tak balik kampung. Ini bermakna dan dua bulan jugalah aku tak menjenguk keluargaku di kampung. Rindu rasanya.

"Emak dan ayah sihat nak ... Iqa dapat balikkah hujung minggu ni?" tanya mak lagi.

"Balik hujung minggu ni? Kenapa mak?" tanyaku hairan.

"Ada hal mustahak nak ... ada orang datang ke rumah bertanyakan Iqa," sambung mak lagi.

"Maksud mak ..."

"Ada orang nak pinang kau nak ...," jawab mak. Terkejutku mendengarnya. Setahuku aku belum pernah memberitahu mak dan ayah yang aku dah ada teman lelaki.

"Ini jejak mana pula yang memining aku ni," kataku dalam hati.

"Minggu ni Iqa tak dapat baliklah mak sebab ada kerja yang nak disiapkan. Macam inilah, kalau mak dan ayah fikir dia tu baik dan sesuai dengan Iqa, terpulanglah pada mak dan ayah. Iqa ikut saja," kataku panjang lebar.

"Ehh!! Lai ... mak nak kau fikirkan masak-masak sebelum membuat keputusan. Mak tak mahu kau menyesal kemudian hari nanti," sambung mak lagi.

"Iqa malas nak fikir panjang-panjanglah mak ... buat sakit kepala saja ... Iqa dah tak kisah mak ... siapa yang masuk meminang dahulu dialah yang Iqa terima," jawabku penuh yakin.

"Baiklah kalau dah Iqa cakap macam tu ... Mak dan ayah takkan paksa. Kami menurut saja."

"Kirim salam dekat ayah ... mak dan assalamualaikum," kataku penuh manja.

Di pejabat aku bekerja seperti biasa. Aku tidak mahu kecohkan tentang hari pertunanganku. Hanya Mira sahaja yang tahu. Kalau boleh dengan Encik Syafiq pun aku tak bagi tahu. Tapi apa boleh buat tembelang dah pecah. Nak buat macam mana.

"Encik Syafiq ... saya nak mengambil cuti selama seminggu kerana nak balik kampung." Kataku sambil meletakkan permohonan cutiku di atas mejanya. Dia membacanya dan kemudian memandangkku dengan tajam sekali.

"Balik kampung? Kenapa? Ada masalahkah?" tanya Encik Syafiq bertalutalu.

"Apa yang nak aku jawab ni," bisikku dalam hati.

"Sa ... saya ... Saya nak bertunang Encik ...," suaraku tergagap-gagap. Aku tunduk malu. Encik Syafiq tersenyum memandangkku.

"Baiklah Iqa ... Saya terima surat permohonan cuti awak ni. Tahniah dan selamat bertunang ..."

"Yesss ... Dapat juga aku cuti," kataku dalam hati.

"Terima kasih Encik ...," kataku dengan hormat.

"Sama-sama ..."

Hari ini sahlah aku menjadi tunangan orang. Sebetulnya cincin bertakhta berlian tersarung di jari manisiku. Namun dalam hati masih tertanya-tanya siapakah jejak yang menjadi tunangan aku ini? Sedari tadi tak nampak mata hidungnya.

"Apa malu sangat ke ia dengan aku ini," omelku dalam hati.

Untuk menghilangkan keresahan hatiku ini, aku keluar ke halaman rumah sambil diusik oleh sanak saudaraku yang lain. Aku hanya tersenyum memandang mereka. Kegembiraan jelas terpancar di wajah mak dan ayahku bila mana hajat mereka tak lama lagi akan tercapai untuk melihatku berkahwin. Ini dapat kuraskan lebih-lebih lagi ketika mak dan ayah mencium dahi dan kedua-dua belah pipiku semasa upacara majlis pertunanganku tadi.

Sedang aku memerhatikan mereka. Tanpa ku sedari sepasang mata memandangkku sedari tadi. Seakan tahu diperhatikan sedari tadi. Tiba-tiba aku berpaling ke tempat sepasang mata tadi. Aku melihat seorang gadis ayu tersenyum manis memandangkku. Aku terkejut sambil mengerutkan dahiku.

"Rasanya macam pernah ku berjumpa dengan gadis itu. Tapi di mana ya ...? Kataku dalam hati sambil mengingat-ingat kembali di mana dan bila aku berjumpa dengannya dulu.

Mungkin ia perasan dengan kekejutanku itu, lalu ia datang menghampiriku sambil tersenyum.

"Syafiqah tak kenal saya ... Saya Marsha kawan Encik Syafiq, bos Iqa ...," katanya sambil ketawa kecil melihatku terkial-kial mengingatnya sedari tadi.

"Cik Marsha ... Oooo ya ... Baru saya ingat ... Maafkan saya kerana lambat mengenali Cik Marsha tadi," kataku sambil ketawa.

"Tapi buat apa dia ke sini," kataku dalam hati.

"Alaaa ... janganlah bercik-cik dengan kakak ... sekarang Iqa dah pun jadi tunangan adik akak dan bakal adik ipar akak," sambungnya lagi sambil tersenyum memanjang.

"Kakak? Adik kakak siapa? Iqa kenalkah?" Kataku sambil terkejut. Kejutan pertama belum pun habis. Ini ditambah lagi dengan kejutan kedua. Lepas ini aku tak tahu kejutan apa lagi yang nak ditujukannya kepadaku. Aku lihat Cik Marsha eh!! ... kakaklah tersenyum manis memandangkku.

"Kenal. Lebih kenal. Iqa nak tahu siapa dia? Dia ada di belakang Iqa sekarang," sepiantas kilat aku menoleh ke belakang. Kulihat Encik Syafiq tersenyum simpul memandangkku. Aku terkejut kali ketiga.

"Encik Syafiq? ... Ahh! ... Tak mungkin," jeritku dalam hati.

Kucubit paha kiri dan kananku. Sakit ... Aku tak bermimpi. Macam tak percaya ini terjadi. Tapi itulah

kenyataannya.

"Encik ...," belum pun habis kata-kata yang nak kuluahkan. Dengan cepat ia memotongnya.

"Tak payah berencik-encik dengan abang Iqa ...," katanya dengan lemah lembut.

Aku terpaku. Bila berpaling belakang. Kakak Iza dah pun hilang entah ke mana. Kelihatan sanak saudara tersenyum-senyum memandangk kami.

"Errr ... Abang?" Terkejutku mendengarnya.

"Maafkan abang kerana tak berterus terang dengan Iqa. Dah lama abang menaruh hati pada Iqa, tapi abang tak tahu bagaimana caranya yang harus abang katakan pada Iqa. Seinggalah Mira memberitahu kakak Marsha yang Iqa sanggup menerima sesiapa saja sebagai suami Iqa." Aku terdiam seribu bahasa dengan penjelasan Abang Syafiq. Aku bersyukur ke hadirat Tuhan, bunga-bunga cinta yang kusemai selama ini tidak bertepuk sebelah tangan.

"Tapi apa hubungannya kak Marsha dengan Mira?" soalku dalam hati.

"Untuk pengetahuan Iqa, Mira tu kawan sekolah kakak Sha dekat Universiti. Mira jugalah yang menjadi orang tengah dalam perhubungan kita ini. Iqa mengerti sekarang," sambungannya lagi sambil merenung ke mukaku.

"Iqa ... Iqa sudi tak menerima abang sebagai tunangan Iqa?" Aku tunduk membisu. Malu. Namun dalam hati Tuhan saja yang tahu betapa gembiranya hati ini.

"Iqa ...," lembut suaranya memanggilku. Tanganku digenggamnya erat.

"Ini untuk Iqa ... Khas buat tunangan abang," katanya sambil menghulurkan sebakung bunga mawar merah kepadaku. Aku mendongakkan muka ke arahnya. Dia tersenyum memandangkku.

"Bunga ini serupa dengan bunga yang aku terima sehari-hari. Mungkin-kah Abang Syafiq yang mengirimnya?" Tanyaku dalam hati.

"Mungkin Iqa tertanya-tanya siapakah jejak idamanku? Biar abang berterus terang sebenarnya abanglah yang mengirim bunga dan kad tu pada Iqa. Maafkan abang kerana memarahi Iqa hari tu. Abang tak tahu kenapa. Mungkin abang masa tu banyak kerja atau mungkin ...," Abang Syafiq merenungku dengan manja sekali. Seketika mata kami berpandangan. Aku tersipu malu lalu menundukkan kepalaku ke lantai.

"Iqa ... Maafkan abang sayang ...," rayunya sambil mencium kedua-dua belah telapak tanganku. Aku terkedu. Merona merah kedua-dua belah pipiku. Ketika abang Syafiq mencium tanganku di hadapan sanak saudaraku.

"Abang ... Iqa terima abang seadanya ...," kucium tangannya dengan lembut sekali. Aku lihat abang Syafiq tersenyum penuh makna memandangkku. Terlelai sudah segala masalahku selama ini. Semoga bunga-bunga cinta kami akan terus mekar dan bersemi hingga ke akhir hayat. Amin.

SEPERTI biasa Syafiqah merupakan orang yang pertama sekali yang sampai ke pejabat. Tapi hari ini senario pejabatnya telah berubah.

Ada orang lain yang lebih dahulu tiba di pejabat. Iqa tertanya-tanya siapakah orang yang datang awal dari dirinya. Kedengaran pintu bilik

Encik Syafiq dibuka dari dalam. Pantas Iqa berpaling. Seketika pandangan matanya bertaut dengan pandangan mata Encik Syafiq.

Segera Iqa mengalihkan pandangannya ke arah lain.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

INDAHNYA NEGARA KITA

Apa khabar kalian
kulihat semua berwajah riang gembira
bersama indahnya negara kita
waktu malam yang penuh ceria
lampu yang beraneka
bendera yang berkibar
setiap bangunan dan sepanjang jalan
ke ibu kota yang bergema.

Apakah ini sudah cukup
apakah ini sudah memadai
untuk kita berkata
bahawa inilah luahan
inilah pernyataan
cinta dan kasih sayang kita
kepada pemimpin kita
Kebawah Duli Sultan kita.

Hari ini genaplah 60 tahun usia baginda
dalam memimpin negara dan bangsa
yang menjadikan negara kita
indah dan cantik
seperti bunga-bunga yang mekar dan
berkembang.

Nun jauh di seberang benua
banyak negara yang beraneka
hidup dalam duka dan derita
sungguhpun sudah merdeka
lebih setengah abad daripada kita
apakah yang mereka dapat
apa yang mereka rasa
kemiskinan yang melanda
kebuluran dan kelaparan yang menimpa
kekacauan dan pembunuhan
terjadi di mana-mana
kedamaian seperti kita
tidak pernah mereka rasa
tidak ada di tempat mereka
apakah kita masih alpa
apakah kita tidak terasa apa-apa.

Remunglah
sedarlah
insafilah
betapa bertuahnya negara kita
sebagai bangsa dan negara yang merdeka
yang masih muda tetapi ceria
indah
cantik
bergaya
seperti bunga yang mekar
harumnya melakar dunia.

Atas kepimpinan Kebawah Duli Sultan
atas kebijaksanaan
atas keprihatinan baginda
negara yang kecil molek ini
penuh dengan suasana bahagia
berjaya membangun negara
dalam pelbagai bidang
politik
ekonomi
sosial
pendidikan
kebudayaan
infrastruktur lainnya
berteras dan berkonsep
Melayu Islam Beraja
sebagai falsafah negara.

60 tahun usia baginda
dalam takhta negara merdeka
sihat afiat pohon dipinta
kepada Tuhan yang Maha Pencipta
agar usia baginda
penuh dengan berkat
sepanjang hayat
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.

K. Manis

SELAMAT ULANG TAHUN

Selamat ulang tahun ke-60
emas permata tanda jubli
laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik'
amat kuat menggelegar Bandar Seri Begawan
memecah suasana memeriahkan lagi
aman makmur negara yang diberi
tahun ini amat bererti.

Ulang tahun ke-60 ini
lambaian tangan rakyat sejati
amat kasih dan disayangi
nur wajah yang berseri
gambaran khalifah yang disanjung.

Tahun ini tahun bermakna
akan dirasai kemeriahan yang diadakan
haruman semerbak bergelora di dalam negara
untuk raja yang dikasihi rakyat
nampak hebat di tahun ini.

PELITA BRUNEI

Pelita itu adalah ilmu
edaran maklumat seperti sinarnya
lintasan pancaran memberi petunjuk
itulah ilmu yang disebarkan
tatkala masa terus berkejaran
atasi kegelapan dengan maklumat.

Beri kesedaran dan penghayatan
ramai pembaca terus bertapak
untuk mengejar maklumat terkini
namamu sudah dikenali
emas mungkin dicari
ini kau pula ilmu yang diberi percuma.

Teruslah engkau berjaya ke hadapan
elakkan berhenti di persimpangan
rasa gembira jika dapat dimiliki
biar mana pun engkau berada
akan dicari-cari hingga lenyap
itulah pelita pembawa ilmu
kesemuanya lengkap di dalam
PELITA BRUNEI kita.

KHALIFAH NUSANTARA

Terpacak bendera negara kita
falsafah negara Melayu Islam Beraja
sesuatu yang sinonim untuk negara
negara yang terletak di Nusantara.

Terpancar sinar khalifah kita
yang disanjung tinggi jadi amalan
rasa kasih yang diberikan
negara aman makmur sentosa.

Raja adil laila bijaksana
rakyat taat kepada raja
inilah ulang tahun sultan kita di singgahsana
yang ke-60 emas permata
semoga tuhan memanjatkan raja kita
disayangi di seluruh pelusuk negara
rakyat bersyukur tiada terhingga
khalifah ini khalifah kita
khalifah Nusantara di Brunei Darussalam.

Ali Termizi H. R.

HIDUP ADALAH LAUT

Hidup adalah laut
penuh berombak dan terbatas
tepiannya tiada terbatas
walau pasirmu menghalangmu.

Hidup adalah laut
merbahaya pada nelayan
mangsamu tiada bermusim
yang menjamah kehadiranmu.

Duhai laut
duhai ombak
ketenanganmu
amat menyeksakan
alunanmu memalsukan
pada hati yang mengharap
akan baktimu.

Laut
dan ombak
keganasanmu
penuh perangap
penuh noda-noda kelicinan
yang bisa melenyapkan harapan.

KATOK II

Ketika kesabaran
ketakwaannya
bermukim di kepala.

Senyumanmu
suaramu
tutur katamu
menampakkan keunggulanmu
sebagai seorang ibu
yang penyabar.

Lantas hatimu terpaut
dengan janji-janji Allah
sabar itu istana iman
bertawakal diperbanyakkan
keimanan di puncak harapan.

Kini
katok
kesabaran
dan ketakwaanmu
bersinar di mata
dengan terbenamnya
sebuah tugu di hatimu.

KATOK III

Keimanan
ketakwaannya
jalan yang diredai
menampakkan kesabaranmu
telah dimakbulkan Allah.

Hari ini kau dapat berpesta
di atas kejayaanmu
terbinanya sebuah istana indah
di tepi jejalan yang merentang
bersama sebuah doa yang tulus.

Allah Maha Pengasih
Allah Maha Penyayang
Allah Maha Mengetahui
pada hamba-Nya yang sabar
begitulah konsep hidupmu.

Dari itu
binalah institusi familimu
berakarkan tunjang yang luhur
di bawah payung yang Maha Esa.

Pg. Hj Idris bin Pg. Hj. Ismail

BALADA SEORANG PERAWAN

Seorang perawan
berbaju kurung kelabu
angin berpuput ke pipi gebunya
sebuah sketsa
mempamerkan tragedi
menyentuh hati
namun dia menyerahkan kepada Ilahi.

Di atas pantai pasir yang putih
dia berdiri
di senja hari

memandang ke Laut China Selatan
lautan biru
hatinya pilu
peristiwa yang berlalu
tapi sudah azali
dari Ilahi.

Matahari di horizon permukaan laut
di ufuk barat
beransur-ansur tenggelam
dan menjelang malam.

Camar pulang ke sarang
tetapi yang ditunggu-tunggu belum pulang.

JANGAN PANDANG-PANDANG SEKILAS PANDANG

Jikalau engkau orang yang kerdil
tambahan pula duniamu rapuh
engkau akan terhindar
dan terpinggir.

Namamu yang panjang nan bertali-tali
kalian ramai bersama sahabat handai
jikalau diundang
pastinya datang
hilang segala yang menghalang
kerana nama terbilang
pangkat cemerlang
tetapi jikalau engkau orang yang malang
akan dipandang sepi
menyepi.

Mengundang dan diundang
jangan pandang-pandang
sekilas pandang
sebenarnya semai di sanubarimu
akan hadis Nabi
pedoman di duniawi.

Mahadi R. S

SABAR

Kita sedang maju
kerana itu
harus belajar untuk sabar
sewaktu berbaris bagi
menjelaskan bil api, bil telefon, bil air
atau mendapatkan setem.

Kita sedang maju
kerana itu
harus belajar untuk sabar
menunggu lampu merah
bertukar hijau.

Kita sedang maju
maka oleh kerana itu
terlalu sulit rupanya
hendak menjadi sabar.

PIMPINAN ILAHI

Dengan secantik cinta
memanjatkan sebuah doa
asyikan semata-mata
sekalungan hayat yang berkat.

Sudah lama mengembara
jauh nian laluan
usahakan lorong-lorong berdebu
ditambah kerikil berliku-liku.

Sungguh hiba hati ini
mengenang mustajab tak kunjung tiba
bagaimana kesekian kalinya
rumah-Nya tak dipedul.

Relaikanlah musim kelalaian
sepanjang keterlanjuran
semoga bersama makrifat
pimpinan-Mu jua yang benar
pimpinan-Mu jua yang kekal.

Hanirah



ستياس برسام بيسكيت
Santiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

RIHAK RTB berhak menarik mana-mana jua rancangan

RABU 2 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.05	MEMORIES SR. 2 - 'Alon'
11.00	REAL KIDS REAL ADVENTURES
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	CYBERCHASE SR. 4
4.45	MONSTER BY MISTAKE SR. 3
5.15	DRAMA - 'Soldadu'
5.45	BERITA
6.37	AZAN MAGHRIB
6.45	SIRAH NABAWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	MUZIK '05
7.50	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Wira'
9.30	LEGENDA
10.00	NEWS AT 10
10.30	SUKAN
	ANTARABANGSA
11.00	LIFE WITH BONNIE
11.30	DARK ANGEL
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 3 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	FILLER
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	MEMORIES SR. 2 - 'Palayok At Pintura'
11.00	REAL KIDS REAL ADVENTURES
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	DRAMA - 'Matahariku'
12.28	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	LIVING
1.30	JUST FOR VARIETY
2.30	ANIMATED FEATURE -

'Land Before Time 4,
Journey Through Mist'

3.48	AZAN ASAR
4.00	ATOM YR. I
4.30	DRAGON TALES SR. I
5.00	BEYOND 2000 SR. VII
5.45	BERITA
6.00	RECORD BREAKERS
6.37	AZAN MAGHRIB
6.45	FIQHUL MIRATS

PETANG

7.00	SURAH-SURAH PILIHAN
7.30	WARTA ISLAM
7.49	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA: 'Syurga Di Bawah Telapak Kaki Ibu'
11.45	WAYANG PILIHAN - 'Robin Cook's Terminal'
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 4 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL QUR'AN
6.15	FILLER
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SESAME STREET SR. 33
10.45	FRANKLIN
11.15	RAKAN CYBER SR. I
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL 10
12.15	ART ATTACK
12.30	SEMBAHYANG FARU

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
2.30	MENARA SUMBER - Ulangan
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Duplicate'
3.48	AZAN ASAR
3.55	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.45	BERITA
6.00	HALUAN
6.36	AZAN MAGHRIB
6.45	BICARA IMAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	KOLEJ
7.49	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	FIKIR-FIKIR
9.30	BIOLOGIC
10.00	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH

11.00	JUMAAT TELEDRAMA - 'Sangkar Kristal'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 5 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	WHAT'S WITH ANDY
10.45	HOLLY'S HEROES
11.15	IMPIAN
11.30	BERITA
12.00	GILLETTE WORLD OF SPORT
12.28	AZAN ZUHUR
12.33	PANGGUNG PETANG SABTU

PETANG

2.00	DRIVE
2.30	ODD SPORTS
3.00	THIRD WATCH
3.47	AZAN ASAR
4.00	HORIZON
5.00	THE NEW ADVENTURES OF OCEAN GIRL
5.30	JUST A KID: 'Caitling's Way'
5.45	BERITA
6.15	VALLEY OF THE KINGS
6.36	AZAN MAGHRIB
1845	PEDOMAN AKIDAH

PETANG

7.00	DUNIA ASIA
7.30	KLINIK KITA
7.49	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.55	DARI STUDIO SATU
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR
12.00	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 6 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI -

10.00	Sambungan RANCANGAN HARI INI
10.15	SUPER ROBOT MONKEY TEAM HYPER FORCE GO
10.45	ACCORDING TO JIM YR. I
11.15	PIMPING SR. 2
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'My Uncle The Alien'
12.28	AZAN ZUHUR

PETANG

1.15	GILLETTE WORLD OF SPORT SR. 21
11.45	REBEL BILLIONAIRE
2.45	JUARA 2006 - Siaran Langsung
3.20	BEING EVE
3.47	AZAN ASAR
4.00	LEGEND OF THE DRAGON
4.30	TEKNO M3
5.00	KAUNSELING MASYARAKAT
5.30	PENGAJARAN DARI AL QUR'AN
5.45	BERITA
6.00	THE WONDERFUL WORLD OF PLANT
6.30	EXTRAORDINARY DESTINATIONS
6.36	AZAN MAGHRIB

MALAM

7.00	TAHUKAH AWDA SR. 3
7.48	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TIRAI KELUARGA - 'Satu Titek Digerisan'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	10.5
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 7 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	MEMORIES SR. 2 - 'Komiks'
11.00	REAL KIDS REAL ADVENTURES
11.30	HEALTHY HOME
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI

4.20	PAINTING AND MOTION
4.45	CHUCKLEWOOD
5.15	CRITTERS SR. II
5.45	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
5.45	BERITA
6.00	WORKING ANIMAL SR. 6
6.36	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	LINGKARAN IMAN
7.48	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RAGAM KEHIDUPAN
9.30	SANJUNGAN
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUKAN GLOBAL
11.00	THE WHOLE STORY
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 8 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	MEMORIES SR. 2 - 'Kape'
11.00	REAL KIDS REAL ADVENTURES
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	SIARAN TAMAT

MALAM

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	CEDRIC SR. 2
4.45	WHY WHY FAMILY
5.15	INNOVATION
5.45	BERITA
6.00	KID SINAR SR. 3
6.36	AZAN MAGHRIB
16.45	AL ISLAM

MALAM

7.00	DRAMA - 'Percayakah Inda'
7.30	GAYA HIDUP
7.48	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANCANGAN KHAS
9.30	SENARIO SR. I
10.00	NEWS AT 10
10.45	WITHOUT A TRACE
11.30	MISS MATCH
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MELATIH

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN YURAN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
MOE/LTK/141/2006 (DTE(SP)-OGOS-06)	TAWARAN PEMBEKALAN, MENGHANTAR, PERALATAN DAN PERKAKAS BAGI SEKOLAH PERDAGANGAN, JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2006/2007.	\$ 50.00 (Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak di-kembalikan)	15/08/2006 (Tidak lewat jam 2.00 petang)
MOE/LTK/142/2006 (DTE (MTSSR)-OGOS-06)	TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, KOMESYEN DAN MELATIH PERALATAN INTERGRATED ELECTRIC AND ELECTRONIC COMPONENT EDUCATIONAL SYSTEM BAGI BAHAGIAN AUTOMOTIVE MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL, JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2006/2007.	\$ 50.00 (Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak di-kembalikan)	15/08/2006 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MENYUKAT DAN MENJAHIT

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN YURAN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
